# KOLEKSI PEPERIKSAAN PERCUBAAN PENGAJIAN AM SEMESTER 2, STPM 2021


| BIL. | NAMA SEKOLAH | MUKA SURAT |
|---|---|---|
| 1 | SMJK JIT SIN (SKK) | 3-16 |
| 2 | KOLEJ TINGKATAN ENAM TUN FATIMAH MELAKA | 17 |
| 3 | KOLEJ TINGKATAN ENAM TUN FATIMAH MELAKA (SET 2) | 26 |
| 4 | JABATAN PENDIDIKAN NEGERI TERENGGANU | 3.8 |
| 5 | KOLEJ TINGKATAN 6 PUCHONG | 51 |
| 6 | PTE SMK TUN SYED ZAHIRUDDIN | 62 |
| 7 | SMK DATUK BENDAHARA, JASIN, MELAKA | 70 |
| 8 | SMK PENDING, KUCHING | 79 |
| 9 | SMKST | 95 |
| 10 | SMK SULTAN ISMAIL | 105 |
| 11 | SMK TENGKU MAHMUD ISKANDAR | 118 |
| 12 | PENTAKSIRAN DAERAH BATU PAHAT | 127 |
| 13 | SMK SEBERANG JAYA | 139 |
| 14 | SMK PENANTI | 148 |
| 15 | SM TINGGI BUKIT MERTAJAM | 158 |
| 16 | JKD MUAR | 170 |
| 17 | KOLEJ ISLAM SULTAN ALAM SHAH, KLANG | 181 |
| 18 | | |
| 19 | | |
| | | |
| | | |

**PERINCIAN PEMARKAHAN BAHAGIAN B:**

| A. | MEDIA | | PA | KT | KI | KJ | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | 1 | Media tepat: | 6 | 6 | 6 | 2 | 20 |
| | 2 | Salah media (rujuk jadual) | - | - | - | - | 1/20 |
| B | MAKLUMAT SALAH | | | | | | |
| | 1 | Tak ada tajuk/ salah tajuk/ tiada tahun pada tajuk/tak ada lokasi | 3 | 3 | 3 | 1/2 | 10/11 |
| | 2 | Tak ada petunjuk/ petunjuk pada muka surat lain | 3 | 3 | 3 | 1/2 | 10/11 |
| | 3 | Tak ada peratus/ tak ada nilai atau unit pada paksi y/ tak ada jumlah besar/ tak ada label/tak ada skala menegak ( carta pai bertingkat ) | 3 | 3 | 3 | 1/ 2 | 10/11 |
| | 4. | Salah peratus / salah unit / salah nilai / salah jumlah besar / tak ada label ***( Tajuk yang ada tidak membantu menghidupkan label terutamanya label pembolehubah/perkara )*** | 4 | 4 | 4 | 1/2 | 13/14 |
| | 4 | Tidak tulis label paksi Y1 dan Y2 ( melibatkan graf bergabung ) | 4 | 4 | 4 | 1/2 | 13/14 |
| | 5 | Tidak tulis unit paksi Y1 dan Y2 / salah nilai ( melibatkan graf bergabung ) | 4 | 4 | 4 | 1/2 | 13/14 |
| C | 1 | Sumber tidak lengkap | 6 | 6 | 5 | 1/2 | 18/19 |
| | 2 | Tiada sumber | 6 | 6 | 4 | 1/2 | 17/18 |
| | 3 | Salah unit/nilai pada paksi y tetapi skala betul | 4 | 4 | 4 | 1/2 | 13/14 |
| | 4 | Tiada unit/nilai pada paksi y tetapi ada skala yang betul , skala dapat membantu menjelaskan unit/nilai di paksi y | 6 | 6 | 5 | 1/2 | 18/19 |
| | 5 | Tiada / salah nisbah jejari / salah aplikasi seperti skala 1cm: 3.15 unit | 6 | 6 | 4 | 1/2 | 17/18 |
| D | 1 | Perbezaan sektor:<br>Jika menggunakan warna sepenuhnya | 6 | 6 | 6 | 1/2 | 20 |
| | | Jika berlorek penuh | 6 | 4 | 6 | 1 | 17 |
| | | Jika menggunakan gabungan warna dan lorekan | 6 | 3 | 6 | 1 | 16 |
| | | Jika menggunakan abjad atau angka | 6 | 1 | 6 | 1 | 14 |
| E. | 1 | MARKAH UNTUK JADUAL | Tajuk | Butiran | Sumber | - | Jumlah |
| | | Jika jawapan hanya jadual sahaja , Jadual yang lengkap | 2 | 2 | 1 | | 5 |
| | 2 | Jadual tanpa tajuk/unit yang lengkap tidak diterima/data/label | 0 | 0 | 0 | - | 0 |
| | 3 | Tajuk / unit/data/label tidak lengkap | 1 | 1 | 1 | | 3 |
| | 3 | Ada tajuk tetapi salah | 1 | 2 | 1 | - | 4 |

# SOALAN PEP. PERCUBAAN PAM 2, 2021
# SMJK JIT SIN (SKK)

Nama: …………………………………………. Kelas: ……………

**900/2** **STPM 2021**

**SMJK JIT SIN (SKK)**
**PEPERIKSAAN PERCUBAAN PENGGAL II**
**STPM 2021**
**PENGAJIAN AM KERTAS 2**
**(1 jam 30 minit)**

**Arahan kepada calon :**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN**

*Kertas soalan ini mengandungi tiga bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B, dan Bahagian C.*

*Calon dikehendaki menjawab* ***semua*** *soalan dalam Bahagian A dan* ***satu*** *soalan dalam Bahagian B dan Bahagian C.*

*Calon dikehendaki menjawab soalan dalam Bahagian A pada ruang yang disediakan.*

*Gunakan helaian jawapan bagi menjawab soalan dalam Bahagian B dan C. Mulakan setiap jawapan anda pada helaian kertas yang baharu dan susun jawapan mengikut tertib berangka. Ikat helaian jawapan anda bersama-sama dengan kertas soalan ini.*

*Jawapan pada Bahagian B perlu dijawab pada kertas graf dan diserahkan bersama-sama dengan kertas jawapan anda. Markah bagi tiap-tiap bahagian soalan dan soalan diberikan dalam tanda kurung [ ].*

*Kertas soalan ini mengandungi 60 markah.*

| **Untuk kegunaan pemeriksa** | |
|---|---|
| **Bahagian A** | |
| **1** | **-16** |
| **2** | |
| **3** | |
| **4** | |
| **Bahagian B** | |
| | |
| **Bahagian C** | |
| | |
| **Jumlah** | |

**Kertas soalan ini terdiri daripada 8 halaman bercetak**

Hak Cipta Terpelihara Panitia Pengajian Am, SMJK Jit Sin (SKK)

**Bahagian A** [15 markah]

*Jawab **semua** soalan.*

a) Nyatakan empat teras strategik yang dilaksanakan oleh kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK 11) untuk mencapai pertumbuhan bermatlamatkan kemakmuran dan kesejahteraan rakyat. [4]

i. ..............................................................................................................................

..............................................................................................................................

ii. ..............................................................................................................................

..............................................................................................................................

iii. ..............................................................................................................................

..............................................................................................................................

iv. ..............................................................................................................................

..............................................................................................................................

b) Nyatakan tiga kesan sekiranya rakyat Malaysia tidak berpegang teguh kepada agama dan kepercayaan masing-masing. [3]

i. ..............................................................................................................................

..............................................................................................................................

ii. ..............................................................................................................................

..............................................................................................................................

iii. ..............................................................................................................................

..............................................................................................................................

3. Nyatakan empat usaha menjana tenaga kerja berpengetahuan, berkemahiran dan bersahsiah tinggi. [4]

a) ..............................................................................................................................

..............................................................................................................................

b) ..............................................................................................................................

..............................................................................................................................

c) ..............................................................................................................................

..............................................................................................................................

d) ..............................................................................................................................

..............................................................................................................................

4. Berikan empat pemboleh daya bagi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 [4]




i. ……………………………………………………………………………………

ii. ……………………………………………………………………………………

iii. ……………………………………………………………………………………

iv. ……………………………………………………………………………………

**Bahagian B** [20 markah]

*Jawab* ***satu*** *soalan sahaja. Jawapan hendaklah dibuat pada kertas graf.*

5. Berdasarkan maklumat yang diberi dalam petikan di bawah, lukis satu graf yang sesuai untuk menunjukkan kutipan cukai tidak langsung mengikut setiap kategori dari tahun 2004 hingga tahun 2009.

Cukai tidak langsung merupakan komponen pendapatan cukai terpenting sumbangannya terhadap sumber pendapatan negara. Selaras dengan keadaan ekonomi dan aktiviti perdagangan dan perniagaan negara, kutipan cukai tidak langsung sentiasa mencatat aliran tidak konsisten. Sungguhpun kutipan cukai langsung mencatat keadaan turun naik, namun hasil kutipan duti eksais, cukai jualan dan perkhidmatan mencatat peningkatan secara keseluruhannya. Umpamanya, hasil cukai jualan meningkat RM1 790 juta menjadi RM8 605 juta pada tahun 2009 berbanding RM6 815 juta pada tahun 2004. Manakala, hasil cukai perkhidmatan pula meningkat sebanyak 44.04% daripada RM2 350 juta kepada RM3 385, dalam tempoh yang sama.

Dua kategori cukai tidak langsung yang mengalami pola turun naik dan secara keseluruhannya mengalami penurunan ialah duti eksport dan duti import. Kutipan duti eksport pada awalnya mencatat peningkatan berturut-turut, iaitu menjadi RM2 362 juta pada tahun 2006 berbanding RM2 085 juta pada tahun sebelumnya. Pada tahun 2004, kutipan duti eksport berjumlah RM1 600 juta. Namun demikian, bermula tahun 2007 kutipan duti eksport mencatat turun naik, iaitu berkurang RM40 juta berbanding tahun 2006 tetapi menjelang tahun 2008 meningkat sebanyak RM458 juta tetapi kembali menurun sebanyak RM1 630 juta menjadi RM1 150 juta berbanding tahun 2007. Secara keseluruhannya, antara tahun 2004 hingga tahun 2009, kutipan duti eksport mengalami kemerosotan sebanyak RM450 juta. Hasil duti import pula mencatat penurunan berturut-turut antara tahun 2004 hingga tahun 2007 menjadi RM2 425 juta pada tahun 2007 berbanding RM2 680 juta pada tahun 2006. Pada tahun 2005, kutipan duti import menurun sebanyak RM490 juta menjadi RM3 385 juta berbanding tahun 2004. Menjelang tahun 2008, duti import meningkat sebanyak RM210 juta menjadi RM2 635 juta berbanding tahun sebelumnya. Secara keseluruhannya, hasil duti import menurun sebanyak RM1 760 juta antara tahun 2004 hingga tahun 2009.

Menyentuh hasil duti eksais, kutipan duti eksais mencatat pola tidak konsisten. Antara tahun 2004 hingga tahun 2005, hasil duti eksais meningkat RM2 213 juta menjadi RM8 640 juta pada tahun 2005. Menjelang tahun 2007 dan tahun 2008, senario lebih positif berlaku dalam kutipan duti eksais. Hasil kutipan meningkat berturut-turut mencapai paras RM 10 680 juta pada tahun 2008, iaitu lebih sebanyak RM1 690 juta berbanding tahun 2007. Antara tahun 2006 hingga tahun 2007 pula, kutipan duti eksais mencatat peningkatan RM413 juta, keadaan positif ini berubah menjelang tahun 2009 kerana hasil duti eksais kembali menurun menjadi RM10 069 juta. Secara keseluruhannya, kutipan ini meningkat sebanyak RM3 642 juta antara tahun 2004 dan 2009.

Seterusnya, kutipan cukai jualan juga mencatat keadaan turun naik. Hasil cukai jualan pada tahun 2004 ialah sebanyak RM6 815 juta dan merupakan hasil cukai tidak langsung yang terbanyak pada tahun2004. Pada tahun berikutnya, hasil cukai jualan meningkat sebanyak RM895 juta berbanding tahun sebelum. Namun demikian, hasil ini berkurang menjadi RM6 532 juta pada tahun 2006 tetapi kembali meningkat menjadi RM6 642 juta pada tahun berikutnya. Aliran peningkatan ini terus kekal hingga tahun 2009. Antara tahun 2007 hingga tahun 2008, kutipan cukai jualan meningkat sebanyak RM1 732 juta dan ini merupakan hasil

peningkatan terbanyak dalam tempoh 2004 hingga tahun 2009, kutipan cukai jualan terus meningkat dengan nilai jauh lebih kecil berbanding tahun 2008, iaitu RM231 juta menjadi RM8 605 juta.

Akhir sekali, hanya kutipan cukai perkhidmatan mencatat peningkatan berterusan. Pada tahun 2004, kutipan cukai perkhidmatan bernilai RM2 350 juta dan angka ini bertambah menjadi RM2 685 juta pada tahun 2006, iaitu lebih sebanyak RM103 juta berbanding tahun 2005. Peningkatan lebih ketara dicatat antara tahun 2006 hingga tahun 2007, iaitu sebanyak RM330 juta berbanding tahun 2006. Walau bagaimanapun, menjelang dua tahun terakhir, peningkatan kutipan cukai jualan menjadi mendatar, iaitu RM3 345 juta pada tahun 2008. Nilai kutipan cukai jualan pada tahun 2009 mencatat peningkatan lebih kecil, iaitu cuma RM40 juta berbanding tahun 2008.

(Sumber: Dipetik dan diubahsuaikan daripada Laporan Ekonomi 2005, 2006, 2007, 2008 dan 2009)

6. Berdasarkan maklumat dalam petikan di bawah, sediakan graf yang sesuai untuk menunjukkan eksport komoditi terpilih dan kadar pertumbuhan jumlah eksport Malaysia, antara tahun 2005 hingga tahun 2009.

Eksport tiga komoditi utama negara, iaitu getah, minyak kelapa sawit, dan minyak mentah mencatat peningkatan berterusan antara tahun 2005 hingga tahun 2008, tetapi perangkaan pada awal tahun 2009 menunjukkan ketiga-tiga komoditi berkenaan dianggarkan mengalami kejatuhan ketara. Antara ketiga-tiga komoditi tersebut, eksport minyak mentah dianggarkan mencatat kejatuhan paling tinggi, iaitu merosot sebanyak RM18 508 juta dan eksport getah pula dianggarkan mencatat kejatuhan paling kecil, iaitu RM3 652 juta dalam tempoh 2008-2009. Walau bagaimanapun, jumlah eksport Malaysia tetap mengalami pertumbuhan positif sepanjang tempoh 2005-2009.

Pada tahun 2006, eksport getah meningkat sebanyak RM2 448 juta menjadi RM8 235 juta berbanding tahun 2005. Eksport minyak kelapa sawit pula bertambah daripada RM20 504 juta menjadi RM22 868 juta. Antara tahun 2006- 2007, eksport minyak kelapa sawit terus meningkat RM11 322 juta menjadi RM34 190 juta. Sebaliknya, eksport getah pula mengalami kejatuhan menjadi RM7 334 juta, dalam tempoh berkenaan. Dalam tempoh 2005-2007, antara ketiga-tiga komoditi tersebut, nilai eksport minyak kelapa sawit mengalami peningkatan tertinggi, iaitu RM13 686 juta.

Sementara itu, eksport getah dan minyak kelapa sawit terus meningkat menjelang tahun 2008. Eksport minyak kelapa sawit masih mencatat peningkatan tertinggi, iaitu sebanyak RM15 500 juta berbanding tahun 2007. Malah, ini merupakan peningkatan tertinggi berbanding tempoh lain. Dalam pada itu, eksport getah menunjukkan peningkatan agak mendatar menjadi cuma RM8 112 juta berbanding tahun sebelumnya. Antara ketiga-tiga komoditi terpilih ini, eksport getah mencatat peningkatan paling rendah, iaitu RM778 juta sahaja. Namun demikian, perangkaan awal tahun 2009 menunjukkan eksport getah dianggarkan merosot sebanyak RM3 652 juta berbanding tahun 2008. Sementara itu, eksport minyak kelapa sawit pula dianggarkan mengalami kejatuhan lebih tinggi, iaitu RM11 214 juta menjadi RM38 476 juta pada tahun 2009.

Akhir sekali, eksport minyak mentah mengalami peningkatan mendatar antara tahun 2005 hingga 2007, iaitu menjadi RM33 526 juta berbanding RM32 589 juta pada tahun 2006. Pada tahun 2005, nilai eksport minyak mentah Malaysia ialah RM30 517 juta atau kurang RM2

072 juta berbanding tahun 2006. Menjelang tahun 2008, eksport komoditi ini meningkat sebanyak RM10 554 juta berbanding tahun sebelumnya. Pada tahun 2009, eksport minyak mentah dianggarkan mengalami kejatuhan tertinggi, iaitu RM18 508 juta menjadi RM25 572 juta sahaja. Secara keseluruhan, antara ketiga-tiga komoditi in hanya eksport minyak mentah mengalami kejatuhan dalam nilai eksport daripada RM30 517 juta kepada RM25 572 juta.

Menyentuh kadar pertumbuhan jumlah eksport Malaysia, eksport Malaysia mencatat kadar pertumbuhan tahunan tertinggi pada tahun 2005, iaitu 11.4% dan kadar pertumbuhan tahunan paling kecil adalah pada tahun 2009, iaitu 1.8%. Pada tahun 2006, kadar pertumbuhan jumlah eksport menjadi lebih kecil, iaitu 9.9% dan menjadi lebih buruk lagi ke paras 2.6% pada tahun 2007. Sungguhpun antara tahun 2005- 2008, kadar pertumbuhan jumlah eksport negara merosot berturut-turut, namun pada tahun 2008 kadar pertumbuhan berkenaan kembali meningkat ke paras 9.8%. Memandangkan eksport komoditi terpilih mengalami kejatuhan ketara pada tahun 2009, kadar pertumbuhan jumlah eksport negara dianggarkan turut menguncup ke tahap 1.8%.

(Sumber: Dipetik dan diubahsuaikan daripada
Laporan RMK9 dan RMK10)

**Bahagian C** [25 markah]

*Jawab **satu** daripada tajuk di bawah ini dan tulis karangan yang panjangnya antara 300 hingga 350 patah perkataan. Calon hendaklah mengemukakan **lima** isi atau idea sahaja bagi karangan yang dihasilkan.*

7. Statistik kes jangkitan COVID-19 semakin melonjak.
   Bincangkan.

8. Kes penyalahgunaan Internet di Malaysia semakin meruncing.
   Bincangkan.

# SOALAN PEP. PERCUBAAN PAM 2 2021
# SMJK JIT SIN (SKK)

**Bahagian A**

| | |
|---|---|
| 1. | Nyatakan empat teras strategik yg dilaksanakan oleh kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK 11) untuk mencapai pertumbuhan bermatlamatkan kemakmuran dan kesejahteraan rakyat. [4]<br>i. Memperkukuh inklusiviti ke arah masyarakat yang saksama<br>ii. Meningkatkan kesejahteraan rakyat<br>iii. Memperkasa pembangunan modal insan untuk negara maju<br>iv. Menuju ke arah pertumbuhan hijau bagi meningkatkan kemampanan dan daya tahan<br>v. Memperkukuh infrastruktur untuk menyokong perkembangan ekonomi<br>vi. Merekayasa (penerapan unsur-unsur ilmu, budaya dsb dlm perancangan) pertumbuhan ekonomi untuk peningkatan kemakmuran |
| 2. | Nyatakan tiga kesan sekiranya rakyat Malaysia tidak berpegang teguh kepada agama dan kepercayaan masing-masing. [3]<br>• Menjejaskan perpaduan<br>• Meruntuhkan keperibadian/jati diri individu / bangsa / negara<br>• Menjejaskan pembentukan bangsa/negara berasaskan kepada Tuhan<br>• Meningkatkan masalah sosial<br>• Menjejaskan perkembangan ekonomi<br>• Menghakis akidah / kepercayaan sebenar agama ahli masyarakat<br>• Masyarakat mempercayai pelbagai kepercayaan karut / syirik<br>• Meningkatkan ancaman ekstremisme agama terhadap keselamatan dan kedaulatan negara<br>• Meningkatkan masalah jenayah<br>• Menjejaskan usaha melahirkan masyarakat bermoral dan beretika |
| 3. | Nyatakan empat usaha menjana tenaga kerja berpengetahuan, berkemahiran dan bersahsiah tinggi. [4]<br>• Menambahkan kemudahan pendidikan + latihan berkualiti<br>• Menggalakkan pembelajaran seumur hidup<br>• Menambahkan bekalan tenaga kerja S&T<br>• Mempercepatkan perlaksanaan Sistem Penggajian Mengikut Produktiviti<br>• Mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing<br>• Meningkakan kemahiran VTEK dan insaniah<br>• Meningkatkan kepakaran<br>• Meningkatkan nilai & etika kerja<br>• Meningkatkan Pendidikan / penghayatan dan pengamalan terhadap ajaran agama dan moral |
| 4. | Berikan empat pemboleh daya bagi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. [4]<br>i. modal kewangan<br>ii. Pendidikan & TVET<br>iii. Kelestarian<br>iv. Data raya |

**Bahagian B**

**Soalan 5**

**MALAYSIA: KUTIPAN CUKAI TIDAK LANGSUNG MENGIKUT SETIAP KATEGORI DARI TAHUN 2004 HINGGA TAHUN 2009**

| Tahun / Kategori | Kutipan cukai tidak langsung (RM juta) | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | **2004** | **2005** | **2006** | **2007** | **2008** | **2009** |
| Cukai jualan | 6 815 | 7 710 | 6 532 | 6 642 | 8 374 | 8 605 |
| Cukai perkhidmatan | 2 350 | 2 582 | 2 685 | 3 015 | 3 345 | 3 385 |
| Duti eksport | 1 600 | 2 085 | 2 362 | 2 322 | 2 780 | 1 150 |
| Duti import | 3 875 | 3 385 | 2 680 | 2 425 | 2 635 | 2 115 |
| Duti eksais | 6 427 | 8 640 | 8 577 | 8 990 | 10 680 | 10 069 |

(Sumber: Dipetik dan diubahsuaikan daripada Laporan Ekonomi 2005, 2006, 2007, 2008 dan 2009)




Scanned with CamScanner

**Soalan 6**

**MALAYSIA: EKSPORT KOMODITI TERPILIH DAN KADAR PERTUMBUHAN JUMLAH EKSPORT ANTARA TAHUN 2005 HINGGA TAHUN 2009 (ANGGARAN)**

| Tahun / Komoditi | Eksport komoditi terpilih (RM juta) dan kadar pertumbuhan jumlah eksport (%) | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | **2005** | **2006** | **2007** | **2008** | **2009 (Anggaran)** |
| Getah | 5 787 | 8 235 | 7 334 | 8 112 | 4 460 |
| Minyak kelapa sawit | 20 504 | 22 868 | 34 190 | 49 690 | 38 476 |
| Minyak mentah | 30 517 | 32 589 | 33 526 | 44 080 | 25 572 |
| **Kadar pertumbuhan jumah eksport** | **11.4** | **9.9** | **2.6** | **9.8** | **1.8** |

(Sumber: Dipetik dan diubahsuaikan daripada Laporan RMK9 dan RMK10)



**Bahagian C**

**7. Statistik kes jangkitan COVID-19 semakin melonjak. Bincangkan.**

| Bil. | Idea | Huraian |
|---|---|---|
| 1 | Kelemahan SOP | • SOP tidak konsisten, berubah2 dan mengelirukan<br>• Tidak dilaksanakan secara penuh dan tegas<br>• Tiada pemantauan dan tindakan susulan<br>• Kurang pematuhan terhadap SOP |
| 2. | Kelemahan penguatkuasaan undang2 | • Akta Pencegahan & Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988<br>• Kekurangan pegawai penguatkuasa<br>• Kekurangan operasi penguatkuasaan<br>• Halangan rasuah. Hukuman ringan. |
| 3 | Kegagalan melakukan ujian saringan | • Cth – Ujian RT-PCR dan RTK-Ag<br>• Kekurangan pegawai kesihatan<br>• Kekangan kit, populasi dan dana<br>• Keengganan masyarakat menjalani ujian |
| 4. | Kegagalan kuarantin | • Ledakan populasi pesakit<br>• Kekurangan pusat kuarantin & katil<br>• Ketidakupayaan pusat kuarantin menerima pesakit<br>• Pesakit kuarantin kendiri di rumah |
| 5 | Mutasi virus | • Virus coronavirus COVID-19 mengalami mutasi<br>• Alpha B117(UK), Beta B1351(Afrika Selatan) & Delta B.1.617.2(India)<br>• Kadar Kebolehjangkitan (Rt) Delta 5-8<br>• Merebak pantas dalam masa 15 saat melalui udara |
| 6. | Krisis politik | • Krisis poliitk di tengah2 krisis kesihatan<br>• Ahli politik sibuk berebut kuasa. Kerajaan di ambang kejatuhan<br>• Fokus diberi kepada kepentingan politik<br>• Krisis kesihatan terabai. |
| 7. | Sikap negatif masyarakat | • Enggan mematuhi SOP<br>• Enggan menjalani ujian saringan<br>• Enggan mematuhi arahan kuarantin PKP<br>• Enggan menjalani rawatan di hospital |
| 8. | Pembukaan sektor ekonomi | • PKP sejak Mac 2020<br>• Sektor ekonomi ditutup bagi mengurangkan jangkitan<br>• Kerugian besar. Tekanan kepada kerajaan.<br>• Dibuka semula. Kes melonjak naik secara drastik |
| 9 | Pemansuhan PKP | • PKP mengehadkan pergerakan dan menutup aktiviti ekonomi<br>• Hilang kebebasan bergerak & kerugian ekonomi<br>• Timbul ketidakpuasan hati, bantahan & demonstrasi<br>• PKP dimansuhkan. Freedom Day dan kes melonjak semula. |
| 10. | Kelemahan vaksinasi | • Vaksin hilang keberkesanan kerana mutasi virus |

| | | |
|---|---|---|
| | | • Kekangan dana & kesukaran perolehan stok<br>• Keengganan mendapatkan suntikan vaksin<br>• Kekurangan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) |
| 11. | Kelumpuhan sistem penjagaan kesihatan | • Kes melonjak naik secara drastik<br>• Mengatasi keupayaan sistem penjagaan kesihatan<br>• Sistem penjagaan kesihatan mengalami kelumpuhan<br>• Kekurangan hospital, doktor, katil, alat ventilator & inkubasi |
| 12. | Kebanjiran PATI | • Malaysia dibanjiri PATI dari pelbagai negara<br>• Memasuki dan bekerja di Malaysia tanpa izin<br>• Sukar dikesan keberadaan dan pergerakan mereka<br>• Pandemik menular kepada komuniti tempatan. |

**Skema: Mana-mana 5 faktor (5F)**

**8. Kes penyalahgunaan Internet di Malaysia semakin meruncing. Bincangkan.**

| Bil. | Idea | Huraian |
|---|---|---|
| 1 | Kelemahan penguatkuasaan undang2 siber | • Tiada kuatkuasaan undang2 siber secara tegas dan penuh<br>• Undang2 siber sedia ada tidak diperkasa & dipatuhi<br>• Wujud kebocoran undang2. Tiada pindaan dibuat<br>• Kes meningkat. Hak pengguna Internet gagal dilindungi |
| 2. | Kelemahan keselamatan siber | • Wujud kelemahan pada sistem komputer<br>• Tidak ambil langkah perlindungan siber<br>• Prasarana Internet disalahguna utk serangan siber<br>• Sistem komputer diserang. Alami kerugian. |
| 3 | Kurang kawalan & pemantauan ibu bapa | • Ibu bapa sibuk dengan urusan masing2<br>• Tidak megawasi aktiviti anak melayari Internet<br>• Anak ambil kesempatan salah guna prasarana Internet<br>• Melayari laman pornografi atau lakukan buli siber |
| 4. | Kurang pendidikan etika siber | • Prasarana Internet harus dilayari secara beretika<br>• Tiada pendidikan siber daripada pihak2 tertentu<br>• Melanggar etika siber penggunaan Internet<br>• Prasarana Internet disalahguna utk tujuan tidak baik |
| 5 | Kelemahan pasukan penyiasat siber | • Salahh guna Internet lakukan jenayah penipuan siber<br>• Tiada pasukan penyiasat siber yang mantap<br>• Tiada kepakaran siber menangani kes<br>• Kes sukar ditangani dan semakin meningkat. |
| 6. | Kebebasan siber | • Kebebasan siber secara penuh<br>• Tiada sekatan & tapisan terhadap laman sesawang<br>• Prasarana Internet disalahguna golongan muda<br>• Laman pornografi dilayari atau buli siber berlaku |
| 7. | Kurang kempen kesedaran | • Tiada kempen kesedaran meningkatkan kesedaran awam<br>• Kurang kesedaran mengenai impak negatif salahguna Internet<br>• Prasarana Internet disalahguna utk menyebarkan berita palsu |

| | | |
|---|---|---|
| | | • Pengguna Internet lain menjadi mangsa kes salahguna Internet |
| 8. | Ketidakprihatinan masyarakat | • Masyarakat kebendaan. Mementingkan diri<br>• Tidak ambil prihatin, ambil berat & ambil tahu kes<br>• Tiada aduan atau laporan dibuat kpd polis atau MCMC<br>• Penyiasatan & tindakan susulan sukar diambil |
| 9 | Tiada tatacara penggunaan internet | • Penyalahgunaan Internet di M'sia semakin serius<br>• Namun tiada tatacara penggunaan Internet secara berhemat<br>• Garis panduan menggunakan Internet tidak disediakan<br>• Meningkatkan kecenderungan utk salahguna Internet |
| 10. | Kurang pemantauan dan kawalan kerajaan | • Kerajaan telah menubuhkan MCMC<br>• MCMC ialah pihak berkuasa siber di M'sia<br>• Namun kurang pemantauan & kawalan berkesan dpd MCMC<br>• Tiadakan tindakan tegas diambil. Kes meningkat. |

**Skema: Mana-mana 5 faktor (5F)**

# SOALAN PEP. PERCUBAAN PAM 2, 2021
# KOLEJ TINGKATAN ENAM TUN FATIMAH MELAKA

**900/2**

**KOLEJ TINGKATAN ENAM TUN FATIMAH MELAKA**

**PENGAJIAN AM**

**KERTAS 2**
**(Satu jam setengah )**

**PEPERIKSAAN PRAPERCUBAAN SEMESTER 2**

**TAHUN 2021**

**SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA**

**Arahan kepada calon:**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.**

*Jawab* **semua** *soalan dalam Bahagian A.*

*Jawab* **satu** *soalan sahaja dalam Bahagian C. Anda boleh menjawab semua soalan* **tetapi** *hanya jawapan yang pertama yang akan diperiksa***.**

*Jawab* **satu** *soalan sahaja dalam Bahagian C. Anda boleh menjawab semua soalan* **tetapi** *hanya jawapan yang pertama yang akan diperiksa***.**

| Untuk kegunaan pemeriksa | |
|---|---|
| *Bahagian A* | |
| **1** | |
| **2** | |
| **3** | |
| **4** | |
| *Bahagian B* | |
| | |
| *Bahagian C* | |
| | |
| Jumlah | |

**Kertas soalan ini terdiri daripada 4 halaman bercetak.**

**Bahagian A** [15 *markah*]

*Jawab* **semua** *soalan. Tulis jawapan dalam ruang yang disediakan*

5. Berikan **tiga** langkah yang perlu diambil oleh Malaysia untuk menaik taraf kesejahteraan rakyat selaras dengan hasrat menjadi sebuah negara yang maju menjelang tahun 2020. [3]
   a) ………………………………………………………………………………………………………

   ………………………………………………………………………………………………………

   b) ………………………………………………………………………………………………………

   ………………………………………………………………………………………………………

   c) ………………………………………………………………………………………………………

   ………………………………………………………………………………………………………

6. Nyatakan **empat** ciri yang perlu ada pada setiap individu dalam masyarakat di Malaysia menjelang tahun 2020. [4]
   a) ………………………………………………………………………………………………………

   b) ………………………………………………………………………………………………………

   c) ………………………………………………………………………………………………………

   d) ………………………………………………………………………………………………………

7. Jelaskan **dua** kesan sekiranya rakyat Malaysia tidak menghayati prinsip-prinsip Rukun Negara. [4]
   a) ………………………………………………………………………………………………………

   ………………………………………………………………………………………………………

   b) ………………………………………………………………………………………………………

   ………………………………………………………………………………………………………

8. Cabaran Wawasan 2020 telah membangkitkan beberapa isu utama yang harus dihadapi bagi membolehkan Malaysia mencapai taraf negara maju. Huraikan **dua** isu tersebut. [4]
   a) ………………………………………………………………………………………………………

   ………………………………………………………………………………………………………

   b) ………………………………………………………………………………………………………

   ………………………………………………………………………………………………………

**Bahagian B** [20 *markah*]

*Jawab* **satu** *soalan sahaja dalam bahagian ini. Jawapan hendaklah dibuat pada kertas graf*

9. Berdasarkan kepada maklumat di bawah, sediakan graf yang sesuai untuk menunjukkan **aliran jumlah elaun** yang diterima oleh pekerja Orang Kelainan Upaya (OKU) di negeri-negeri terpilih dari tahun 2011 hingga tahun 2015 di Semenanjung Malaysia.

Orang Kelainan Upaya (OKU) yang bekerja dan berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah disediakan Elaun Pekerja Cacat (EPC) sebanyak RM350 sebulan. Elaun ini diberikan kepada OKU yang berpendapatan kurang daripada RM1,200 sebulan bagi menarik minat golongan tersebut untuk bekerja.

Jumlah elaun yang diterima oleh pekerja OKU di negeri Kelantan, Terengganu, Pulau Pinang dan Melaka pada tahun 2011 adalah sebanyak RM 45,328.8 ribu. Daripada jumlah tersebut, pekerja OKU di Kelantan menerima elaun sebanyak RM 13,280.1 ribu berbanding sebanyak RM 8,550.3 ribu di Terengganu. Pekerja OKU di Pulau Pinang pula menerima elaun sebanyak RM 13,528.2 ribu iaitu mengatasi sebanyak RM 3,558.0 ribu daripada elaun yang di terima di Melaka.

Pada tahun 2012, pekerja OKU di Pulau Pinang menerima elaun yang tertinggi iaitu sebanyak RM 16,123.2 ribu, diikuti oleh Kelantan dengan jumlah elaun sebanyak RM 15,077.1 ribu. Elaun yang diterima oleh pekerja OKU di Melaka pula kurang sebanyak RM 2,110.7 ribu berbanding dengan yang diterima di Kelantan. Terengganu pula mencatatkan penerimaan elaun sebanyak RM 9,575.7 ribu.

Pulau Pinang masih mengekalkan penerimaan elaun yang tertinggi pada tahun 2013 iaitu sebanyak RM 18,519.6 ribu daripada jumlah keseluruhan sebanyak RM 60,072.0 ribu pada tahun berkenaan. Jumlah elaun yang diterima di Kelantan adalah RM 16,901.1 ribu. Elaun yang diterima di Terengganu dan Melaka, masing-masing berjumlah RM 11,075.4 ribu dan RM 13,575.9 ribu.

Pada tahun 2014, elaun yang diterima pekerja OKU di Pulau Pinang merosot sebanyak 1.46% kepada RM 18,249.0 ribu tetapi negeri-negeri lain menunjukkan peningkatan berbanding tahun sebelumnya. Terengganu meningkat kepada RM 12,370.2 ribu. Melaka bertambah kepada RM 14,783.7 ribu dan Kelantan meningkat kepada RM 18,804.6 ribu daripada jumlah keseluruhan elaun tahun 2014 yang berjumlah RM 64,207.5 ribu.

Elaun yang diterima pekerja OKU di Kelantan menunjukkan peningkatan yang ketara berbanding dengan tahun sebelumnya iaitu bertambah kepada RM 24,010.0 ribu. Elaun yang diterima di Terengganu pula meningkat kepada RM 15,828.8 ribu, sementara penerimaan elaun di Pulau Pinang adalah sebanyak RM 21,293.3 ribu daripada jumlah keseluruhan elaun pada tahun berkenaan iaitu sebanyak RM 79,587.6 ribu. Elaun selebihnya diterima oleh pekerja OKU di Melaka

(Sumber: Dipetik daripada Buku Tahunan
Perangkaan Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2015)

10. Berdasarkan maklumat dalam petikan di bawah, sediakan graf yang sesuai untuk menunjukkan jumlah kemalangan jalan raya mengikut jenis kemalangan dan bilangan kenderaan berdaftar dari tahun 2005 hingga tahun 2009.

Jumlah kenderaan yang semakin meningkat telah menyebabkan kesesakan jalan raya dan mengakibatkan kemalangan jalan raya berlaku. Pada tahun 2009, sebayak 19.1 juta buah kenderaan berdaftar dengan jumlah kemalangan jalan raya sebayak 25,274 kes dilaporkan.

Jumlah kemalangan jalan raya mengikut jenis kemalangan pada tahun 2005 adalah berjumlah 39,132 kes dengan kemalangan ringan sebanyak 25,928 kes dan kemalangan parah sebanyak 7,600 kes manakala selebihnya adalah kes kemalangan maut. Pada tahun 2006 pula, jumlah kemalangan jalan raya menurun sebanyak 10,450 kes berbanding tahun sebelumnya. Kemalangan maut meningkat kepada 5,711 kes manakala kemalangan parah pula merosot kepada 7,375 kes. Kemalangan ringan merosot paling banyak iaitu sebanyak 10,332 kes berbanding pada tahun 2005.

Jumlah kemalangan jalan raya dilihat terus mencatatkan penurunan pada tiga tahun berikutnya apabila pada tahun 2007, jumlahnya berkurangan kepada 27,030 kes sahaja. Daripada jumlah itu, kemalangan maut dan ringan menunjukkan penurunan iaitu masingmasing kepada 5,672 kes dan 13,974 kes. Jabatan Pengangkutan Jalan dan Polis Diraja Malaysia telah melaksanakan pelbagai operasi dan kempen untuk menyedarkan para pengguna jalan raya agar sentiasa berwaspada dan bersopan santun di jalan raya.

Usaha tersebut dilihat agak berkesan apabila jumlah kemalangan jalan raya merosot pada tahun 2008. Kemalangan parah dan ringan mencatatkan penurunan kepada masing-nasing 7,020 kes dan 12,893 kes. Namun begitu, kemalangan maut dicatatkan meningkat sebanyak 280 kes berbanding tahun sebelumnya. Pada tahun 2009, jumlah kemalangan jalan raya mencatatkan penurunan lagi apabila sebanyak 25,274 kes dilaporkan. Kemalangan maut terus meningkat kepada 6,218 kes sementara kemalangan parah menunjukkan penurunan kepada 6,978 kes sahaja.

Bilangan kenderaan yang berdaftar pada tahun 2005 berjumlah 14.5 juta buah dan meningkat kepada 15.8 juta buah pada tahun 2006. Kemudahan syarat pemilikan kenderaan menyebabkan lebih ramai rakyat Malaysia mampu memiliki kenderaan. Pada tahun 2007, bilangan kenderaan berdaftar meningkat sebanyak 1 juta buah dan jumlahnya terus meningkay pada tahun 2008 kepada 17.9 juta buah kenderaan.

(Disesuaikan daripada *PDRM dan JPJ, Tahun 2010*)

**Bahagian C** [25 *markah*]

*Jawab* **satu** *daripada tajuk di bawah ini dan tulis karangan yang panjangnya antara 300 hingga 350 patah perkataan. Calon hendaklah mengemukakan* **lima** *isi atau idea sahaja bagi karangan yang dihasilkan.*

7. Pelbagai kekangan telah dihadapi untuk memastikan masyarakat Malaysia menikmati keadilan dalam bidang ekonomi menjelang tahun 2020. Oleh itu, kerajaan telah berusaha untuk memenuhi tuntutan cabaran tersebut. Bincangkan.

8. Wabak penyakit berjangkit yang merebak di seluruh Malaysia pada masa ini disebabkan kurangnya kesedaran masyarakat dalam kehidupan seharian. Bincangkan.

# SKEMA PEP. PERCUBAAN PAM 2, 2021
# KOLEJ TINGKATAN ENAM TUN FATIMAH MELAKA

**Skema Jawapan Peperiksaan Pra Percubaan Pengajian Am Semester 2 KTETF, MELAKA**

**Bahagian A** [15 *markah*]

1. Berikan tiga langkah yang perlu diambil oleh Malaysia untuk menaik taraf kesejahteraan rakyat selaras dengan hasrat menjadi sebuah negara yang maju menjelang tahun 2020. (3)
   a) Membina ekonomi berasaskan pengetahuan
   b) Meningkatkan sumber daya manusia
   c) Memperkukuhkan asas dan fundamental ekonomi negara serta mencipta bidang-bidang pertumbuhan baharu
   d) Memperbaiki sistem penyampaian dan menghapuskan sistem birokrasi yang rumit
   e) Meningkatkan kualiti hidup rakyat melalui pembinaan dan penyediaan prasarana yang mencukupi
   f) Mewujudkan kestabilan politik, ekonomi dan sosial
   g) Melakukan penghematan dan memperketatkan perbelanjaan negara

2. Nyatakan empat ciri yang perlu ada pada setiap individu dalam masyarakat di Malaysia menjelang tahun 2020. (4)
   a) Yakin pada diri sendiri
   b) Mempunyai nilai moral dan etika yang kukuh
   c) Hidup dalam masyarakat yang demokratik
   d) Bersikap liberal dan bertolak ansur
   e) Bersifat penyayang
   f) Bersikap adil dan saksama
   g) Bersikap progresif dan makmur
   h) Mempunyai ekonomi yang mampu bersaing dan berdaya maju

3. Jelaskan dua kesan sekiranya rakyat Malaysia tidak menghayati prinsip-prinsip Rukun Negara. (4)
   a) Perpaduan dalam kalangan rakyat sukar diicapai kerana tiada sifat toleransi dan tiada saling menghormati antara kaum atau sesama kaum
   b) Kadar jenayah akan meningkat kerana rakyat kurang penghayatan agama dan nilai moral seperti yang digariskan dalam Rukun Negara
   c) Kerajaan sukar melancarkan program-program pembangunan kerana tidak mendapat kerjasama daripada rakyat

4. Cabaran Wawasan 2020 telah membangkitkan beberapa isu utama yang harus dihadapi bagi membolehkan Malaysia mencapai taraf negara maju. Huraikan dua isu tersebut. (4)
   a) Pembentukan Satu Negara Bangsa Malaysia adalah prasyarat kepada kemajuan kerana tanpa pemikiran terhadap satu negara dan bangsa, kerjasama untuk maju tidak akan terjalin dan konsep perpaduan, kesetiaan negara, keharmonian dan toleransi perlu difahami dan diamalkan.

b) Mewujudkan sebuah Negara Perindustrian. iaitu mengubah corak ekonomi daripada pertanian kepada perindustrian dan melibatkan sektor perdagangan dan komersial spt modal, pelaburan, daya saing, kualiti tenaga kerja
c) Keadilan Ekonomi dan Sosial perlu diwujudkan supaya tidak ada satu golongan rakyat yang memiliki segala-galanya sedangkan satu golongan lagi tercicir.
d) Moral dan Etika iaitu pengamalan nilai-nilai murni akan menjadi faktor penghalang dalaman untuk tidak menyalahgunakan kemahiran atau kekayaan yang dimiliki.
e) Pembangunan Masyarakat Berdasarkan Sistem Kekeluargaan iaitu keluarga dan masyarakat mencorakkan kualiti individu yang menjadi rakyat dan pemimpin

**Bahagian B** [20 markah]
Soalan 5 Graf Garis Komponen

SEMENANJUNG MALAYSIA : ALIRAN JUMLAH ELAUN YANG DITERIMA OLEH PEKERJA ORANG KELAINAN UPAYA DI NEGERI-NEGERI TERPILIH
DARI TAHUN 2011 HINGGA TAHUN 2015

| Tahun / Negeri | Jumlah elaun yang diterima oleh pekerja OKU (RM ribu ) | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 | 2015 |
| Kelantan | 13,280.1 | 15,077.1 | 16,901.1 | 18,804.6 | 24,010.0 |
| Terengganu | 8,550.3 | 9,575.7 | 11,075.4 | 12,370.2 | 15,828.8 |
| Pulau Pinang | 13,528.2 | 16,123.2 | 18,519.6 | 18,249.0 | 21,293.3 |
| Melaka | 9,970.2 | 12,966.4 | 13,575.9 | 14,783.7 | 18,455.5 |
| Jumlah | 45,328.8 | 53,742.4 | 60,072.0 | 64,270.5 | 79,587.6 |

(Sumber: Dipetik daripada Buku Tahunan Perangkaan Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2015)



Soalan 6 Graf Gabungan (Bar Komponen dan Garis Mudah)

MALAYSIA: JUMLAH KEMALANGAN JALAN RAYA MENGIKUT JENIS DAN BILANGAN KENDERAAN BERDAFTAR DARI TAHUN 2005 HINGGA TAHUN 2009

| Tahun / Jenis Kemalangan | Jumlah Kemalangan Jalan Raya ( kes) | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | 2005 | 2006 | 2007 | 2008 | 2009 |
| Kemalangan Maut | 5,604 | 5,711 | 5,672 | 5,952 | 6,218 |
| Kemalangan Parah | 7,600 | 7,375 | 7,384 | 7,020 | 6,978 |
| Kemalangan Ringan | 25,928 | 15,596 | 13,974 | 12,893 | 12,078 |
| Jumlah | 39,132 | 28,682 | 27,030 | 25,865 | 25,274 |
| Bilangan Kenderaan Berdaftar (juta buah) | 14.5 | 15.8 | 16.8 | 17.9 | 19.1 |

(Disesuaikan daripada *PDRM dan JPJ, Tahun 2010*)



7. Pelbagai kekangan telah dihadapi untuk memastikan masyarakat Malaysia menikmati keadilan dalam bidang ekonomi menjelang tahun 2020. Oleh itu, kerajaan telah berusaha untuk memenuhi tuntutan cabaran tersebut. Bincangkan.

**Skema Jawapan**

Pendahuluan: Sememangnya sukar untuk mewujudkan keadilan ekonomi yang sama rata bagi setiap penduduk terutama di negara yang terdiri daripada pelbagai kaum. Namun, demi merealisasikan Wawasan 2020, kerajaan tetap mengambil usaha membaiki ketidakadilan ekonomi yang wujud di negara ini sejak merdeka supaya cabaran ini dapat diatasi.

| *Bil* | *Isi/idea* | *Huraian* |
|---|---|---|
| 1 | A. Kekangan<br>Sikap negatif penduduk | • Penduduk bersikap negatif terhadap pelbagai rancangan ekonomi yang dilaksanakan oleh kerajaan<br>• Mereka tidak menyokong dasar yang disusunkan oleh kerajaan<br>• Selalu berprasangka terhadap rancangan ekonomi negara<br>• Contohnya usaha menghapuskan pengenalan kaum mengikut pekerjaaan dianggap oleh sesetengah pihak cuba merampas hak sesuatu kaum |
| 2 | Pembangunan bandar dan luar bandar yang tidak seimbang | • Jurang kemajuan dan pembangunan bandar dan luar bandar juga menghalang hasrat cabaran ke 8 untuk dicapai<br>• Penduduk luar bandar akan menganggap kerajaan tidak membela dan telah meminggirkan kawasan mereka. Tempat mereka serba kekurangan dan mundur berbanding dengan bandar.<br>• Hal ini menjejaskan hasrat mewujudkan masyarakat yang adil dari segi ekonomi |
| 3 | Faktor Geografi | • Bentuk muka bumi yang berbeza antara wilayah atau kawasan juga menghalang keadilan dalam ekonomi<br>• Wilayah yang bergunung-ganang, berbukit-bukau menjejaskan pembangunan di kawasan tersebut kerana kos pembangunan yang tinggi<br>• Keadaan ini secara tidak langsung menjejaskan kegitan ekonomi penduduk<br>• Kekurangan tanah dan kekurangan kesuburan tanah juga mempengaruhi pengeluaran sesebuah kawasan |
| 4. | Kepelbagaian perjuangan politik | • Perjuangan parti politik yang pelbagai dari segi kaum, wilayah, budaya dan agama menyukarkan lagi pencapaian keadilan dalam bidang ekonomi<br>• Pemimpin-pemimpin politik yang memberikan data dan kedudukan ekonomi yang berbeza antara kaum terus menjadi kekangan untuk membahagikan kek ekonomi secara adil dan saksama |

| | | |
|---|---|---|
| 5 | B. Usaha kerajaan<br>Penggubalan dasar-dasar ekonomi | • Kerajaan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru untuk menghapuskan pengenalan kaum mengikut pekerjaan.<br>• Selain itu, DEB juga bertujuan menyusun semula masyarakat supaya wujudnya pengagihan kekayaan yang seimbang<br>• Pengenalan Dasar Pertanian juga mebantu meningkatkan pendapatan golongan petani yang merupakan golongan berpendapatan rendah |
| 6 | membuka peluang ekonomi yang sama dalam pelbagai sektor | • Penduduk yang pelbagai kaum diminta mengambil peluang pekerjaan atau peluang ekonomi dalam pelbagai sektor<br>• Contohnya, kaum Melayu digalakkan mencebur diri dalam perniagaan dan perindutrian manakala kaum Cina boleh melibatkan diri dalam bidang pertanian dan perladangan<br>• Pelbagai insentif dan bantuan modal diberikan oleh kerajaan untuk menceburi sektor-sektor tersebut tanpa mengambil kira kaum |
| 7 | Mernjalankan pembangunan seimbang | • Kerajaaan memastikan pembangunan yang sama rata di setiap wilayah dan kawasan<br>• Pembangunan yang seimbang membolehkan penduduk di pinggir bandar dan luar bandar menikmati pembangunan ekonomi yang pesat seperti di bandar. Mereka juga menikmati kemudahan yang sama seperti penduduk di bandar<br>• Wilayah yang tertinggal dari pembangunan juga akan diberi perhatian oleh kerajaan<br>• Dengan ini, kemampuan ekonomi penduduk dapat dipertingkatkan |
| 8. | Memperkasakan perpaduan negara | • Pemerkasaan negara bangsa atau perpaduan negara turut membolekan masyarakat Malaysia menikmati kekayaan ekonomi secara adil dan saksama<br>• Persefahaman yang lebih baik antara masyarakat majmuk membolehkan mereka membnatu antara satu sama lain untuk menikmati kekayaan ekonomi secara adil dan saksama<br>• Sikap liberal dan bertolak ansur antara kaum tidak akan menimbulkan perasaan iri hati dan ketidakadilan ekonomi dengan adanya semangat perpaduan yang kukuh |

Penutup: Kerjasama yang padu dalam kalangan penduduk yang pelbagai latar belakang amat diperlukan bagi menjayakan usaha kerajaan untuk memenuhi tuntutan cabaran ke 8 ini.

Jawapan : Mana-mana 3+2 @ 2+3 isi/idea

8. Wabak penyakit berjangkit yang merebak di seluruh Malaysia pada masa ini disebabkan kurangnya kesedaran masyarakat dalam kehidupan seharian. Bincangkan.

**Skema Jawapan**

Pendahuluan: Fenomena penyakit berjangkit sudah biasa dalam kalalangan masyarakat masa kini. Namun begitu, masyarakat masih kurang mengambil berat terhadap kebahayaan penyakit berjangkit. Anggota masyarakat masih kurang kesedaran sehingga menyebabkan penyakit berjangkit semakin menular

| *Bil* | *Isi/idea* | *Huraian* |
|---|---|---|
| 1 | Kurang menjaga kebersihan diri | • Kurang membasuh tangan/ sanitasi atau tidak mandi/ selepas balik dari tempat awam yang sesak. Contohnya seseorang yang memegang tombol pintu, tidak mencuci tangan lalu menyentuh muka dan makan<br>• Kuman yang dibawa orang lain pada tombol pintu akan menyebabkan seseorang dijangkiti |
| 2 | Kurang menjaga kebersihan persekitaran | • Pihak yang bertanggungjawab / premis awam dam swasta tidak menjaga kebersihan<br>• Peralatan atau tempat-tempat yang telah digunakan oleh orang ramai tidak dibersihkan dari masa ke masa menyebabkan kuman merebak<br>• Contohnya kerusi di bank-bank tidak disanitasi dengan kerap. Pengguna-pengguna yang mengunakan kerusi tersebut terdedah kepada risiko<br>• Persekitaran yang kotor juga menyebabkan virus menular dengan cepat |
| 3 | Sikap mementingkan diri | • Sebahagian anggota masyarakat kurang prihatin terhadap orang lain. Mereka tidak menagambil langkah proaktif untuk mengelakkan kuman merebak<br>• Contohnya seseorang yang batuk atau demam masih tidak memakai pelitup mulut apabila berhubung dengan orang lain |
| 4 | Mengamalkan hubungan sosial tanpa sekatan | • Hubungan seks bebas dan perkongsian jarum suntikan untuk dadah menyebabkan virus HIV tersebar<br>• Bersuka ria di tempat awam yang sesak, mengadakan jamuan makan beramai-ramai juga menyebabkan virus Covid 19 merebak |
| 5 | Ingkar kepada peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa | • Tidak memandang serius terhadap peraturan-peraturan yang di berikan oleh pihak berkuasa seperti KKM<br>• Masyarakat masih tidak mengamalkan penjarakkan sosial dalam aktiviti seharian<br>• Sebahagian pengusaha masih tidak menjalankan pemeriksaan berkala seperti mengambil suhu di premisnya atau terhadap pekerjanya<br>• Dengan ini, individu yang telah dijangkiti penyakit akan menjangkit virus tersebut kepada orang lain |

| | | |
|---|---|---|
| 6 | Kurang mengamalkan pemakanan yang sihat | • Tidak mementingkan pengambilan zat yang seimbang dalam gaya pemakanan seharian. Oleh itu, antibodi di dalam badan adalah lemah dan mudah dijangkiti virus<br>• Kurang pengambilan supplemen untuk menggantikan zat badan yang kurang juga menyebabkan ketahanan diri seseorang lemah dan senang dijangkiti |
| 7 | Kurang pendidikan kesedaran | • Kurang pendidikan kesedaran akan ancaman dan bahayanya penyakit berjangkit seperti Covid 19 , SARS atau pun Influenza menyebabkan penyakit berjangkit ini sukar dikawal<br>• Masyarakat yang tidak dididik akan jangkitan virus yang mudah merebak menyebabkan segelintir masyarakat masih tdak mengikut SOP , mereka masih bersalaman , mencium pipi dan berpelukan<br>• Mereka tidak sedar yang saudara rapat mereka juga boleh menjadi pembawa virus |
| 8 | Enggan mengambil langkah pencegahan / suntikan vaksin | • Segelintir masyarakat yang mudah terpengaruh dengan khabar angin akan bahaya mengambil vaksin atau ubat untuk mencegah penyakit berjangkit seperti Covid 19 terus menyebabkan penularan penyakit berjangkit<br>• Kementerian Kesihatan Malaysia telah pun menyatakan selagi 80% rakyat Malaysia tidak divaksinkan , penularan Covid 19 akan terus berlaku |

Penutup: Oleh itu, pelbagai kempen kesedaran perlulah dipertingkatkan supaya masyarakat tidaklah menjadi mangsa kepada pelbagai penyakit berjangkit yang berlelusa pada masa ini.

Jawapan : Mana-mana 5 isi/idea

**SOALAN PEP. PERCUBAAN PAM 2, 2021 (SET 2)**
**KOLEJ TINGKATAN ENAM TUN FATIMAH MELAKA**

**Bahagian A** [15 *markah*]

*Jawab* **semua** *soalan. Tulis jawapan dalam ruang yang disediakan*

1. Nyatakan **tiga** kepentingan negara maju dan sejahtera kepada rakyat. [3 m]

a)..........................................................................................................................................

b)..........................................................................................................................................

c)..........................................................................................................................................

2. Jelaskan **dua** kesan apabila prinsip Kepercayaan Kepada Tuhan dalam Rukun Negara kurang dihayati dalam kalangan masyarakat. [4m]

a. ..........................................................................................................................................
..........................................................................................................................................

b. ..........................................................................................................................................
..........................................................................................................................................

3. Senaraikan **empat** bidang yang berupaya memberi sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi negara dalam Program Transformasi Ekonomi (PTE). [4 m]

a. ..........................................................................................................................................
..........................................................................................................................................
b. ..........................................................................................................................................
..........................................................................................................................................
c. ..........................................................................................................................................
..........................................................................................................................................
d. ..........................................................................................................................................
..........................................................................................................................................

4.

| **DASAR KEPENDUDUKAN NEGARA** |
| --- |
| ▪ Disarankan oleh Y.A.B. Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohammad pada September 1982<br>▪ Untuk mencapai matlamat negara Malaysia mempunyai 70 juta penduduk pada tahun 2100 |

( a ) Nyatakan **dua** implikasi positif pelaksanaan dasar tersebut . [ 2m ]
i)..........................................................................................................................................
ii)..........................................................................................................................................

( b ) Nyatakan juga **dua** implikasi negatif pelaksanaan dasar tersebut . [ 2m ]
i)..........................................................................................................................................
ii)..........................................................................................................................................

**BAHAGIAN B** (20 *Markah*)

*Jawab **satu(1)** soalan sahaja dalam bahagian ini. Jawapan hendaklah dibuat pada kertas graf.*

5. Berdasarkan maklumat yang diberikan dalam petikan di bawah ini, sediakan graf yang sesuai untuk menunjukkan **kadar perubahan pengeluaran komoditi terpilih** bagi tahun 2009 dengan tahun 2010.

Hasil komoditi negara memberi sumbangan yang besar kepada pendapatan negara, namun bergitu, pengeluaran komoditi berkenaan mengalami peningkatan dan penurunan.

Pada tahun 2009, pengeluaran kayu balak sebanyak 18 336 ribu meter padu mengalami penurunan kepada 17 797 ribu meter padu pada tahun berikutnya. Kawalan kerajaan dalam penjagaan alam sekitar dengan melakukan penebangan terpilih merupakan faktor berlaku penurunan ini. Namun, berlaku peningkatan dalam pengeluaran kayu gergaji sebanyak 532 ribu meter padu menjadi 4 381 ribu meter padu pada tahun 2010.

Tanaman makanan ruji penduduk Malaysia, iaitu padi berlaku peningkatan dalam tempoh tersebut dengan peningkatan sebanyak 37 ribu tan metrik berbanding 2 511 ribu tan metrik pada tahun 2009. Walaupun peningkatan tidak bergitu ketara, namun penggunaan teknologi moden menjadikan hasil pengeluaran meningkat.

Tanaman paling lama yang memberi sumbangan kepada ekonomi negara ialah getah yang mengalami sedikit peningkatan, iaitu 857 ribu tan metrik pada tahun 2009 kepada 939 ribu tan metrik pada tahun berikutnya. Peningkatan ini berlaku kerana peningkatan harga getah global yang menjadikan pekebun-pekebun melipat gandakan usaha pengeluaran. Pengeluaran kelapa sawit mengalami penurunan , iaitu sebanyak 3.23 peratus berbanding 17 565 ribu tan metrik pada tahun 2009 .

Antara komoditi yang banyak memberi hasil kepada negara ialah minyak mentah turut mengalami penurunan pengeluaran, iaitu pada tahun 2009 sebanyak 240 479 ribu tong menjadi 232 965 ribu tong pada tahun 2010 . Gas asli cecair masih mempunyai simpanan di negara ini mengalami peningkatan dalam pengeluaran, iaitu sebanyak 8.5 peratus pada tempoh berkenaan , iaitu sebanyak 24 362 ribu tong pada tahun 2010 .

Ekonomi negara banyak bergantung kepada komoditi ini,namun negara juga perlu bergantung kepada hasil-hasil industri yang lebih banyak menjana pendapatan negara dan mewujudkan peluang pekerjaan .

*(Sumber:- Disesuaikan daripada Jabatan Perangkaan Malaysia 2011)*

6. Berdasarkan maklumat yang diberikan dalam petikan di bawah ini, sediakan carta yang sesuai untuk menunjukkan **nilai eksport barangan utama** dan **destinasi eksport** pada tahun 2010.

Perdagangan Malaysia dengan negara-negara rakan dagang cukup memberansangkan. Dengan pertambahan negra baharu sebagai destinasi eksport menggambarkan Malaysia semakin berkembang maju.

Pada tahun 2010, nilai eksport berjumlah RM 638,822 juta. Nilai eksport tertimggi ialah barangan elektrik dan elektronik, iaitu sebanyak RM 240,907 juta. Perkara ini menunjukkan negara ini mampu menghasilkan barangan keperluan utama . Di tempat kedua ialah minyak kelapa sawit dan barangan berasaskan kelapa sawit dengan nilai eksport sebanyak RM 62,223 juta. Hal ini menunjukkan Malaysia boleh menghasilkan minyak kelapa sawit mentah dan barangan siap daripada kelapa sawit yang diproses. Barangan siap ini menghasilkan pulangan yang lebih lumayan.

Eksport gas asli cecair menduduki tempat ketiga dengan nilai eksport sebanyak RM 38,742 juta. Nilai ini mengatasi nilai eksport petroleum mentah sebanyak RM 7,977 juta. Hasil galian di bumi tetap memberi pulangan tinggi kepada negara. Hasil bumi ini termasuklah keluaran petroleum bernilai RM 25,542 juta. Manakala bakinya adalah eksport barangan lain yang membantu meningkatkan pendapatan negara.

Negara rakan dagang terbesar masih lagi negara tetangga, iaitu Singapura dengan nilai eksport sebanyak RM 85,253 juta dan diikuti negara China sebanyak RM 80,105 juta. Dua buah negara ini merupakan destinasi eksport yang mewakili satu perempat daripada seluruh eksport negara.

Negara matahari terbit iaitu Jepun mengimport sebanyak RM 66,763 juta menjadi negara ketiga terbesar sebagai rakan dagang . Amerika Syarikat menduduki tempat keempat dengan nilai eksport negara sebanyak RM 60,951 juta . Perdagangan dengan Amerika Syarikat masih lagi tinggi walaupun banyak barangan pengganti dari negara-negara baru rakan dagang .

Negara jiran di utara, iaitu Thailand mengimport sebanyak RM 34,136 juta mengatasi negara-negara ASEAN lain selepas Singapura. Baki nilai eksport Malaysia ialah ke negara-negara yang lain yang turut menjadi negara rakan dagang penting. Negara-negara lain berkenaan juga mengeksport ke Malaysia dengan nilai yang tinggi.

( Sumber :- Disesuaikan daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, *Buku Maklumat Perangkaan Malaysia, 2011*, halaman 13)

**Bahagian C** [25 *markah*]

*Jawab* **satu** *daripada tajuk di bawah ini dan tulis karangan yang panjangnya antara 300 hingga 350 patah perkataan. Calon hendaklah mengemukakan* **lima** *isi atau idea sahaja bagi karangan yang dihasilkan.*

7. Penghayatan dan amalan terhadap prinsip-prinsip Rukun Negara boleh mewujudkan kemajuan dan keharmonian dalam negara. Bincangkan.

8. Masalah gangguan bekalan air bersih untuk kegunaan manusia di negara ini sering berlaku dan jika dibiarkan berterusan akan mengundang pelbagai kesan kepada manusia dan alam sekitar. Bincangkan

# SOALAN PEP. PERCUBAAN PAM 2, 2021 (SET 2)
# KOLEJ TINGKATAN ENAM TUN FATIMAH MELAKA

**Bahagian A** [15 *markah*]

1 Nyatakan tiga kepentingan negara maju dan sejahtera kepada rakyat. [3m]

| Bil | Idea |
|---|---|
| 1. | Memberikan kehidupan rakyat yang selesa. |
| 2. | Memberikan kehidupan yang aman / harmoni. |
| 3. | Meningkatkan pendapatan rakyat. |
| 4. | Meningkatkan taraf hidup rakyat. |
| 5. | Meningkatkan tahap kesihatan rakyat. |
| 6. | Meningkatkan tahap pendidikan rakyat. |
| 7. | Memperkasakan perpaduan negara / negara bangsa. |

2 Nyatakan dua kesan apabila prinsip Kepercayaan Kepada Tuhan dalam Rukun Negara kurang dihayati dalam kalangan masyarakat. [4m]

| Bil | dea | Huraian |
|---|---|---|
| 1. | Keharmonian hidup rakyat terjejas | - Kurang pegangan agama sebagai panduan hidup.<br>- Kurang toleransi antara agama. |
| 2. | Meruntuhkan jati diri rakyat. | - Rakyat mudah terpengaruh dengan unsur negatif.<br>- Tidak dapat membezakan antara perbuatan baik dan buruk. |
| 3. | Lunturnya sikap saling menghormati dalam kalangan masyarakat. | - Wujudnya persengketaan.<br>- Pengabaian golongan tua / kanak-kanak / wanita. |
| 4. | Berleluasanya masalah sosial. | - Mudah terjerumus dalam masalah sosial kerana pegangan agama yang lemah.<br>- LGBT, sumbang mahram dan pembuangan bayi.<br>- Rasuah. |
| 5. | Meningkatnya kadar jenayah. | - kes jenayah akan bertambah.<br>- Konsep / matlamat menghalalkan cara. |

3. Senaraikan **empat** bidang yang berupaya memberi sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi negara dalam Program Transformasi Ekonomi (PTE).

*Jawapan:*

| Bil | Isi/Idea |
|---|---|
| 1 | Minyak, gas dan tenaga |
| 2 | Minyak sawit |
| 3 | Perkhidmatan kewangan |
| 4 | Pelancongan |
| 5 | Pendidikan |
| 6 | Pemborong dan peruncitan |
| 7 | Elektrik dan elektronik |
| 8 | Perkhidmatan Perniagaan |
| 9 | Penjagaan kesihatan |
| 10 | Komunikasi dan infrastruktur |
| 11 | Pertanian |
| | **( Pilih mana-mana 4)** |

4.

**DASAR KEPENDUDUKAN NEGARA**

- Disarankan oleh Y.A.B. Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohammad pada September 1982
- Untuk mencapai matlamat negara Malaysia mempunyai 70 juta penduduk pada tahun 2100

( a ) Nyatakan **dua** implikasi positif pelaksanaan dasar tersebut. [2m]

i. Meningkatkan penglibatan wanita dalam sektor ekonomi
ii. Bekalan tenaga buruh tempatan yang mencukupi
iii. Mengurangkan penggantungan terhadap buruh asing
iv. Pasaran tempatan yang luas
v. Pertahanan negara yang kuat
vi. Pembangunan aktiviti pertanian, perindustrian dan perkhidmatan

( b ) Nyatakan juga **dua** implikasi negatif pelaksanaan dasar tersebut . [2m]

i. Kekurangan peluang pekerjaan / pengangguran berlaku
ii. Pertambahan beban kerajaan bagi menyediakan kemudahan asas terhadap penduduk
iii. Kepadatan penduduk terutamanya di kawasan bandar
iv. Peningkatan masalah sosial
v. Kekurangan kemudahan kesihatan, perubatan dan pendidikan
vi. Masalah perumahan

**BAHAGIAN B** (20 *Markah*)

MALAYSIA: KADAR PERUBAHAN PENGELUARAN KOMODITI TERPILIH BAGI TAHUN 2009 DAN TAHUN 2010

| Komoditi | Tahun 2009 | Tahun 2010 | Kadar Perubahan ( %) |
|---|---|---|---|
| Kayu balak (000 meter padu ) | 18336 | 17797 | -2.94 |
| Kayu gergaji ( 000 meter padu ) | 3849 | 4381 | 13.82 |
| Padi (000 tan metrik) | 2511 | 2548 | 1.47 |
| Getah asli ( 000 tan metrik ) | 857 | 939 | 9.57 |
| Minyak sawit mentah(000 tong ) | 17565 | **16998** | **-3.23** |
| Minyak mentah ( 000 tong ) | 240479 | 232965 | -3.12 |
| Gas asli cecair ( 000 tan metrik ) | **22453** | **24362** | **8.50** |

*( Sumber :- Disesuaikan daripada Jabatan Perangkaan Malaysia 2011 )*



MALAYSIA: NILAI EKSPORT BARANGAN UTAMA DAN DESTINASI EKSPORT PADA TAHUN 2010

| Barangan | Nilai eksport ( RM juta) | Peratus ( % ) | Sudut ( 0 ) |
|---|---|---|---|
| Barangan elektrik dan elektronik | **240 907** | **37.71** | **135.76** |
| Minyak sawit dan barangan berasaskan kelapa sawit | 62 223 | 9.74 | 35.06 |
| Gas asli cecair | 38 742 | 6.06 | 21.83 |
| Petroleum mentah | 30 765 | 4.82 | 17.34 |
| Keluaran petroleum | 25 542 | 4.00 | 14.39 |
| Barangan lain | **240 643** | **37.67** | **135.61** |
| Jumlah | 638 822 | 100 | 360 |

| Negara | Nilai eksport ( RM juta ) | Peratus ( % ) | Tinggi (cm ) |
|---|---|---|---|
| Singapura | 85 253 | 13.35 | 1.3 |
| China | 80 105 | 12.54 | 1.3 |
| Jepun | 66 763 | 10.45 | 1.0 |
| Amerika Syarikat | 60 951 | 9.54 | 1.0 |
| Thailand | 34 136 | 5.34 | 0.5 |
| Negara-negara lain | 311 614 | 48.78 | 4.9 |
| Jumlah | 638 822 | 100 | 10 |

( Sumber :- Disesuaikan daripada Jabatan Perangkaan Malaysia , *Buku Maklumat Perangkaan Malaysia , 2011* , halaman 13 )

MALAYSIA : NILAI EKSPORT BARANGAN UTAMA DAN DESTINASI EKSPORT PADA TAHUN 2010




**Jumlah :- RM 638 822 juta**

Skala menegak 1 cm = 10 %

Petunjuk :-

- Barangan elektrik dan elektronik
- Minyak sawit dan barangan berasaskan kelapa sawit
- Gas asli cecair
- Petroleum mentah
- Keluaran petroleum
- Barangan lain

( Sumber :- Disesuaikan daripada Jabatan Perangkaan Malaysia , *Buku Maklumat Perangkaan Malaysia , 2011* , halaman 13 )

Penghayatan dan amalan terhadap prinsip-prinsip Rukun Negara boleh mewujudkan kemajuan dan keharmonian dalam negara. Bincangkan.

Pengenalan: Rukun Negara merupakan ideologi negara yang menjadi panduan hidup rakyat Malaysia. Semua warga wajar menghayati dan mengikuti nilai-nilai baik yang terdapat dalam Rukun Negara .

| Bil | Idea | Huraian |
|---|---|---|
| 1. | Melalui penghayatan terhadap sejarah pembentukan Rukun Negara | • Rukun Negara dibentuk selepas negara mengalami sejarah pahit pada 13 Mei 1969<br>• Sejarah yang merugikan rakyat dan negara harus dijadikan panduan dan iktibar kepada semua rakyat Malaysia untuk bersatu dan bekerjasama memajukan negara kita . |
| 2. | Penghayatan dan amalan terhadap prinsip-prinsip Rukun Negara mewujudkan negara bangsa / perpaduan negara/ identiti kebangsaan | • Rukun Negara menerapkan cita-cita agar rakyat Malaysia mencapai perpaduan yang erat dan mewujudkan identiti kebangsaan<br>• Penghayatan Rukun Negara dapat menanam semangat patriotik dan menjunjung perlembagaan dalam masyarakat yang harmoni |
| 3. | Penghayatan dan amalan terhadap prinsip-prinsip Rukun Negara mewujudkan cara hidup demokratik | • Membentuk rakyat yang mempunyai kebebasan untuk memilih berdasarkan prinsip perlembagaan<br>• Rakyat dapat mengamalkan cara hidup demokratik, berfikiran matang dan terbuka dalam masyarakat yang harmoni |
| 4. | Penghayatan dan amalan Rukun Negara | • Rukun Negara mengharapkan agar sebuah masyarakat yang progresif dan maju dapat dibentuk |

| | | |
|---|---|---|
| | membentuk keazaman / cita-cita yg sama untuk kemajuan | • Penggunaan sains dan teknologi moden akan menjadi pemangkin dalam membentuk masyarakat yang sainstifik dan progresif |
| 5. | Rukun Negara mewujudkan masyarakat yang adil | • Kerajaan akan memastikan wujud keadilan agar kemakmuran negara dapat dinikmati oleh semua rakyat secara adil dan saksama dalam kalangan rakyat<br>• Hal ini dapat mengelakkan rasa tidak puas hati rakyat terutamanya golongan miskin, sebaliknya dapat membentuk masyarakat yang bertolak ansur dan harmoni |
| 6. | Rukun Negara membnetuk nilai ketuhanan | • Penghayatan dan amalan prinsip pertama dalam Rukun Negara iaitu Kepercayaan kepada Tuhan mengajak rakyat Malaysia mempercayai kewujudan Tuhan<br>• Rakyat dapat mengamalkan nilai-nilai mulia dan agama bagi membentuk masyarakat yang lebih harmoni |
| 7. | Rukun Negara membentuk sikap setia rakyat kepada raja dan negara | • Raja yang menjadi lambang perpaduan dan keharmonian rakyat turut melambangkan kesepakatan rakyat yang setia kepada raja dan negara<br>• Prinsip ini akan membentuk rakyat yang mempunyai sikap dan kesanggupan untuk mempertahankan negara daripada pelbagai ancaman |
| 8. | Rukun Negara mendidik tentang perundangan | • Rakyat dapat mengetahui perlembagaan iaitu kontrak sosial yang membetuk persefahaman masyarakat yang lebih baik.<br>• Perkara-perkara sensitif yang menggugat keharmonian kaum harus dijadikan batasan yang ditetapkan dalam perlembagaan<br>• Rakyat perlu menyedari bahawa undang-undang boleh membatasi kebebasan hidup bagi memelihara kehidupan rakyat yang lebih besar |
| 9. | Rukun Negara mendidik nilai kesopanan dan kesusilaan | • Setiap rakyat wajib mepunyai nilai kesopanan dan kesusilaan dalam kehidupan masyarakat majmuk Malaysia<br>• Kesopanan dan kesusilaan setiap kaum dapat membentuk persefahaman yang baik antara kaum<br>• Nilai-nilai moral yang diajar dalam Rukun Negara telah diperkasakan melalui pelbagai dasar kerajaan agar rakyat lebih memahami dan menghayati erti kehidupan bersama |

Kesimpulan:- Rukun Negara perlu dihayati dan dijadikan panduan hidup rakyat Malaysia .

5+0

7. Masalah gangguan bekalan air bersih untuk kegunaan manusia di negara ini sering berlaku dan jika dibiarkan berterusan akan mengundang pelbagai kesan kepada manusia dan alam sekitar. Bincangkan

Pengenalan: Sumber air bersih untuk kegunaan rakyat Malaysia datangnya daripada air tawar. Kebelakangan ini sumber air ini sering terjejas. Hal ini menimbulkan pelbagai kesan negatif kepada manusia dan alam sekitar

| | |
|---|---|
| Idea A: Faktor berlaku gangguan bekalan air bersih<br><br>1: Pencemaran air | • Sumber air tawar yang utama adalah dari sungai dan sering dicemari oleh pelbagai sebab<br>• Seperti pembuangan najis haiwan daripada aktiviti penternakan dan pertanian<br>• Selain itu pencemaran bahan toksik serta pelbagai aktiviti terutamanya perkilangan<br>• Air yang tercemar menyebabkan sumber air semula jadi atau sumber untuk diproses mengalami gangguan bekalan<br>• Pencemaran air bersih juga mungkin disebabkan kemalangan bot-bot nelayan seperti di muara Sungai Dungun di Terengganu, Sungai Bernam di Selangor dan Sungai Batang Lupar di Sarawak<br>• Manusia mengalami kekurangan bekalan air untuk kegunaan harian |
| 2: Aktiviti pembaziran sumber air | • Segelintir masyarakat menggunakan sumber air bersih secara berlebihan<br>• Aktiviti membasuh kereta, menyiram pokok dan mandi-manda dilakukan secara berlebihan<br>• Paip air yang bocor dan tiadanya tindakan susulan untuk melaporkan atau membaiki kerosakan<br>• Pembaziran air dalam tempoh yang lama dan menyebabkan beribu-ribu meter padu air terbuang begitu sahaja |

| | |
|---|---|
| 3: Perbuatan khianat seperti mencuri air | • Terdapat juga perbuatan khianat terhadap harta kerajaan atau harta persendirian dengan merosakkan paip air<br>• Selain itu berlaku kegiatan mencuri air dalam jumlah yang banyak, misalnya, restoran, kilang membuat makanan, bengkel kenderaan, kolam takungan akuakultur dan seumpamanya<br>• Keadaan ini akan menyebabkan kekurangan bekalan sumber air bersih |
| 4: Simpanan air bawah tanah terjejas | • Hal ini boleh terjadi apabila berlaku kepupusan kawasan tadahan hujan<br>• Akibat aktiviti pembalakan dan penerokaan tanah secara berleluasa, kawasan tersebut telah mengalami kepanasan atau kemarau dan tidak dapat menakung bekalan air bawah tanah<br>• Air bawah tanah akan kering atau disejat terus tanpa disimpan. Selain itu, air hujan yang turun di permukaan itu akan terus mengalir ke sungai |
| 5: Bencana alam | • Di Malaysia bencana alam yang terjadi ialah seperti banjir dan tanah runtuh<br>• Jika terdapat keadaan banjir besar berlaku dan melimpahi loji pembersihan maka bekalan air bersih akan terjejas<br>• Bencana tanah runtuh pula membawa gangguan bekalan air bersih |
| Idea B: Kesan gangguan bekalan air bersih<br><br>6: Menjejaskan kesihatan | • Kekurangan air bersih akan menyebabkan rakyat menghadapi masalah kekurangan bekalan air, badan manusia tidak menerima bekalan air yamg mencukupi dan menyebabkan berlaku dihidrasi.<br>• Rakyat Malaysia menggunakan bekalan air tercemar yang mengandungi bahan kimia beracun dan tidak sesuai untuk kegunaan harian<br>• Manusia akan mengalami penyakit seperti kanser kulit, taun dan cirit-birit |
| 7: Menjejaskan kegiatan hidup manusia | • Aktiviti harian akan terjejas terutamanya penduduk yang menggunakan air sungai.<br>• Misalnya, penduduk yang menggunakan air sungai sukar mandi kerana air tercemar<br>• Terpaksa mengangkut bekalan air daripada sumber lain<br>• Terpaksa menunggu bekalan air diperoleh dari pihak berkuasa.<br>• Kegiatan perniagaan yang berasaskan air juga terjejas dengan teruknya |
| 8: Kegiatan pertanian akan terjejas | • Apabila air bersih dari sungai atau tasik tercemar maka kegiatan pertanian akan terancam<br>• Banyak kegiatan pengairan di kebun atau sawah padi terpaksa ditangguhkan. Aktiviti penternakan ikan air tawar juga akan terancam. Banyak ikan sama ada yang dibela atau yang hidup bebas akan mati keracunan.<br>• Tanaman yang ditanam tidak subur dan mengalami kerosakkan akibat menerima air yang tercemar. |

| | |
|---|---|
| | • Pertumbuhan flora dan fauna juga akan mengalami kerosakkan. |
| 9: Masalah keracunan dan alahan | • Apabila air tercemar, manusia terdedah kepada sumber makanan yang bertoksik<br>• Masyarakat di kawasan pedalaman atau di luar Bandar akan mengalami keracunan akibat memakan ikan haruan, ikan keli dan seumpamanya yang sudah terkena racun atau toksid yang mengakibatkan badan mengalami ruam dan gatal-gatal |

Kesimpulan: Sumber bekalan air bersih sama ada air yang diproses atau bekalan air dari sungai, tasik atau parit perlulah dipelihara agar manusia dan alam sekitar mendapat manfaat daripadanya.

2/3 + 3/2

## SOALAN PEP. PERCUBAAN PAM 2 2021
## JABATAN PENDIDIKAN NEGERI TERENGGANU

*Jawab* **semua** *soalan*

*Tulis jawapan dalam ruangan yang disediakan*

1 Huraikan **dua** petunjuk prestasi utama bagi menunjukkan Malaysia mencapai status negara maju. [4]

*(a)* ..................................................................................................

..................................................................................................

*(b)* ..................................................................................................

..................................................................................................

2 Senaraikan **tiga** kebaikan perniagaan secara atas talian (on line). [3]

*(a)* ..................................................................................................

*(b)* ..................................................................................................

*(c)* ..................................................................................................

3 Nyatakan **empat** usaha yang boleh dilaksanakan bagi meningkatkan persediaan masyarakat dalam menghadapi Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) [4]

*(a)* ..................................................................................................

*(b)* ..................................................................................................

*(c)* ..................................................................................................

*(d)* ..................................................................................................

STPM 2021

4 Huraikan dua faktor yang boleh menyebabkan berlakunya penyakit mental dalam kalangan masyarakat. **[4]**

*(a)* ..................................................................................................

..................................................................................................

*(b)* ..................................................................................................

..................................................................................................

**Bahagian B** [20 *markah*]

*Jawab* **satu** *soalan sahaja dalam bahagian ini.*

**5.** Berdasarkan petikan di bawah ini, sediakan carta yang sesuai untuk menunjukkan jenayah indeks kekerasan mengikut jenis jenayah di beberapa buah negeri terpilih di Malaysia pada tahun 2019.

Jenayah indeks terdiri daripada jenayah kekerasan dan jenayah harta benda. Hasil usaha pihak berkuasa dan kerjasama pelbagai pihak telah menyebabkan kes jenayah indeks kekerasan dan harta benda semakin menurun pada tahun 2019 berbanding tahun 2018.

Pada tahun 2019, jenayah indeks kekerasan bagi lima jenis kes jenayah tertentu telah menurun kepada 7790 kes iaitu penurunan sebanyak 41 kes berbanding tahun sebelumnya. Sebanyak 165 kes jenayah bunuh telah dilaporkan berlaku pada tahun 2019. Jenayah ini berlaku sama ada disebabkan pembunuhan dengan sengaja atau tidak sengaja. Jenayah rogol pula lebih banyak berlaku iaitu lebih 562 kes berbanding jenayah bunuh.

Jenayah yang paling banyak berlaku ialah jenayah samun yang terdiri daripada jenayah samun berkawan tanpa senjata api dan samun tanpa senjata api iaitu sebanyak 4742 kes. Jenayah samun berkawan tanpa senjata api mencatat sebanyak 3238 kes daripada jumlah jenayah samun. Manakala yang selebihnya ialah kes jenayah samun tanpa senjata api. Jenayah mencederakan pula mencatat sebanyak 2156 kes pada tahun 2019.

Jenayah indeks kekerasan juga boleh dipecahkan mengikut negeri. Bagi negeri Johor, kes jenayah indeks kekerasan mencatat sebanyak 1921 kes pada tahun 2019. Negeri Perak mencatat kes yang lebih rendah berbanding negeri Johor. Negeri Selangor mencatat kes jenayah indeks kekerasan yang paling banyak iaitu sebanyak 4300 kes. Hal ini kerana negeri Selangor mempunyai kepadatan penduduk yang lebih tinggi berbanding negeri lain. Malah, terdapat lebih ramai pendatang asing di negeri ini yang turut menyumbang kepada jumlah kes jenayah indeks kekerasan.

Negeri Kelantan mencatat kes jenayah indeks kekerasan yang paling sedikit iaitu sebanyak 468 kes. Secara keseluruhannya jenayah indeks kekerasan negara adalah dalam keadaan terkawal dan menunjukkan trend penurunan. Pihak polis meneruskan tindakan-tindakan pencegahan secara agresif dengan kerjasama masyarakat menerusi konsep atau pendekatan "Community Policing" dan pencegahan jenayah. Sasaran menurunkan kadar jenayah indeks menjadi agenda utama PDRM.

(Dipetik daripada www.data.gov.my, kemas kini 12 Jun 2021)

**6.** Berdasarkan petikan di bawah ini, sediakan graf yang sesuai untuk menunjukkan perubahan pelancong tempatan yang melancong mengikut tujuan pelancongan pada tahun 2019 dan 2020 di Malaysia.

Pandemik Covid-19 ternyata meninggalkan kesan yang amat ketara dalam pelbagai bidang terutamanya terhadap sektor pelancongan sama ada pelancongan antarabangsa mahupun pelancongan tempatan. Bilangan pelancong tempatan ternyata menunjukkan kemerosotan antara tahun 2019 dan tahun 2020 dalam pelbagai tujuan pelancongan.

Kedatangan pelancong tempatan bertujuan untuk melawat saudara mara dan rakan menunjukkan kemerosotan iaitu pada tahun 2019 seramai 101.1 juta orang kepada hanya 42.1 juta orang pada tahun 2020. Hal ini mungkin disebabkan halangan SOP yang tidak membenarkan orang ramai menerima kunjungan tetamu walaupun pada hari raya.

Pelancong tempatan yang bertujuan untuk membeli belah juga menunjukkan penurunan. Pada tahun 2019, seramai 84.6 juta orang yang melancong untuk membeli belah tetapi merosot sebanyak 28.9 juta orang pada tahun 2020. Kemerosotan ini disebabkan norma baharu sekarang iaitu orang ramai lebih memilih pembelian secara dalam talian yang ternyata lebih selamat dan tidak perlu keluar rumah bagi mematuhi SOP yang ditetapkan.

Pada tahun 2020, bilangan pelancong tempatan yang melancong untuk tujuan mendapatkan rawatan perubatan adalah seramai 5.5 juta orang iaitu merosot sebanyak 4.1 juta orang berbanding tahun 2019. Hal ini berlaku disebabkan fasiliti kesihatan telah dipertingkatkan di negeri masing-masing dan tidak memerlukan orang ramai merentasi negeri untuk mendapatkan rawatan kesihatan.

Aktiviti hiburan, majlis keraian dan sukan juga turut terkesan akibat pandemik Covid-19 ini. Hal ini terbukti apabila pelancong tempatan yang melancong untuk tujuan tersebut turut mengalami kemerosotan yang ketara iaitu menurun sebanyak 77.1% pada tahun 2020 berbanding 9.6 juta orang pada tahun 2019. Penurunan yang begitu ketara disebabkan halangan yang dikenakan terhadap aktiviti sosial masyarakat termasuk acara hiburan dan juga sukan.

Namun hanya satu tujuan pelancongan yang mengalami sedikit peningkatan bilangan pelancong tempatan dalam tempoh tersebut iaitu bercuti dan beristirehat. Pada tahun 2019, bilangan pelancong seramai 21.5 juta orang dan meningkat kepada 22.3 juta orang pada tahun 2020. Hal ini mungkin disebabkan orang ramai tidak boleh melancong ke luar negara akibat penutupan sempadan, dan mengambil peluang untuk melancong dalam negara sahaja terutama semasa pembukaan sempadan daerah dan negeri pada akhir tahun 2020 yang lalu.

Lain-lain tujuan pelancongan juga menunjukkan penurunan iaitu pada tahun 2019 seramai 12.7 juta dan menurun kepada 3.9 juta orang pada tahun 2020. Semoga pandemik Covid-19 ini akan dapat ditangani segera agar industri pelancongan negara dapat bernafas semula bagi memulihkan semula ekonomi negara dan rakyat Malaysia.

(Dipetik dan diuabahsuai daripada Tinjauan Pelancongan Tempatan, Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021)

**Bahagian C** [25 *markah*]

*Jawab **satu** daripada tajuk di bawah ini dan tulis karangan yang panjangnya antara 300 hingga 350 patah perkataan merangkumi 5 idea sahaja .*

7 Prinsip ke-4 Rukun Negara ialah 'Kedaulatan Undang-Undang' . Jelaskan bagaimana pegangan prinsip ini membawa perpaduan kepada rakyat Malaysia.

8 Banyak faktor mempengaruhi peningkatan kadar pengangguran dalam kalangan lepasan Intitusi Pengajian Tinggi (IPT). Pelbagai langkah boleh dilakukan oleh graduan yang masih belum mendapat pekerjaan. Jelaskan

# SKEMA PEP. PERCUBAAN PAM 2 2021
# JABATAN PENDIDIKAN NEGERI TERENGGANU



**Bahagian A** [15 markah]

*Jawab* **semua** *soalan*

*Tulis jawapan dalam ruangan yang disediakan*

**1** Huraikan dua petunjuk prestasi utama bagi menunjukkan Malaysia mencapai status negara maju. [4]

**Skema Jawapan**

| *Bil* | *Isi / Idea* | *Huraian* |
|---|---|---|
| 1 | Pendapatan per kapita tinggi | • Kemajuan tingkat pendidikan serta penguasaan teknologi oleh kebanyakan rakyat menjadikan tingkat pendapatan penduduk meningkat. |
| 2 | Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang tinggi | • Pendapatan negara tinggi iaitu dengan penghasilan pelbagai produk untuk dieksport dan barangan yang berdaya saing di peringkat global. |
| 3 | Saiz ekonomi berintensif kan pengetahuan meningkat | • Penerapan ekonomi berasaskan pengetahuan dalam pelbagai sektor ekonomi telah berkembang pesat yang dapat menghasilkan pelbagai produk untuk dieksport. |
| 4 | Kreativiti dan inovasi berkembang | • Perkembangan pesat kreativiti dan inovasi dalam kehidupan masyarakat di Malaysia sama ada dalam bidang industri, pekerjaan atau pendidikan. |
| 5 | Kadar peratusan pelajar ke IPT tinggi | • Kebanyakan penduduknya memiliki pendidikan dan kemahiran teknologi yang tinggi ke tahap IPT. |
| 6 | Tahap kesihatan tinggi | • Penduduk memiliki kualiti kehidupan dan tingkat kesihatan penduduk yang tinggi dengan kemudahan kesihatan terbaik.<br>• Hal ini berasaskan kadar jangka hayat penduduk yang tinggi dan angka kematian penduduk yang rendah. |
| 7 | Prasarana yang lengkap dan moden | • Kemudahan infrastruktur dan infostruktur yang lengkap yang berkembang pesat dimanfaat sepenuhnya oleh rakyat. |
| 8 | Kadar produktiviti tenaga kerja yang cekap | • Kualiti kehidupan yang tinggi meningkat produktiviti tenaga kerja yang cekap dan menghasilkan output yang banyak dan berkualiti. |
| 9 | Pengurusan alam sekitar yang cekap | • Alam sekitar diurus dengan baik dan cekap seiring kemajuan negara dan pembangunan yang mapan. |
| 10 | Penggunaan optimum sumber | • Kemajuan teknologi dan keupayaan modal |

| | | |
|---|---|---|
| | | membolehkan sumber alam dimanfaatkan secara optimum dan sumber alam yang telah ada dimanfaat sebagai sumber alternatif. |

**Jawapan : Mana-mana 2 isi/idea**
**Nota : Idea ( 1m ) + Huraian ( 1m )**

*(a)* ..........................................................................................................

..........................................................................................................

*(b)* ..........................................................................................................

..........................................................................................................

**2** Senaraikan tiga kebaikan perniagaan secara atas talian (on line). [3]

**Skema Jawapan**

| *Bil* | *Isi / Idea* |
|---|---|
| 1 | Perniagaan boleh dijalankan secara sambilan |
| 2 | Tidak memerlukan premis yang khusus |
| 3 | Menawarkan pelbagai jenis produk |
| 4 | Memudahkan perbandingan harga |
| 5 | Mengurangkan risiko perniagaan |
| 6 | Urusan lebih mudah dan pantas |
| 7 | Menjimatkan masa pengguna |
| 8 | Membuka pasaran global |
| 9 | Menawarkan fleksibiliti |
| 10 | Menjimatkan kos |

**3** Nyatakan empat usaha yang boleh dilaksanakan bagi meningkatkan **persediaan masyarakat** dalam menghadapi Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) [4]

**Skema Jawapan**

| *Bil* | *Isi / Idea* |
|---|---|
| 1 | Meningkatkan pendedahan kepada teknologi 4IR dalam kalangan generasi muda. |
| 2 | Menggalakkan pertandingan inovasi dan teknologi seperti penciptaan robotik di semua sekolah di Malaysia. |
| 3 | Menambah baik kursus berkaitan 4IR di IPT dan Institusi pendidikan |
| 4 | Meningkatkan latihan TVET melalui reka bentuk dan penyampaian program 4IR yang lebih baik. |
| 5 | Memperkasakan pendidikan teknologi dan maklumat di semua sekolah. |
| 6 | Meningkatkan prasarana digital dalam kalangan masyarakat bandar dan luar bandar. |
| 7 | Memperkukuhkan perundangan khusus mengenai keselamatan siber. |
| 8 | Mendedahkan masyarakat kepada potensi pekerjaan yang berpendapatan tinggi berkaitan 4IR |
| 9 | Menyokong inovasi teknologi 4IR yang memberi tumpuan kepada penyelesaian isu sosial dan alam sekitar |



**4** Huraikan dua faktor yang boleh menyebabkan berlakunya penyakit mental dalam kalangan masyarakat. **[4]**

**Skema Jawapan**

| *Bil* | *Isi / Idea* | *Huraian* |
|---|---|---|
| 1 | Faktor stress | • Tekanan ketika bekerja / bebanan kerja yang berat<br>• Bebanan hutang |
| 2 | Faktor keluarga | • Konflik keluarga<br>• Kehilangan ahli keluarga.<br>• Hilang tempat bergantung |
| 3 | Faktor kehilangan sumber pendapatan | • Tiada tempat tinggal<br>• Menjadi gelandangan<br>• Tidak dapat memenuhi keperluan ahli keluarga |
| 4 | Faktor psikologi | • Trauma sejarah lampau<br>• Peristiwa ngeri / tragis<br>• Penderaan semasa kecil<br>• Kemalangan yang menyebabkan gangguan pada otak |
| 5 | Faktor genetik/keturunan | • Berisiko tinggi sekiranya ada ahli keluarga yang pernah mengalami penyakit mental. |

**Jawapan : Mana-mana 2 isi/idea**

**Nota : Idea ( 1m ) + Huraian ( 1m )**

**Bahagian B** [20 *markah*]

*Jawab* **satu** *soalan sahaja dalam bahagian ini.*

**5. Carta Bertingkat**

MALAYSIA: JENAYAH INDEKS KEKERASAN MENGIKUT JENIS JENAYAH DI BEBERAPA BUAH NEGERI TERPILIH PADA TAHUN 2019

| Jenis Jenayah | Jenayah Indeks Kekerasan | | |
|---|---|---|---|
| | Jumlah Jenayah ( kes ) | Peratus (%) | Sudut ($^{o}$) |
| Bunuh | 165 | 2.12 | 7.63 |
| Rogol | 727 | 9.33 | 33.60 |
| Samun berkawan tanpa senjata api | 3238 | 41.57 | 149.64 |
| Samun tanpa senjata api | 1504 | 19.31 | 69.50 |
| Mencederakan | 2156 | 27.68 | 99.64 |
| JUMLAH | 7790 | 100.00 | 360.00 |
| **Negeri-negeri Terpilih** | **Jenayah Indeks Kekerasan** | | |
| | Jumlah Jenayah (kes) | Peratus (%) | Ketinggian ( cm ) |
| Johor | 1921 | 24.66 | 2.47 |
| Perak | 1101 | 14.13 | 1.41 |
| Selangor | 4300 | 55.20 | 5.52 |
| Kelantan | 468 | 6.01 | 0.60 |
| JUMLAH | 7790 | 100.00 | 10.00 |

(Dipetik daripada www.data.gov.my, kemas kini 12 Jun 2021)





6. **Bar Kompaun**

MALAYSIA: PERUBAHAN PELANCONG TEMPATAN YANG MELANCONG MENGIKUT PELBAGAI TUJUAN PADA TAHUN 2019 DAN 2020

| Tahun / Tujuan melancong | Perubahan pelancong tempatan yang melancong ( juta orang ) | |
|---|---|---|
| | 2019 | 2020 |
| Melawat saudara mara dan Rakan | 101.1 | 42.1 |
| Membeli belah | 84.6 | 55.7 |
| Mendapat rawatan dan Perubatan | 9.6 | 5.5 |
| Hiburan, majlis keraian dan sukan @ Aktivii Sosial | 9.6 | 2.2 |
| Bercuti dan beristirehat | 21.5 | 22.3 |
| Lain-lain tujuan | 12.7 | 3.9 |

(Dipetik dan diubahsuai daripada Tujuan Pelancongan Tempatan, Jabatan Perangkaan Rancangan 2021)

SULIT* 9



**Bahagian C** [25 *markah*]

*Jawab* ***satu*** *daripada tajuk di bawah ini dan tulis karangan yang panjangnya antara 300 hingga 350 patah perkataan merangkumi 5 idea sahaja.*

7 Prinsip ke-4 Rukun Negara ialah 'Kedaulatan Undang-Undang'. Jelaskan bagaimana pegangan prinsip ini membawa perpaduan kepada rakyat Malaysia.

Pendahuluan;
Banyak konflik dan isu yang boleh memecahkan masyarakat sering berbangkit dan dipolemik dalam media massa dan media altenatif. Isu yang yang menggugat muafakat dan perpaduan rakyat Malaysia ini dapat ditangani sekiranya prinsip 'kedaulatan undang-undang' menjadi pegangan kepada masyarakat.

| Bil | Idea | Huraian |
|---|---|---|
| 1 | Semua rakyat sama di sisi undang-undang | • Tiada pihak yang boleh membelakangkan undang-undang.<br>• Tiada 'bilis dan jerung' dalam menegakkan undang-undang<br>• Kesannya wujud pembelaan, keadilan dan kesamarataan dalam kalangan masyarakat |
| 2 | Mewujudkan kepatuhan kepada semua orang | • Apabila memegang prinsip ini, semua orang akur dan mengelak daripada mencetuskan konflik<br>• Setiap pelakuan dan tindakan selaras dengan peruntukan undang-undang<br>• Membawa tindakan penerimaan kepada sebarang keputusan dan, mengelak suasana negatif dalam masyarakat |
| 3 | Penyelesaian konflik politik | • Sebarang konflik antara pelbagai pihak atau parti politik diselesai mengikut peruntukan undang-undang<br>• Tiada ahli atau parti politik bertindak sebarangan sehingga menimbulkan konflik dan perpecahan dalam masyarakat<br>• Sebagai contoh isu darurat dan persidangan Palimen terakhir diselesaikan mengikut peruntukan undang-undang |
| 4 | Pengurusan ekonomi secara adil | • Setiap individu atau suku kaum akan mendapat hak ekonomi yang telah diperjelaskan oleh undang-undang<br>• Tiada usaha monopoli, penindasan, menyekat hak dan pilih kasih apabila kedaulatan undang-undang dijadikan rujukan. |

| | | |
|---|---|---|
| | | • Pencerobohan dan manipulasi tidak akan mendapat tempat sekiranya undang-undang didaulatkan |
| 5 | Dapat mengelak konflik sosial | • Perkara dan isu sensitif tidak akan diperbesarkan<br>• Menyerah kepada undang-undang yang menentukan<br>• Unsur prejudis atau prasangka yang melibatkan perkauman antara pelbagai pihak dapat dielakkan |
| 6 | Konflik agama dapat ditangani | • Sebarang konflik bersifat agama tidak diperpanjangkan dan dapat muktamadkan<br>• Undang-undang Persekutuan atau Enakmen Kerajaan Negeri berkaitan agama diterima dan dipatuhi<br>• Isu 'Kalimah Allah' telah diputuskan oleh undang-undang sekiranya dipatuhi dan dihormati tidak akan mewujud konflik keagamaan |
| 7 | Hak dipertahan mengikut peruntukan undang-undang | • Pencerobohan hak sama ada ke atas harta, sumber ekonomi dan lain-lain diselesaikan mengikut ketetapan undang-undang<br>• Cara kekerasan dan pelbagai helah dihindari<br>• Tiada rusuhan dan demonstrasi sehingga menimbulkan kekacauan dapat dielakkan |
| 8 | Menyelesai konflik dengan pemerintah/kerajaan | • Sebarang rasa tidak puas hati kepada kerajaan ditangani dengan jalan yang dibenar undang-undang<br>• Tiada reformasi jalanan dan merosakkan harta awam sehingga mengganggu gugat persepakatan rakyat terhadap negara<br>• Jalan penyelesaian melalui forum, rundingan, bersuara melalui media massa dan wakil rakyat menjadi keutamaan dalam menyelesaikan konflik dengan pemerintah |

Rukun Negara merupakan panduan kepada kehidupan bernegara. Kedaulatan Undang-Undang salah satu perinsip yang dapat mengelak konflik sehingga menggugat perpaduan dalam masyarakat.

**Skema : 5 + 0**

**8** Banyak faktor mempengaruhi peningkatan kadar pengangguran dalam kalangan lepasan Intitusi Pengajian Tinggi (IPT). Pelbagai langkah boleh dilakukan oleh graduan yang masih belum mendapat pekerjaan. Jelaskan

Pendahuluan;
Pengangguran di kalangan lepasan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) bukan isu baru kepada negara kita. Banyak faktor mempengaruhi peningkatan kumpulan ini. Graduan hendaklah mengambil inisiatif sendiri khususnya bagi mengelak isu ini dari berlaku.

| Bil | Idea | Huraian |
|---|---|---|
| A<br><br>1 | Faktor<br><br>Kelulusan tidak selaras keperluan pasaran kerja | • Bidang kelulusan atau pengajian kurang permintaan dalam pasaran kerja<br>• Sukar memasuki pasaran kerja kerana penawaran kerja yang terhad<br>• Sanggup menganggur sementara menunggu tawaran kerja yang setaraf |
| 2 | Kurang berdaya saing | • Kurang kemahiran insaniah dan kurang berusaha meningkatkan kemahiran. Sebagai contoh kemahiran keusahawanan, komunikasi, dan dwiberbahasa<br>• kelulusan rendah atau tiada pengalaman atau kurang keyakinan diri<br>• Ditambah mengharap kerja setimpal dengan kelulusan |
| 3 | Kelembapan ekonomi atau pertumbuhan ekonomi perlahan | • Majikan lebih berhati-hati dalam mengambil pekerja atau mengutamakan yang terbaik dan berpengalaman<br>• Permintaan terhadap produk menurun.<br>• Sesetengah syarikat atau firma berusaha mengurangkan bilangan pekerja selaras dengan penurunan permintaan |
| 4 | Krisis yang dihadapi negara | • Sama ada krisis politik atau kemanusiaan.<br>• Krisis kemanusiaan seperti serangan wabak pandemik Covid-19 telah menyebabkan kerajaan lebih fokus kepada usaha menangani wabak<br>• Ekonomi dan industri turut meleset, tiada peluang pekerjaan baru |
| B<br><br>5 | Langkah<br><br>Melanjutkan pelajaran | • Sama ada ke peringkat ijazah atau ke peringkat ijazah kedua<br>• Potensi diri dapat ditingkatkan<br>• Kejayaan melanjutkan pelajaran mengurangkan bilangan penganggur sedia ada dan melepaskan diri daripada isu pengangguran |
| 6 | Menyertai pelbagai latihan dan kemahiran | • Kemahiran dan latihan yang disediakan oleh pelbagai agensi kerajaan mesti direbut |

| | | |
|---|---|---|
| | | • Dengan memiliki kemahiran dan latihan dapat menambahnilai kelayakan sedia ada.<br>• Meningkatkan potensi untuk mendapat kerja atau mengusahakan kerjaya sendiri. |
| 7 | Mengambil peluang mendapat dana atau bantuan kewangan | • Pelbagai dana dan bantuan kewangan termasuk mendapat pinjaman disediakan oleh agensi kerajaan dan institusi kewangan<br>• Para graduan hendaklah merebut peluang bagi memulakan perniagaan atau mengembangkan potensi diri |
| 8 | Bersedia bekerja dari bawah atau sementara atau sangkutan | • Mendapatkan pengalaman dan berpengalaman terlibat dalam bidang pekerjaan<br>• Pengalaman membuka ruang atau mendapat inisiatif mengembangkan potensi diri<br>• Pengalaman mewujudkan rangkaian dan konteks untuk membina kerjaya yang lebih baik |
| 9 | Melibatkan diri dalam bidang keusahawanan | • Memberi fokus kepada melibatkan diri dalam bidang keusahawanan<br>• Menggunakan kelayakan yang dimiliki membuat penilaian kepada jenis perniagaan dan tuntutan pasaran yang tinggi.<br>• Menggabungkan pelbagai disiplin ilmu dengan rakan-rakan graduan bagi membina perniagaan. |

Penutup;

Kerjasama berkesan daripada semua pihak iaitu agensi kerajaan, pihak majikan, institusi kewangan dan inisiatif pihak graduan sendiri diyakini dapat mengurangkan kadar pengangguran lepasan IPT .

**Skema: 3+2 atau 2+3**

## SOALAN PEP. PERCUBAAN PAM 2 2021
## KOLEJ TINGKATAN 6 PUCHONG

**BAHAGIAN A** [15 *markah*]

*Jawab* **semua** *soalan.*

**1.** Jelaskan **dua** faktor yang menghalang perpaduan kaum. [4]

a) ……………………………………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………………………………………
b) ……………………………………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………………………………………

**2.** Tun Dr. Mahathir Mohamad telah menjalankan pelbagai cara untuk memajukan negara antaranya dengan memperkenalkan Dasar Pandang Ke Timur. Terangkan **dua** strategi yang dilaksanakan untuk mencapai objektif dasar tersebut. [4]

a) ……………………………………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………………………………………
b) ……………………………………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………………………………………

**3.** Nyatakan **tiga** matlamat yang ingin dicapai oleh negara melalui Rukun Negara. [3]

a) ………………………………………………………………………………………

b) ………………………………………………………………………………………

c) ………………………………………………………………………………………

**4.** Nyatakan empat isu yang perlu ditangani oleh Malaysia untuk mencapai status negara maju. [4]

a) ……………………………………………………………………………………………………………………………

b) ……………………………………………………………………………………………………………………………

c) ……………………………………………………………………………………………………………………………

d) ……………………………………………………………………………………………………………………………

**BAHAGIAN B** [20 *markah*]

*Jawab* **satu** *soalan sahaja dalam bahagian ini. Jawapan hendaklah dibuat pada kertas graf*

5. Berdasarkan kepada maklumat yang diberikan di bawah, sediakan sebuah graf yang sesuai untuk menunjukkan **bilangan penduduk** mengikut kumpulan umur dan jantina di Malaysia pada tahun 2020

.

Bancian penduduk yang telah dijalankan pada tahun 2020 menunjukkan bahawa penduduk di negara ini berjumlah 32.7 juta orang. Jumlah ini berasaskan kepada bilangan penduduk yang terdiri daripada warganegara dan bukan warganegara yang menetap di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Pada tahun 2020, bancian telah memperlihatkan bahawa bilangan penduduk lelaki adalah berjumlah 16.8 juta orang. Manakala bilangan penduduk perempuan pula berkurangan sebanyak 0.90 juta orang berbanding dengan penduduk lelaki.

Struktur yang lebih jelas dapat diperhatikan apabila komposisi penduduk di Malaysia dikelaskan kepada selang umur, iaitu 0-9, 10-19, 20-29, 30-39, 40-49, 50-59, 60-69 dan 70 tahun ke atas. Bilangan bayi dan kanak-kanak yang berumur 0-9 tahun berjumlah 8.13 juta orang. Daripada jumlah tersebut, 4.33 juta orang adalah penduduk lelaki, iaitu merupakan 13.3% daripada jumlah penduduk Malaysia. Manakala 11.6% atau 3.80 juta orang adalah bilangan penduduk perempuan. Bagi kumpulan umur kanak-kanak dan remaja yang berumur 10-19 tahun pula berjumlah 7.09 juta orang iaitu berkurang sebanyak 1.04 juta orang daripada kumpulan kanak-kanak berumur 0-9 tahun. Bilangan penduduk perempuan pada selang umur ini adalah sebanyak 3.54 juta orang, iaitu berkurang sebanyak 0.01 juta orang daripada bilangan penduduk lelaki.

Sementara itu, kumpulan umur dewasa iaitu yang berumur 20-29 tahun, bilangan lelaki kurang daripada penduduk perempuan sebanyak 80,000 orang, apabila bilangan penduduk perempuan berjumlah 2.88 juta orang. Manakala, kumpulan penduduk yang berumur dalam lingkungan 30-39 tahun pula, didapati 2.47 juta orang terdiri daripada lelaki dan 2.32 juta orang terdiri daripada penduduk perempuan.

Bilangan penduduk pada kumpulan berikutnya, iaitu yang berumur 40-49 tahun semakin berkurangan. Daripada sejumlah 2.98 juta orang penduduk dalam kumpulan ini, 1.55 juta orang adalah penduduk lelaki dan bakinya merupakan bilangan penduduk perempuan. Bagi mereka yang berumur dalam lingkungan 50-59 tahun, bilangan penduduk perempuannya masih kurang sebanyak 0.26 juta orang berbanding dengan penduduk lelaki yang berjumlah 1.21 juta orang.

Walau bagaimanapun, bagi kumpulan umur 60-69 tahun, bilangan penduduk perempuan melebihi bilangan penduduk lelaki sebanyak 0.03 juta orang daripada penduduk lelaki yang berjumlah 0.55 juta orang. Begitu juga bagi penduduk yang berusia melebihi 70 tahun ke atas, bilangan penduduk lelaki mencatatkan jumlah seramai 0.34 juta orang, manakala jumlah bilangan penduduk perempuan masih lagi melebihi bilangan penduduk lelaki dengan mencatatkan jumlah seramai 0.40 juta orang.

(Disuaikan daripada *Laporan Bancian Penduduk 2020*, Jabatan Perangkaan Malaysia)

6. Berdasarkan petikan di bawah, sediakan carta yang sesuai untuk membandingkan **jumlah perbelanjaan pengiklanan** pelbagai jenis media pada separuh pertama tahun 2016 dan separuh pertama tahun 2018.

Peranan iklan dalam sosioekonomi dan politik Malaysia memberi implikasi berbeza mengikut keperluan dan kepentingan individu atau organisasi. Kerajaan sentiasa memberi ruang kepada organisasi berparti atau tidak berparti menyampaikan maklumat kepada orang ramai.

Pada separuh pertama tahun 2016, jumlah perbelanjaan dalam industri pengiklanan sebanyak RM2,199,197 manakala pada tempoh yang sama tahun 2018 meningkat sebanyak 13.94% berbanding tahun 2016.

Pengiklanan menggunakan akhbar harian pada tempoh separuh pertama tahun 2016 mencatatkan RM1,334,033 dan meningkat kepada RM1,633,258 pada tempoh yang sama tahun 2018. Sebanyak 28.25% daripada jumlah separuh pertama tahun 2016 merupakan perbelanjaan pengiklanan yang ditayangkan melalui televisyen dan jumlah perbelanjaaniini menurun kepada RM603,138 pada separuh pertama tahun 2018.

Sebanyak RM92,806 perbelanjaan pengiklanan menggunakan radio sebagai medium penyampaian iklan pada separuh pertama tahun 2016 dan meningkat kepada RM107,748 pada tempoh yang sama pada tahun 2018. Sementara pengiklanan dalam majalah. menunjukkan' penurunan perbelanjaan sebanyak RM4,161 daripada RM70,814 pada tempoh separuh pertama tahun 2016 ke tempoh yang sama pada tahun 2018. Wujud 'pelbagai' dimensi dalam menyampaikan iklan mengakibatkan perbelanjaan iklan dalam majalah dikurangkan, tambahan pula, masyarakat kini lebih suka kepada dimensi digital berbanding kaedah konvensional.

Bagi media-media lain yang terlibat dalam industri pengiklanan menunjukkan peningkatan perbelanjaan dengan mencatatkan 3.79% daripada keseluruhan jumlah perbelanjaan pengiklanan pada tempoh separuh pertama tahun 2018. Pada .tempoh separuh pertama tahun 2016, jumlah perbelanjaan iklan media-media lain adalah sebanyak RM80,271. Industri pengiklanan mencatatkan kos dan pendapatan yang tinggi terutama menggunakan pelbagai dimensi dalam pembikinan iklan supaya lebih menarik dan memikat pengguna membeli atau menikmati sesuatu dalam bentuk yang berbeza.

(Disesuaikan daripada data *Buletin Pengguna*, 2018)

**BAHAGIAN C** (25 markah)

*Pilih **satu** daripada tajuk di bawah ini, dan tulis karangan yang panjangnya antara 300 hingga 350 patah perkataan*.

7. Media melaporkan banyak projek perumahan yang terbengkalai akan memberi kesan kepada penduduk dan negara. Langkah-langkah tertentu perlu dilaksanakan untuk mengatasi masalah ini. Bincangkan.

8. Salah satu cabaran bagi merealisasikan wawasan 2020 adalah mewujudkan negara Malaysia yang bersatu padu. Oleh itu, pelbagai pihak perlu memainkan peranan bagi mencapai hasrat tersebut. Huraikan.

# SKEMA PEP. PERCUBAAN PAM 2 2021
# KOLEJ TINGKATAN 6 PUCHONG

**Bahagian A** (*15 markah*)

1. Jelaskan **dua** faktor yang menghalang perpaduan kaum. [4]

| *BIL.* | *Huraian* | |
|---|---|---|
| 1 | Penempatan/pemisahan fizikal | • Penempatan kaum mengikut kawasan yang berbeza menjadi penghalang pergaulan dan komunikasi. |
| 2 | Ketidakseimbangan aktiviti ekonomi | • Pengasingan kegiatan ekonomi ini mewujudkan jurang dari segi sosial dan jurang pendapatan yang tidak seimbang |
| 3 | Sistem pendidikan yang berasingan | • Kewujudan sekolah vernakular mengasingkan kaum dan menyukarkan perpaduan. |
| 4 | Sikap perkauman | • Anggota masyarakat berpegang teguh kepada sikap perkauman dan hal ini menyukarkan perpaduan. |
| 5 | Parti politik yang berasaskan kaum | • Parti politik memperjuangkan hak dan kepentingan kaum masing-masing. |

2. Tun Dr. Mahathir Mohamad telah menjalankan pelbagai cara untuk memajukan negara antaranya dengan memperkenalkan Dasar Pandang Ke Timur. Terangkan **dua** strategi yang dilaksanakan untuk mencapai objektif dasar tersebut. [4]

| ***Bil.*** | ***Isi/Idea*** | ***Huraian*** |
|---|---|---|
| 1. | Mewujudkan perubahan struktur pentadbiran | • Mewujudkan Kad perakam waktu bekerja<br>• Menggunakan tanda nama<br>• Konsep pejabat terbuka<br>• Penubuhan Pasukan Meningkatkan Mutu Kerja<br>• Fail Meja dan Manual Prosedur Kerja |
| 2. | Menekankan perubahan sikap | • Memperkenalkan perkhidmatan cemerlang<br>• Mengamalkan konsep bersih, cekap dan amanah<br>• Kepimpinan melalui teladan |
| 3. | Memberi latihan dan kursus | • Mewujudkan latihan perindustrian dan teknikal bagi meningkatkan kecekapan dan menerap nilai positif dalam penghasilan produk |
| 4. | Mengadakan program pengajian | • Memberi peluang latihan teknikal lanjutan pada pelajar lepasan politeknik tempatan |
| 5. | Program kemajuan eksekutif | • Memberi latihan kepada eksekutif dalam kaeah pengurusan dan pentadbiran kerajaan dan swasta.<br>• Para eksekutif akan ditempatkan di firma dan agensi kerajaan di Jepun dan Korea. |
| 6. | Mewujudkan hubungan antara institusi | • Menyalurkan permohonan latihan yang diperlukan oleh masyarakat Malaysia kepada institusi pengajian tinggi di Jepun dan Korea. |
| 7. | Memberi skim latihan pembangunan | • Dikendalikan oleh unit penyelarasan dan pelaksanaan, Jabatan perdana Menteri. |

| | | • Pendedahan kepada usahawan bumiputera tentang idea dan teknologi |
|---|---|---|

3. Nyatakan tiga matlamat yang ingin dicapai oleh negara melalui Rukun Negara. [3]

| Bil | Isi/Idea |
|---|---|
| 1. | Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakat. |
| 2. | Memelihara satu cara hidup demokratik |
| 3. | Mencipta masyarakat yang adil |
| 4. | Membentuk satu sikap yang liberal terhadap tradisi kebudayaan kaum lain. |
| 5. | Membina sebuah masyarakat progresif dengan menggunakan sains dan teknologi moden. |

4. Nyatakan empat isu yang perlu ditangani oleh Malaysia untuk mencapai status negara maju. [4]

| Bil | Isi/Idea |
|---|---|
| 1. | Pembentukan satu negara bangsa Malaysia |
| 2. | Mewujudkan sebuah negara perindustrian |
| 3. | Keadilan ekonomi dan sosial |
| 4. | Moral dan etika |
| 5. | Pembentukan masyarakat berdasarkan sistem kekeluargaan |

**Bahagian B** *[20 markah]*

Jawab **satu** soalan sahaja.

**Skema jawapan nombor 5:** Histogram

**MALAYSIA: BILANGAN PENDUDUK MENGIKUT KUMPULAN UMUR DAN JANTINA PADA TAHUN 2020**

| Jantina / Kumpulan Umur(tahun) | Bilangan Penduduk (juta orang) | |
|---|---|---|
| | LELAKI | PEREMPUAN |
| 0-9 | 4.33 | 3.80 |
| 10-19 | 3.55 | 3.54 |
| 20-29 | 2.80 | 2.88 |
| 30-39 | 2.47 | 2.32 |
| 40-49 | 1.55 | 1.43 |
| 50-59 | 1.21 | 0.95 |
| 60-69 | 0.55 | 0.58 |
| 70 ke atas | 0.34 | 0.40 |

(Disesuaikan daripada Laporan Bancian Penduduk 2020,Jabatan Perangkaan Malaysia)

**Nota: Unit 'tahun'** pada label kumpulan umur wajib ada, jika tiada E2=0

Data mesti **2 titik perpuluhan**, jika tidak tolak **markah butiran**

**Jawapan:** Histogram




**Nota**: Graf diwarnakan dengan 1 jenis sahaja, jika lebih tolak KT

**Skema jawapan nombor 6:** Carta pai berbanding

MALAYSIA : JUMLAH PERBELANJAAN PENGIKLANAN PELBAGAI JENIS MEDIA PADA SEPARUH PERTAMA TAHUN 2016 DAN SEPARUH PERTAMA TAHUN 2018.

| Tempoh / Jenis Media | Separuh Pertama Tahun 2016 | | | Separuh Pertama Tahun 2018 | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | Jumlah (RM) | Peratus (%) | Sudut (°) | Jumlah (RM) | Peratus (%) | Sudut (°) |
| Akhbar Harian | 1,334,033 | 60.66 | 218.38 | 1,633,258 | 65.18 | 234.65 |
| Televisyen | 621,273 | 28.25 | 101.70 | 603,138 | 24.07 | 86.65 |
| Radio | 92,806 | 4.22 | 15.19 | 107,748 | 4.30 | 15.48 |
| Majalah | 70,814 | 3.22 | 11.59 | 66,653 | 2.66 | 9.58 |
| Media-Media Lain | 80,271 | 3.65 | 13.14 | 94,968 | 3.79 | 13.64 |
| Jumlah | 2,199,197 | 100 | 360 | 2,505,765 | 100 | 360 |

*(Disesuaikan daripada data Buletin Pengguna, 2018)*



**Bahagian C** *[25 markah]*

7. Media melaporkan banyak projek perumahan yang terbengkalai akan memberi kesan kepada penduduk dan negara. Langkah-langkah tertentu perlu dilaksanakan untuk mengatasi masalah ini. Bincangkan

**Skema jawapan:**

**Pengenalan:** Masalah projek perumahan terbengkalai bukan sahaja merugikan pengguna bahkan juga akan menjatuhkan imej kerajaan. Oleh itu, langkah-langkah mengatasinya hendaklah diambil

| *Bil* | *Isi/idea* | *Huraian* |
|---|---|---|
| **Bahagian A: Kesan negatif** | | |
| 1 | Imej negara terjejas | • Bilangan projek terbengkalai semakin meningkat, hal ini akan menggambarkan kepincangan pengurusan hal ehwal perumahan negara dalam menyediakan rumah kepada rakyat<br>• Masalah ini boleh menjejaskan harapan untuk negara mencapai status negara maju |
| 2 | Mengundang masalah sosial | • Projek yang terbengkalai akan menjadi tapak/ sarang kepada aktiviti-aktiviti tidak bermoral seperti penagihan dadah, maksiat dan perjudian<br>• Menjadi penempatan haram<br>• Mendatangkan bahaya kepada masyarakat berhampiran<br>• Akibatnya, berlaku peningkatan masalah sosial |
| 3 | Membebankan pembeli | • Pembeli menanggung hutang yang banyak/ lama<br>• Golongan berpendapatan rendah akan menerima kesan lebih teruk jika rumah mereka tidak siap<br>• Kos yang lain terpaksa ditanggung oleh pengguna seperti melunaskan hutang di bank tetapi rumah belum dapat dimiliki |
| 4 | Pembaziran sumber | • Banyak wang, masa dan tenaga telah dibazirkan kerana kos yang telah dikeluarkan tidak akan diperoleh semula<br>• Kerajaan tidak mendapat pulangan yang sepatutnya<br>• Tidak dapat menyediakan rumah mengikut waktu yang ditetapkan. |
| *Bil* | *Isi/idea* | *Huraian* |
| **Bahagian B: Langkah-langkah** | | |
| 5 | Memperkasakan penguatkuasaan undang-undang | • Kerajaan boleh memperkasakan undang-undang dengan lebih tegas kepada pihak pemaju<br>• Mengambil tindakan mahkamah terhadap pemaju yang gagal menunaikan tanggungjawab<br>• Hal ini akan menjadikan pemaju lebih berdisiplin dan berhati-hati semasa menjalankan projek perumahan |
| 6 | Menggubal / menambahbaik dasar yang mesra pembangunan | • Kementerian perlu lebih berani menggubal/menambah baik dasar yang mesra pembangunan (alam sekitar, rakyat→ rumah mampu milik)<br>• Langkah lebih tegas kepada pemaju seperti melaksanakan konsep 'bina dulu baru jual' yang telah |

| | | |
|---|---|---|
| | | dibuat percubaan bagi menggantikan sistem 'jual dulu baru bina'.<br>• Selain itu, kerajaan menetapkan syarat kepada pemaju seperti menyediakan bon cagaran di bank pusat dan meluluskan permohonan pemaju membina projek berdasarkan prestasi terdahulu boleh menjadi asas penyelesaian masalah ini. |
| 7 | Meningkatkan kesedaran terhadap hak pengguna/pembeli | • Pengguna perlu diberi pendidikan/kempen tentang hak mereka<br>• Pembeli juga perlulah berhati-hati sebelum membuat keputusan untuk membeli rumah<br>• Latar belakang pemaju dan kawasan perumahan yang akan dbeli perlu diteliti.<br>• Hal ini akan dapat mengelakkan pembeli menjadi mangsa pemaju tidak bertanggungjawab. |
| 8 | Pemantauan oleh pihak berkuasa | • Pemantuan secara sistematik dan tegas oleh pihak berkuasa untuk mengenal pasti projek perumahan bermasalah<br>• Jika masalah dapat dikesan pada peringkat awal, tindakan segera dapat diambil seperti memindahkan projek tersebut kepada pemaju lain<br>• Peranan Suruhanjaya Perumahan Negara |
| 9 | Perancangan pembangunan/ perumahan yang lebih tersusun | • panjang atau pendek hendaklah dibuat<br>• Mengkaji cara negara maju lain mengatasi masalah perumahan<br>• Satu badan pemantau khas hendaklah diwujudkan bagi mengawal selia projek |

**Penutup:** Kerjasama semua pihak hendaklah digembeleng supaya fenomena yang merugikan ini tidak menjadi faktor penghalang untuk negara mencapai status negara maju.

**Jawapan:** Mana-mana 2+3 isi/idea atau 3+2 isi/idea

8. Salah satu cabaran bagi merealisasikan wawasan 2020 adalah mewujudkan negara Malaysia yang bersatu padu . Oleh itu, pelbagai pihak perlu memainkan peranan bagi mencapai hasrat tersebut. Huraikan.

**Skema jawapan:**

**Pendahuluan:** Cabaran untuk mewujudkan masyarakat yang bersatu padu menjadi antara agenda utama negara. Bagi mencapai hasrat negara ini, pelbagai pihak perlu memainkan peranan.

| *Bil* | *Isi/ Idea* | *Huraian* |
|---|---|---|
| 1 | Kerajaan | • Melaksanakan dasar-dasar ke arah pembentukan perpaduan yang erat<br>• Memperkasakan penguatkuasan undang-undang bagi memelihara keharmonian negara |

| | | |
|---|---|---|
| 2 | Ibu bapa | • Menunjukkan teladan yang baik dengan menjalinkan hubungan yang erat dengan rakan berlainan kaum<br>• Mengalakkan anak-anak bergaul dengan pelbagai kaum<br>• Mendidik anak-anak menghormati budaya kaum lain |
| 3. | Media massa | • Mendedahkan kepentingan perpaduan kepada masyarakat<br>• Membantu kerajaan menjayakan program perpaduan<br>• Memaparkan contoh hubungan perpaduan yang erat dalam kalangan rakyat yang pelbagai kaum |
| 4. | Individu | • Saling menghormati budaya dan kepercayaan kaum lain<br>• Tidak melakukan perbuatan provokasi dan keganasan yang akan mengakibatkan konflik dan kekacauan. |
| 5. | Masyarakat | • Rukun Tetangga merupakan satu program sukarela yang bertujuan untuk membantu dalam pembangunan masyarakat setempat di Malaysia.<br>• Visi utama rukun tetangga ditubuhkan adalah membantu dalam pembentukan satu bangsa Malaysia yang bersatu padu dalam konteks pencapaian wawasan 2020<br>• Selain itu,rumah terbuka dalam kalangan masyarakat bertujuan untuk memupuk persefahaman dalam masyarakat Malaysia yang pelbagai kaum dan menganuti pelbagai agama |
| 6 | sekolah | • Aktiviti kokurikulum dapat memupuk perpaduan dalam kalangan pelajar<br>• Melalui aktiviti yang dijalankan, pelajar dapat memupuk sikap toleransi, bekerjasama bersatu padu<br>• Aktiviti dalam kelas seperti perbincangan kumpulan turut dapat memupuk nilai-nilai perpaduan |
| 7 | Badan Bukan Kerajaan (NGO) | • Usaha NGO menerusi penganjuran pelbagai program kemasyarakatan mampu menyemarakkan lagi semangat perpaduan dan mengeratkan silaturahim<br>• Menerapkan nilai-nilai positif dalam kalangan masyarakat |
| 8 | Institut Pengajian Tinggi | • Menganjurkan aktiviti yang menjurus kepada perpaduan dalam kalangan mahasiswa<br>• Aktiviti seperti program anak angkat dan khidmat masyarakat memainkan peranan penting dalam mengalakkan penyertaan bersama antara kaum<br>• Penubuhan kelab perpaduan atau Kelab Rukun Negara sebagai usaha dalam menyemai kesedaran tentang kepentingan mengukuhkan perpaduan antara kaum |

**Penutup:** Usaha yang berkesan perlu dilaksanakan oleh semua pihak bagi memastikan perpaduan rakyat Malaysia sentiasa utuh. Hal ini kerana perpaduan sangat penting dalam mengekalkan keamanan negara.

**Jawapan:** Mana-mana 5 isi/idea

# SOALAN PEP. PERCUBAAN PAM 2 2021
# PTE SMK TUN SYED ZAHIRUDDIN

**Bahagian A** [15 markah]

*Jawab* **semua** *soalan.*

1. Nyatakan **empat** faktor yang perlu diambil kira bagi mengukuhkan kestabilan politik negara. [4]

(a)..........................................................................................................................................
(b)..........................................................................................................................................
(c)..........................................................................................................................................
(d)..........................................................................................................................................

2. Nyatakan **tiga** kesan kurangnya penghayatan agama dan moral dalam kalangan masyarakat. [3]

(a)..........................................................................................................................................
(b)..........................................................................................................................................
(c)..........................................................................................................................................
(d)..........................................................................................................................................

3. Berikan **empat** tunggak Dasar Teknologi Hijau Negara. [4]

(a)..........................................................................................................................................
(b)..........................................................................................................................................
(c)..........................................................................................................................................
(d)..........................................................................................................................................

4. Huraikan **dua** sumbangan tenaga laser dalam pelbagai bidang. [4]

a) ..........................................................................................................................................
..........................................................................................................................................
b) ..........................................................................................................................................
..........................................................................................................................................

**Bahagian B** [ 20 *markah* ]

*Jawab* **satu** *soalan sahaja. Jawapan hendaklah dibuat pada kertas graf.*

5. Berdasarkan maklumat yang diberikan dalam petikan dibawah ini, sediakan graf yang sesuai untuk menunjukkkan **kadar perubahan** tahunan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) mengikut sektor terpilih dari tahun 2010 hingga tahun 2013 (ramalan).

Perkembangan dalam pembangunan ekonomi Malaysia telah meningkatkan KDNK pada setiap tahun. Perkembangan dalam sektor-sektor terpilih pula menunjukkan bahawa ekonomi negara ini semakin mantap pada setiap tahun. Dari tahun 2010 hingga tahun 2012, sektor ini didapati meningkat dan dijangkakan pada tahun 2013 terus meningkat dengan kadar yang lebih tinggi.

Pada tahun 2010, jumlah KDNK sebanyak RM287 643 juta dan dijangka meningkat kepada RM319 198 juta pada tahun 2013. Pada tahun 2010, sektor pertanian menyumbang sebanyak RM51 263 juta dan dijangka meningkat sebanyak RM5651 juta pada tahun 2013. Walaupun sumbangan sektor pertanian kurang berbanding dengan sektor lain, namun KDNK tetap meningkat pada setiap tahun. Pada tahun 2012, jumlahnya lebih tinggi berbanding dengan tahun 2011, iaitu sebanyak RM451 juta. Pada tahun 2012, jumlahnya ialah RM54 750 juta.

KDNK sektor perlombongan dan kuari tidak stabil pada tempoh berkenaan. Harga pasaran yang tidak stabil mempengaruhi jumlah berkenaan. Dalam tempoh tersebut, KDNK paling tinggi dijangka pada tahun 2013, iaitu RM66 351 juta berbanding dengan RM66 122 juta pada tahun 2010. Pada tahun 2011, nilainya menurun sebanyak RM3788 juta berbanding dengan tahun 2010. Pada tahun 2012, nilainya meningkat sedikit kepada RM63 220 juta.

KDNK sektor perkilangan meningkat agak ketara dalam tempoh berkenaan. Pada tahun 2010, sektor ini menyumbang sebanyak RM170 258 juta, meningkat kepada RM178 333 juta pada tahun berikutnya dan meningkat lagi sebanyak RM8535 juta pada tahun 2012, manakala pada tahun 2013 dijangka meningkat kepada RM195 933 juta. Sektor perkilangan telah menyumbang pendapatan yang besar kepada negara dengan pembinaan kawasan industri dan pembinaan banyak kilang baharu di seluruh negara.

Keseluruhannya, semua sektor menjadi penyumbang yang sentiasa menunjukkan peningkatan kecuali sektor perlombongan dan kuari. Hal ini menunjukkan bahawa Malaysia mempunyai urus tadbir yang betul ke arah menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi pada suatu hari nanti.

(Disesuaikan daripada *Buku Tahunan Perangkaan Malaysia 2012,* Putrajaya, Jabatan Perangkaan Malaysia*)*

6. Berdasarkan maklumat yang diberikan dalam petikan di bawah ini, sediakan carta yang sesuai untuk menunjukkan **jumlah pesakit** mengikut taburan kes Covid-19 dan **negeri terpilih** pada 4 Oktober Tahun 2020.

Pandemik Covid-19 telah banyak mengancam kesihatan dan keselamatan penduduk di seluruh negara di dunia. Rakyat Malaysia sendiri turut berasa ketakutan apabila berdepan dengan ancaman virus Covid-19 ini. Sejumlah 12413 orang penduduk Malaysia telah dijangkiti virus ini dan didapati positif Covid-19 pada 4 Oktober tahun 2020. Kira-kira 82.84% daripada jumlah tersebut merupakan kes sembuh dan dibenarkan balik ke rumah masing-masing. Kes sembuh ini telah diminta untuk menjaga kesihatan sendiri dan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan seperti terus berada di rumah jika tiada apa-apa keperluan untuk keluar.

Selain kes sembuh, seramai 1961 orang atau 15.80% masih dirawat dan dikenali sebagai kes sedang dirawat. Kumpulan kes ini dinasihati agar terus tabah dan tidak panik. Kumpulan kes ini dinasihati mematuhi proses rawatan yang telah ditetapkan. Sebahagian besar kes ini dijangka akan sembuh dan boleh menjalani kehidupan seperti biasa dalam keadaan norma baru. Walau bagaimanapun, kira-kira 0.26% daripada jumlah pesakit Covid-19 menjalani rawatan rapi di hospital yang telah ditetapkan. Kes rawatan rapi ini memerlukan bantuan khas seperti bantuan mesin penafasan dan kemudahan yang lain. Pihak petugas khas juga ramai diperlukan untuk merawat kumpulan kes rawatan rapi ini. Kes kematian pula adalah seramai 137 orang. Kes kematian ini amat menyedihkan kerana mereka kebanyakannya warganegara yang telah berumur dan mempunyai penyakit sebelum dijangkiti virus Covid-19.

Jika ditinjau pada negeri yang terlibat, ternyata Kuala Lumpur mencatat jumlah pesakit Covid-19 paling tinggi pada 4 Oktober 2020 iaitu 2694 orang. Bilangan pesakit yang tinggi ini telah membimbangkan dan mencemaskan seluruh rakyat Malaysia. Negeri Selangor pula mencatat bilangan pesakit seramai 2378 orang iaitu kurang 9 orang berbanding negeri Sabah iaitu kira-kira 19.16% daripada jumlah keseluruhan. Negeri Sembilan mencatat 1054 orang. Manakala Johor dan Sarawak merekodkan 785 orang dan 717 orang masing-masing. Selebihnya adalah jumlah pesakit negeri Kedah dan negeri-negeri lain dengan catatan Kedah sebanyak 6.52% daripada jumlah keseluruhan.

(Disesuaikan daripada *CPRC Kebangsaan, Kementerian Kesihatan Malaysia, Oktober 2020*)

**Bahagian C** [ 25 *markah* ]

*Pilih* **satu** *daripada tajuk di bawah ini dan tulis karangan yang panjangnya antara 300 hingga 350 patah perkataan.*

7. Salah satu cabaran bagi merealisasikan Wawasan 2020 adalah mewujudkan masyarakat saintifik dan progresif. Oleh itu, pelbagai pihak perlu memainkan peranan bagi mencapai hasrat tersebut. Huraikan.

8. Semangat kejiranan dalam masyarakat kini semakin longgar. Oleh itu, langkah untuk mengatasi hal ini perlu dilakukan. Jelaskan.

# SKEMA PEP. PERCUBAAN PAM 2 2021
# PTE SMK TUN SYED ZAHIRUDDIN

**SKEMA JAWAPAN : Bahagian A** [15 markah]

1. Berikan **empat** faktor yang perlu diambil kira bagi mengukuhkan kestabilan politik negara. [4]

| **Bil.** | **Isi/Idea** |
|---|---|
| 1. | Faktor kepimpinan yang adil |
| 2. | Faktor pendidikan |
| 3. | Faktor dasar kerajaan |
| 4. | Faktor kestabilan ekonomi |

2. Nyatakan **tiga** kesan kurangnya penghayatan agama dan moral dalam kalangan masyarakat.[3]

| **Bil.** | **Isi/Idea** |
|---|---|
| 1. | Keruntuhan akhlak |
| 2. | Gejala sosial berleluasa |
| 3. | Keamanan negara terjejas |
| 4. | Keluarga berpecah belah |
| 5. | Masalah jenayah meningkat |
| 6. | Mudah terpengaruh dengan anasir negatif |

3. Berikan **empat** tunggak Dasar Teknologi Hijau Negara. [4]

| **Bil.** | **Isi/Idea** |
|---|---|
| 1. | Tenaga |
| 2. | Alam Sekitar |
| 3. | Ekonomi |
| 4. | Sosial |

4. Huraikan **dua** sumbangan tenaga laser dalam pebagai bidang. [4]

| **Bil.** | **Isi/Idea** | **Huraian** |
|---|---|---|
| 1. | Bidang hiburan | Penggunaan cahaya laser dalam perasmian dan temasya-temasya besar. |
| 2. | Bidang percetakan | Menggunakan pencetak laser untuk mengimbas drum dan fotokondutif (kamera merakan imej) |
| 3. | Bidang perniagaan | Penggunaan kod bar pada barangan atau produk dalam pasaraya besar. |
| 4. | Bidang keselamatan | Penggunaan laser dalam bidang ketenteraan, polis dan pasukan keselamatan yang lain. |
| 5. | Bidang perubatan | Penggunaan laser untuk pembedahan mata, merawat kulit dan ulser gastrik. |
| 6. | Bidang ICT | Penggunaan laser untuk menghasilkan kabel sebatian optic yang membolehkan cahaya laser melaluinya. |

**Bahagian B** [20 markah]

**Soalan 5**

**MALAYSIA:KADAR PERUBAHAN TAHUNAN KELUARAN DALAM NEGARA KASAR (KDNK) MENGIKUT SEKTOR TERPILIH DARI TAHUN 2010 HINGGA TAHUN 2013 (RAMALAN)**

| **Sektor** | **Tahun** | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | **Keluaran Dalam Negara Kasar (RM juta)** | | | | **Kadar Perubahan Tahunan (%)** | | |
| | **2010** | **2011** | **2012** | **2013 (ramalan)** | **2010-2011** | **2011-2012** | **2012-2013** |
| Pertanian | 51263 | 54299 | 54750 | 56914 | 5.92 | 0.83 | 3.95 |
| Perlombongan dan kuari | 66122 | 62334 | 63220 | 66351 | -5.72 | 1.42 | 4.95 |
| Perkilangan | 170258 | 178333 | 186868 | 195933 | 4.74 | 4.78 | 4.85 |

(Disesuaikan daripada *Buku Tahunan Perangkaan Malaysia 2012*,
Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia)

- *Graf Bar Memesong juga diterima, markah penuh 20/20*



<u>**Soalan 6**</u>

**MALAYSIA:JUMLAH PESAKIT MENGIKUT TABURAN KES COVID-19 DAN NEGERI TERPILIH PADA 4 OKTOBER TAHUN 2020**

| Taburan Kes | Jumlah Pesakit Covid-19 (orang) | | |
|---|---|---|---|
| | Pesakit | Peratus (%) | Sudut (°) |
| Kes sembuh | 10283 | 82.84 | 298.22 |
| Kes sedang dirawat | 1961 | 15.80 | 56.88 |
| Kes rawatan rapi | 32 | 0.26 | 0.93 |
| Kes kematian | 137 | 1.10 | 3.97 |
| **Jumlah** | **12413** | **100** | **360** |

| Negeri | Pesakit (orang) | Peratus (%) | Tinggi (cm) |
|---|---|---|---|
| Kuala Lumpur | 2694 | 21.70 | 2.17 |
| Selangor | 2378 | 19.16 | 1.92 |
| Sabah | 2387 | 19.23 | 1.92 |
| Negeri Sembilan | 1054 | 8.49 | 0.85 |
| Johor | 785 | 6.32 | 0.63 |
| Sarawak | 717 | 5.78 | 0.58 |
| Kedah | 809 | 6.52 | 0.65 |
| Negeri-negeri lain | 1589 | 12.80 | 1.28 |
| **Jumlah** | **12413** | **100** | **10** |

(Disesuaikan daripada *CPRC Kebangsaan, Kementerian Kesihatan Malaysia,* Oktober 2020)



**Bahagian C** [25 markah]

**7.** Salah satu cabaran bagi merealisasikan Wawasan 2020 adalah mewujudkan masyarakat saintifik dan progresif. Oleh itu, pelbagai pihak perlu memainkan peranan bagi mencapai hasrat tersebut. Huraikan.

Salah satu cabaran bagi merealisasikan Wawasan 2020 adalah mewujudkan masyarakat yang saintifik dan progresif. Pelbagai pihak haruslah memainkan peranan masing-masing untuk merealisasikan cabaran tersebut.

| **Bil.** | **Idea** | **Huraian** |
|---|---|---|
| **Peranan pelbagai pihak :** | | |
| 1. | Sekolah | • pelajar dapat dilatih dari peringkat awal melalui sukatan pelajaran dan kokurikulum yang berasaskan sains dan teknologi.<br>• kemahiran berfikir kreatif dan kritis diterapkan bagi mendidik pelajar untuk menyelesaikan masalah untuk membuat keputusan dengan tepat dan mengemukakan idea-idea baharu. |
| 2. | Ibu Bapa | • menyemai minat dalam bidang sains dan teknologi sejak kecil dengan membeli banyak buku dan majalah sains serta menyertai lawatan dan pameran sains.<br>• mendorong dan membimbing agar anak menyedari kepentingan dan kelebihan bidang sains dalam kehidupan. |
| 3. | Institut Pengajian Tinggi | • penawaran lebih banyak kursus berkaitan sains dan teknologi dengan sasaran 60 peratus pelajar mengambil jurusan sains dan teknologi.<br>• menyediakan lebihh banyak peluang pekerjaan kepada siswazah dalam bidang sains dan teknologi. |
| 4. | Media Massa | • mengadakan kempen untuk memberi pendedahan tentang kelebihan bidang sains dan teknologi.<br>• memaparkan kejayaan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) berkaitan dengan sains dan teknologi. |
| 5. | Kerajaan | • memberi geran untuk menjalankan penyelidikan dan pembangunan berasaskan sains dan teknologi.<br>• memberikan pengiktirafan dan anugerah untuk rekaan sains dan teknologi yang kreatif dan inovatif. |

Semua pihak memainkan peranan masing-masing menghasilkan masyarakat yang mempunyai pandangan jauh ke hadapan dan seterusnya produktiviti yang bermutu akan meningkatkan ekonomi dan seterusnya memajukan negara.

***Skema : 5+0***

**8.** Semangat kejiranan dalam masyarakat kini semakin longgar. Oleh itu, langkah untuk mengatasi hal ini perlu dilakukan. Jelaskan.

Semangat kejiranan penting apabila hidup di kawasan perumahan yang sama. Kini, semangat kejiranan dalam kalangan masyarakat semakin longgar dan tidak dipraktikkan. Pelbagai langkah harus dilakukan untuk mengatasi masalah ini.

| Bil. | Idea | Huraian |
|---|---|---|
| **A.** | **Sebab semangat kejiranan makin longgar :** | |
| 1. | Bersikap materialistik | • Kesibukan mengejar harta kekayaan menyebabkan tiada masa untuk bergaul dengan jiran tetangga.<br>• Tidak peka tentang apa yang berlaku disekeliling kerana sifat individualistik yang semakin menebal akibat mengejar kebendaan. |
| 2. | Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi | • Teknologi maklumat telah mewujudkan anggota masyarakat yang memencilkan diri.<br>• Terlalu menumpukan kepada komunikasi dalam ruang sosial dalam talian sehingga mengabaikan hubungan bersemuka yang melemahkan semangat kejiranan. |
| 3. | Gaya hidup bandar | • Sibuk dengan kerja dan mengejar masa untuk urusan peribadi dan keluarga menjejaskan semangat kejiranan.<br>• Mempunyai kumpulan sosial yang tersendiri dan aktif di laman maya sahaja. |
| **B.** | **Langkah-langkah:** | |
| 4. | Kempen semangat kejiranan | • Memaparkan kebaikan semangat kejiranan melalui iklan yang menarik, dokumentasi dan tayangan.<br>• Media massa memainkan peranan melalui pendedahan kepada masyarakat terhadap isu-isu dan nilai budaya kejiranan. |
| 5. | Aktiviti gotong royong | • Jiran tetangga akan berkumpul untuk menjalankan sesuatu aktiviti bersama tanpa mengira bangsa dan agama.<br>• Hal ini akan membuka peluang untuk berkenalan dengan jiran serta mewujudkan semangat berkerjasama dan bertolak ansur. |
| 6. | Majlis rumah terbuka | • Amalan menziarahi jiran tetangga semasa perayaan akan membentuk ikatan silaturahim dan memperkukuhkan semangat kejiranan masyarakat setempat.<br>• Hal ini juga membuka peluang untuk memahami adat dan kepercayaan jiran yang berbeza dari segi agama dan budaya. |

Semangat kejiranan haruslah dipupuk dan disemai ke dalam diri demi mengeratkan silaturahim mengukuhkan hubungan sesama jiran tetangga dan menghidupkan kembali semangat kejiranan pada zaman kini.

***Skema : 2+3 / 3+2***

# SOALAN PEP. PERCUBAAN PAM 2 2021
# SMK DATUK BENDAHARA, JASIN, MELAKA

**Bahagian A [15 *markah*]**

*Jawab* **semua** *soalan Tulis jawapan dalam ruang yang disediakan*

1. Terangkan dua langkah untuk membangunkan modal insan ke arah Malaysia mencapai status negara maju.[4]

   a) ..........................................................................................................................

   ..........................................................................................................................

   b) ..........................................................................................................................

   ..........................................................................................................................

2. Nyatakan tiga kepentingan politik yang stabil kepada negara. [3]

   a) ..........................................................................................................................

   b) ..........................................................................................................................

   c) ..........................................................................................................................

3. Jelaskan dua tujuan pendekatan strategik Dasar Pertanian Negara Ketiga. [4]

   a) ..........................................................................................................................

   ..........................................................................................................................

   b) ..........................................................................................................................

   ..........................................................................................................................

4. Berikan empat faedah kepelbagaian biodiversiti kepada masyarakat tempatan. [4]

   a) ..........................................................................................................................

   b) ..........................................................................................................................

   c) ..........................................................................................................................

   d) ..........................................................................................................................

**Bahagian B** [20 *markah*]

*Jawab* **satu** *soalan sahaja. Jawapan hendaklah dibuat pada kertas graf pada halaman 6.*

**5.** Berdasarkan maklumat di bawah, sediakan graf yang sesuai untuk menunjukkan peratus perubahan kematian mengikut kategori bagi tahun-tahun yang dinyatakan.

Perangkaan kematian jalan raya menunjukkan peningkatan setiap tahun walaupun pihak kerajaan telah mengambil pelbagai insiatif untuk mengurangkan tragedi yang tidak diingini ini. Oleh itu, pihak PDRM telah melaksanakan operasi Ops Sikap pada setiap musim-musim perayaan utama.

Dalam tempoh Jan-Sept 2016, bilangan kematian bagi pemandu dan penumpang kereta telah mencecah sebanyak 920 orang dan meningkat sebanyak 193 orang pada tempoh yang sama bagi tahun 2017. Aktiviti tidak bermoral seperti merempit telah mengorbankan sebanyak 2736 orang penunggang dan pembonceng motosikal bagi tempoh Jan-Sept 2016. Kempen kerajaan secara besar-besaran melalui media massa untuk meningkatkan kesedaran kepada penunggang dan pembonceng motosikal telah berjaya mengurangkan kematian sebanyak 260 orang pada tahun berikutnya.

Sikap pemandu bas telah mendorong kepada peningkatan kematian pemandu dan penumpang bas sehingga mencecah 64 orang pada Jan-Sept 2017. Manakala pada tahun 2016 bagi tempoh yang sama hanya mencatat sebanyak 26 orang. Bagi kategori pemandu dan kelindan lori telah menyumbangkan kira-kira 3.73% daripada jumlah keseluruhan atau sebanyak 174 orang bagi tempoh Jan-Sept 2016. Pada tempoh yang sama bagi tahun 2017, bilangan kematian kategori ini telah menurun sebanyak 29 orang.

Dalam tempoh Jan-Sept 2016, kematian bagi pemandu dan kelindan van adalah sebanyak 73 orang. Bagi tahun berikutnya, kematian bagi kemalangan ini telah meningkat kepada 101 orang berikutan kecuaian pemandu terutamanya pada waktu malam. Kemalangan maut bagi pemandu dan kelindan pacuan 4 roda telah mencatat jumlah yang sama dengan kes pemandu / kelindan van bagi tempoh Jan-Sept 2016. Bilangan kematian bagi kategori ini telah menunjukkan penurunan bagi tempoh yang sama tahun 2017 iaitu mencatat 65 orang sahaja. Kemalangan yang membawa kematian bagi kategori lain-lain pada tahun 2016 dan 2017 masing-masing sebanyak 48 orang dan 59 orang.

Kerajaan telah menanggung kerugian yang besar apabila kematian jalan raya meningkat setiap tahun. Justeru, media massa perlu memperhebatkan lagi kempen kesedaran untuk menyedarkan rakyat.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada *Laporan PDRM*, Disember 2017)

**6.** Berdasarkan maklumat dalam petikan di bawah, sediakan carta yang sesuai untuk menunjukkan jumlah pesakit mengikut taburan kes Covid-19 dan negeri terpilih pada 4 Oktober Tahun 2020.

Pandemik Covid-19 telah banyak mengancam kesihatan dan keselamatan penduduk di seluruh negara di dunia. Rakyat Malaysia sendiri turut berasa ketakutan apabila berdepan dengan ancaman virus Covid-19 ini. Sejumlah 12413 orang penduduk Malaysia telah dijangkiti virus ini dan didapati positif Covid-19 pada 4 Oktober tahun 2020. Kira-kira 82.84% daripada jumlah tersebut merupakan kes sembuh dan dibenarkan balik ke rumah masing-masing. Kes sembuh ini telah diminta untuk menjaga kesihatan sendiri dan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan seperti terus berada di rumah jika tiada apa-apa keperluan untuk keluar.

Selain kes sembuh, seramai 1961 orang atau 15.80% masih dirawat dan dikenali sebagai kes sedang dirawat. Kumpulan kes ini dinasihati agar terus tabah dan tidak panik. Kumpulan kes ini dinasihati mematuhi proses rawatan yang telah ditetapkan. Sebahagian besar kes ini dijangka akan sembuh dan boleh menjalani kehidupan seperti biasa dalam keadaan norma baru. Walau bagaimanapun, kira-kira 0.26% daripada jumlah pesakit Covid-19 menjalani rawatan rapi di hospital yang telah ditetapkan. Kes rawatan rapi ini memerlukan bantuan khas seperti bantuan mesin pernafasan dan kemudahan yang lain. Pihak petugas khas juga ramai diperlukan untuk merawat kumpulan kes rawatan rapi ini. Kes kematian pula adalah seramai 137 orang. Kes kematian ini amat menyedihkan kerana mereka kebanyakannya warganegara yang telah berumur dan mempunyai penyakit sebelum dijangkiti Covid-19.

Jika ditinjau pada negeri yang terlibat, ternyata Kuala Lumpur mencatat jumlah pesakit Covid-19 paling tinggi pada 4 Okotober 2020 iaitu 2694 orang. Bilangan pesakit yang tinggi ini telah membimbangkan dan mencemaskan seluruh rakyat Malaysia. Negeri Selangor pula mencatat bilangan pesakit seramai 2378 orang iaitu kurang 9 orang berbanding negeri Sabah iaitu kira-kira 19.16% daripada jumlah keseluruhan. Negeri Sembilan mencatat 1054 orang. Manakala Johor dan Sarawak merekodkan 785 orang dan 717 orang masing-masing. Selebihnya adalah jumlah pesakit negeri Kedah dan negeri-negeri lain dengan catatan Kedah sebanyak 6.52% daripada jumlah keseluruhan.

(Disesuaikan daripada *CPRC Kebangsaan*, Kementerian

Kesihatan Malaysia, Oktober 2020)

**Bahagian C** [25 *markah*]

*Jawab* ***satu*** *soalan sahaja dan tulis karangan yang panjangnya antara 300 hingga 350 patah perkataan*

**7.** Pembangunan modal insan merupakan intipati penting dalam pembangunan negara. Oleh itu, penambahbaikan sistem pendidikan merupakan salah satu langkah yang telah dijalankan oleh pihak kerajaan untuk merealisasikan matlamat tersebut. Bincangkan.

**8.** Penghasilan pelbagai gajet memberi kesan kepada kehidupan manusia. Bincangkan.

# SKEMA PEP. PERCUBAAN PAM 2 2021
## SMK DATUK BENDAHARA, JASIN, MELAKA

**SKEMA JAWAPAN PEPERIKSAAN PERCUBAAN STPM SEMESTER 2 / 2021 SMK DATUK BENDAHARA**

BAHAGIAN A (15 MARKAH)

1. Terangkan dua langkah untuk membangunkan modal insan ke arah Malaysia mencapai status negara maju. (4m)
   a) Meningkatkan pendidikan berkualiti. Mentransformasikan sistem pendidikan, menghasilkan modal insan yang berkualiti, merupakan asas kepada K- ekonomi
   b) Meningkat kemahiran. Menyediakan pusat pusat latihan, memberi pendedahan kemahiran di luar Negara. (
   c) Meningkatkan kepakaran. Membawa plang pakar-pakar tempatan yang bertugas di luar Negara, memberi peluang meningkatkan kepakaran
   d) Meningkatkan nilai dan etika kerja. Menerapkan nilai integrity, mengukuhkan jati diri.

2. Nyatakan tiga kepentingan politik yang stabil kepada negara. (3m)
   a) Pelabur asing meningkat
   b) Meningkatkan imej Negara
   c) Menjamin keselamatan Negara
   d) Memajukan ekonomi Negara
   e) Dasar Pendidikan lebih inovatif

3. Jelaskan dua tujuan pendekatan strategik Dasar Pertanian Negara Ketiga. [4m]
   a) Meluaskan pasaran pertanian ke seluruh dunia. Menjalinkan hubungan perdagangan dan meningkatkan promosi. (
   b) Memajukan kegiatan perhutanan sebagai usaha sama. Meningkatkan pengeluaran pertanian dan sumber pertanian secara bersama.
   c) Membangunakan industri berasaskan pertanian. Menghasilakan produk yang dapat memenuhi citarasa dan berdasarkan permintaan pengguna.
   d) Memaksimumkan penggunaan sumber. Menggunakan sumber-sumber asli secara berhemat.

4. Berikan empat faedah kepelbagaian biodiversiti kepada masyarakat tempatan. (4m)
   a) Menyediakan tempat riadah atau rekreasi.
   b) Sumber makanan.
   c) Sumber perubatan moden dan tradisional.
   d) Sumber udara segar atau oksigen.
   e) Tempat Penyeldikan dan pembangunan.

BAHAGIAN B (20 MARKAH)

5. Berdasarkan maklumat di bawah, sediakan graf yang sesuai untuk menunjukkan peratus perubahan kematian mengikut kategori bagi tahun-tahun yang dinyatakan.
*Graf bar memesong*

**Malaysia : Peratus Perubahan Kematian Jalan Raya Pelbagai Jenis Kenderaan Bagi Tempoh Jan hingga Sept 2016 dan Jan hingga Sept 2017**

| Kategori | Jan-Sept 2016 (orang) | Jan-Sept 2017 (orang) | % Perubahan |
|---|---|---|---|
| Pemandu / Penumpang Kereta | 920 | 1 113 | 20.98% |
| Penunggang / Pembonceng Motosikal | 2 736 | 2 476 | -9.50% |
| Pemandu / Penumpang Bas | 26 | 64 | 146.15% |
| Pemandu / Kelindan Lori | 174 | 145 | -16.67% |
| Pemandu / Kelindan Van | 73 | 101 | 38.36% |
| Pemandu / Kelindan Pacuan 4 Roda | 73 | 65 | -10.96% |
| Lain-lain | 48 | 59 | 22.92% |

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada *Laporan PDRM*, Dis 2017)

**Malaysia : Peratus Perubahan Kematian Jalan Raya Pelbagai Jenis Kenderaan bagi Tempoh Jan hingga Sept 2006 dan Jan hingga Sept 2007**




(Dipetik dan diubahsuaikan daripada *Laporan PDRM*, Dis 2007)

6. Berdasarkan maklumat dalam petikan di bawah, sediakan carta yang sesuai untuk menunjukkan jumlah pesakit mengikut taburan kes Covid-19 dan negeri terpilih pada 4 Oktober Tahun 2020.

*Carta Pai Bertingkat*

**MALAYSIA: JUMLAH PESAKIT MENGIKUT TABURAN KES COVID-19 DAN NEGERI TERPILIH PADA 4 OKTOBER TAHUN 2020**

| Taburan | Jumlah Pesakit Covid-19 (orang) | | |
|---|---|---|---|
| | Pesakit | Peratus | Sudut |
| Kes sembuh | 10283 | 82.84 | 298.22 |
| Kes sedang dirawat | 1961 | 15.80 | 56.88 |
| Kes rawatan rapi | 32 | 0.26 | 0.93 |
| Kes kematian | 137 | 1.10 | 3.97 |
| Jumlah | 12413 | 100.00 | 360.0 |
| Negeri | Pesakit (orang) | Peratus | Tinggi (cm) |
| Kuala Lumpur | 2694 | 21.70 | 2.17 |
| Selangor | 2378 | 19.16 | 1.92 |
| Sabah | 2387 | 19.23 | 1.92 |
| Negeri Sembilan | 1054 | 8.49 | 0.85 |
| Johor | 785 | 6.32 | 0.63 |
| Sarawak | 717 | 5.78 | 0.58 |
| Kedah | 809 | 6.52 | 0.65 |
| Negeri lain-lain | 1589 | 12.80 | 1.28 |
| Jumlah | 12413 | 100.00 | 10.00 |

**MALAYSIA: JUMLAH PESAKIT MENGIKUT TABURAN KES COVID-19 DAN NEGERI TERPILIH PADA 4 OKTOBER TAHUN 2020**




**Jumlah: 12413 orang**

Skala: 1cm = 10%

Petunjuk:




(Disesuaikan daripada *CPRC Kebangsaan, Kementerian Kesihatan Malaysia, Oktober 2020*)

7. Pembangunan modal insan merupakan intipati penting dalam pembangunan negara. Oleh itu, penambahbaikan sistem pendidikan merupakan salah satu langkah yang telah dijalankan oleh pihak kerajaan untuk merealisasikan matlamat tersebut. Bincangkan. (2+1+2)

| BIL | IDEA | HURAIAN |
|---|---|---|
| 1 | Kepentingan Pembangunan Modal Insan Melahirkan anggota masyarakat yang berdaya saing dan berdaya maju dalam pelbagai bidang | • Tenaga muda merupakan modal insan yang memiliki potensi yang amat bernilai untuk memajukan sektor-sektor penting di Malaysia;<br>• Modal insan yang dinamik, giat dan kental dapat bersaing di peringkat domestik dan global;<br>• Kreativiti dan inovasi modal insan memungkinkan R & D dilaksanakan untuk mencetuskan masyarakat pereka cipta. |
| 2 | masyarakat yang menghayati nilai-nilai rohani | • tidak mudah dihanyut oleh arus globalisasi<br>• menghayati prinsip-prinsip Rukun Negara<br>• berpegang kepada nilai-nilai universal yang luhur<br>• mewujudkan modal insan yang holistik, selain membantu memperkukuh perpaduan negara<br>• keamanan negara dapat diwujudkan, justeru ekonomi negara dapat ditingkatkan |
| 3 | **Idea wajib** Penambahbaikan sistem pendidikan (**Langkah wajib**) | • meningkatkan kemudahan prasarana sekolah seperti makmal komputer, bilik darjah yang kondusif<br>• memperkasa sekolah rendah dan menengah menerusi Pelan Induk Pembangunan Pendidikan<br>• memberi peluang pendidikan percuma melalui pemansuhan yuran peperiksaan, memperluas SPBT serta bantuan pakaian untuk pelajar miskin<br>• mewujudkan Sekolah Kluster untuk melonjakkan kecemerlangan pendidikan negara<br>• mengarusperdanakan pendidikan vokasional dan teknikal |
| 4 | **Langkah lain** Memperbanyak program latihan dan kemahiran | • menambahkan kursus lanjutan dalam bidang teknikal dengan membabitkan penyertaan sektor swasta<br>• PLKN<br>• Program Latihan 1 Malaysia dilaksanakan untuk menambahkan ilmu pengetahuan<br>• melalui peningkatan kemahiran dan mempelajari kemahiran baru<br>• mewujudkan sumber tenaga yang berdaya saing |
| 5 | Membangunkan institusi pendidikan tinggi yang bertaraf antarabangsa | • membina lebih banyak IPT bertaraf antarabangsa dan dilengkapi dengan kemudahan ICT canggih<br>• menyediakan pelbagai projek penyelidikan bagi mengasah kreativiti dan inovasi pelajar/generasi muda ke arah kemajuan<br>• kualiti ahli akademik perlu ditingkatkan merangkumi kepakaran dan komitmen membuat jalinan kerjasama dengan institusi terkemuka peringkat global |

| | | |
|---|---|---|
| 6 | Memupuk masyarakat berakhlak tinggi | • Ibu bapa dan sekolah mempersiapkan anak-anak dengan pengetahuan agama/ moral sejak kecil Kursus-kursus pemantapan rohani anjuran bersama NGO dan pihak kerajaan |
| 7 | Meningkatkan produktiviti pekerja melalui kenaikan gaji dan elaun | • Peluang kenaikan pangkat yang lebih luas menerusi sistem merit<br>• Penambahbaikan gred gaji minimum dan maksimum |

8. Penghasilan pelbagai gajet memberi kesan kepada kehidupan manusia. Bincangkan. (2+3)

| BIL | IDEA | HURAIAN |
|---|---|---|
| 1 | **Kebaikan gajet**<br>Mudah mendapat maklumat | • Maklumat lebih mudah diteroka dengan menggunakan gajet melaluicapaian jalur lebar tanpa batasan waktu.<br>• Penggguna juga boleh menggunakan internet melalui gajet utk mengakses maklumat dengan cepat dan pantas.<br>• Maklumat terkini dapat disebarkan secara menyeluruh kepada setiap lapisan masyarakat. |
| 2 | Memudahkan perhubungan | • Jurang komunikasi antara penduduk luar bandar dan bandar telah dapat dikurangkan.<br>• Syarikat-syarikat komunikasi telah menyediakan capaian tanpa wayar di kawasan luar bandar untuk memudahkan komunikasi. |
| 3 | Memudahkan kegiatan harian | • Segala urusan boleh dilakukan secara atas talian.<br>• Sebagai contohnya pembayaran bil, cukai, & pembelian barang.<br>• Masa dan tenaga dapat dijimatkan. |
| 4 | Meningkatkan pendapatan | • Memudahkan urusan perniagaan dan perkhidmatan secara global.<br>• Perniagaan dan perkhidmatan boleh dilakukan secara sambilan/pendapatan tambahan. |
| 5 | **Keburukan gajet**<br>Penyebaran fitnah/ berita palsu | • Pengguna mengakses internet di lokasi yang lebih luas dan menggalakkan lagi penyebaran fitnah/berita palsu.<br>• Memudahkan maklumat yang berbentuk fitnah/berita palsu disebarkan kepada orang ramai. |
| 6 | Penipuan | • Kebanyakan pengguna mudah tertipu dengan maklumat yang disebarkan melalui gajet.<br>• Pengguna selalu mendapat maklumat palsu yang menyebabkan kerugian.<br>• Interaksi berlaku secara maya/tidak bersemuka. |
| 7 | Kurangnya interaksi sosial | • Pengguna yang taksub dengan gajet menghabiskan banyak masa sendirian.<br>• Kesannya hubungan antara ahli keluarga dan jiran terabai |
| 8 | Gangguan kesihatan | • Penggunaan gajet teralu lama akan menjejaskan kesihatan.<br>• Kesihatan terjejas kerana pengguna tidak beriadah.<br>• Mata akan rosak, sakit tengkuk, sakit kepala dan lemah. |

# SOALAN PEP. PERCUBAAN PAM 2 2021
# SMK PENDING, KUCHING

**Bahagian A [ 15 *markah*]**

Jawab **semua** soalan

1. Nyatakan **empat** kesan sekiranya rakyat Malaysia berpegang teguh kepada prinsip Rukun Negara yang pertama. [ 4 ]

( i ) ……………………………………………………………………………………
( ii ) …………………………………………………………………………………
( iii ) ………………………………………………………………………………
( iv ) ………………………………………………………………………………

2. Jelaskan **dua** Rangka Rancangan Jangka Panjang (RRJP) dalam pembangunan ekonomi negara menjelang tahun 2020. [4]

( i ) ……………………………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………………………………
( ii ) …………………………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………………………………

3. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPP) merupakan pembaharuan yang dilakukan kepada sistem pendidikan negara dari tahun 2013 hingga tahun 2025.
Nyatakan **tiga** ciri aspirasi utama dalam sistem pendidikan negara [3]

( i ) ……………………………………………………………………………………………………………………………
( ii ) …………………………………………………………………………………………………………………………
( iii ) ………………………………………………………………………………………………………………………

4. Jelaskan dua cabaran yang dihadapi oleh sektor pengeluaran dan automasi negara dalam mendepani revolusi industri 4.0. [4]

( i ) ……………………………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………………………………
( ii ) …………………………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………………………………

**Bahagian B [20 *markah*]**

*Jawab* **satu** *soalan sahaja dalam bahagian ini. Jawapan hendaklah dibuat pada kertas graf.*

5. Berdasarkan maklumat yang diberikan dalam petikan di bawah ini, sediakan graf yang sesuai untuk menunjukkan peratusan perubahan penerima bantuan Titipan Kasih mengikut negeri terpilih dari tahun 2014 hingga tahun 2016 di Semenanjung Malaysia.

Program bantuan Titipan Kasih (*Food Basket*) bertujuan untuk mengurangkan beban kewangan isi rumah berpendapatan rendah di bandar melalui pemberian RM80.00 sebulan selama dua tahun. Wang tersebut digunakan untuk membeli barang-barang keperluan harian di kedai-kedai terpilih di seluruh Malaysia.

Pada tahun 2014, penerima bantuan Titipan Kasih di Pahang adalah sebanyak 812 orang. Bilangan ini kurang sebanyak 32 orang daripada penerima bantuan Titipan Kasih di negeri Johor yang merupakan penerima terbesar antara lima negeri yang terlibat pada tahun berkenaan. Titipan Bantuan Kasih di negeri Selangor pula diterima oleh sebanyak 126 orang. Negeri Kelantan menduduki tempat ketiga dengan bilangan penerima bantuan Titipan kasih sebanyak 707 orang. Bilangan terendah penerima bantuan ini datangnya dari negeri Pulau Pinang iaitu sebanyak 81 orang sahaja.

Negeri Kelantan menunjukkan bilangan penerima bantuan Titipan Kasih yang paling besar pada tahun 2015. Bilangan penerima bantuan tersebut di Kelantan pada tahun berkenaan adalah sebanyak 910 orang iaitu melebihi sebanyak 203 orang daripada penerima bantuan tahun sebelumnya. Penerima kedua banyak bantuan Titipan Kasih ditunjukkan oleh negeri Pahang iaitu sebanyak 902 orang. Negeri Johor dan Selangor masing-masing mencatatkan bilangan penerima bantuan sebanyak 641 orang dan 138 orang. Pulau Pinang masih kekal sebagai penerima terendah bantuan ini iaitu sebanyak 83 orang.

Pada tahun 2016, hanya negeri Selangor sahaja menunjukkan peningkatan bilangan penerima bantuan Titipan Kasih iaitu meningkat sebanyak 127 orang berbanding tahun 2015. Keempat-empat negeri lain pula menunjukkan pengurangan bilangan penerima bantuan tersebut. Pengurangan terbesar ditunjukkan oleh negeri Pahang iaitu berkurang sebanyak 568 orang daripada penerima bantuan setahun sebelum itu. Negeri Kelantan mengalami pengurangan yang kedua terbanyak iaitu sebanyak 423 orang kepada 487 orang. Negeri Johor dan Pulau Pinang pula masing-masing berkurang kepada 525 orang dan 50 orang.

*(Disesuaikan daripada Buku Perangkaan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan,, 2016)*

6. Berdasarkan maklumat yang diberikan dalam petikan di bawah ini, sediakan carta yang sesuai untuk menunjukkan perbandingan bilangan kenderaan bermotor yang didaftar bagi tempoh yang dinyatakan.

Masalah kesesakan jalan raya menjadi isu yang penting kepada pihak kerajaan tempatan dan Jabatan Pengangkutan Jalan untuk mengatasinya. Dalam hal ini, bilangan kenderaan di jalan raya yang semakin meningkat juga menjadi satu daripada punca kesesakan jalan raya.

Jumlah keseluruhan kenderaan bermotor yang didaftar pada tahun 2019 ialah sebanyak 18 816 782 unit, manakala dijangka pada tahun 2020 jumlah kenderaan bermotor yang didaftar menurun kepada 17 107 704 unit. Jumlah kenderaan bermotor pada amnya dijangka lebih rendah pada tahun 2020 berbanding dengan tahun 2019. Keadaan ini berkemungkinan disebabkan oleh langkah kerajaan yang menggalakkan orang ramai menggunakan pengangkutan awam.

Pada tahun 2019, bilangan motokar yang didaftar ialah sebanyak 8 406 080 unit. Jumlah ini dijangka berkurangan sebanyak 3 391 160 unit pada tahun berikutnya. Ramai orang terutamanya golongan yang berumur 30-an pula menggunakan teksi dan kereta sewa untuk sampai ke destinasi. Sebanyak 495 728 unit teksi dan kereta sewa telah didaftarkan pada tahun 2019. Pada tahun berikutnya, dijangka lebih ramai orang mula menggunakan teksi dan kereta sewa kerana kadar bayaran perjalanan menjadi rendah. Ia dijangka berkurang sebanyak 34% untuk pergi ke destinasi masing-masing. Natijahnya, lebih banyak teksi dan kereta sewa didaftar untuk digunakan dan berlaku peningkatan sebanyak 17 233 unit menjadi 512 961 unit.

Bilangan bas yang didaftarkan pada jangkaan tahun 2020 berkurangan sebanyak 17 432 unit berbanding dengan bilangan bas yang didaftarkan pada tahun sebelumnya. Bilangan bas yang didaftarkan pada tahun 2019 ialah sebanyak 166 581 unit. Kenderaan bermotor seperti motosikal juga telah didaftar sebanyak 8 540 230 unit pada tahun 2019. Jumlah ini lebih tinggi berbanding dengan jumlah yang didaftarkan untuk motokar, iaitu sebanyak 134 150 unit pada tahun yang sama. Pada jangkaan tahun 2020, bilangan motosikal yang didaftar ialah sebanyak 10 041 907 unit.

Bilangan kenderaan barang yang didaftarkan pada tahun 2019 pula ialah sebanyak 736 222 unit. Jumlah ini bertambah akibat perkembangan ekonomi di bawah Model Baru Ekonomi (MBE). Pada jangkaan tahun 2020, jumlah kenderaan bermotor seperti kenderaan barang yang didaftarkan ialah sebanyak 966 177 unit. Kenderaan lain yang didaftarkan pada tahun 2019 ialah sebanyak 471 941 unit dan bilangan ini dijangka berkurangan menjadi 422 590 unit pada tahun berikutnya.

Penggunaan kenderaan bermotor di negara ini telah bertambah dari setahun ke setahun. Pertambahan ini menunjukkan betapa pentingnya pengangkutan pada hari ini dalam kalangan penduduk dari pelbagai peringkat usia dan pekerjaan.

(Disesuaikan daripada Buku Tahunan Perangkaan Malaysia 2020,
Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia)

**Bahagian C [ 25 markah ]**

Pilih **satu** daripada tajuk di bawah ini dan tulis karangan yang panjangnya antara **300** hingga **350** patah perkataan.

Arahan khas: Cuma **lima** idea pertama sahaja dipertimbangkan.

7. Krisis ekonomi dunia menyebabkan penurunan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) serta pengeluaran industri dan pelaburan. Bincangkan bidang utama dalam Program Transformasi Ekonomi (NKEA) yang menyumbang secara langsung kepada pertumbuhan ekonomi negara.

8. Belakangan ini, masalah rakyat gagal memiliki rumah semakin meningkat. Kerajaan harus melaksanakan langkah-langkah untuk mengurangkan masalah tersebut. Bincangkan.

# SKEMA PEP. PERCUBAAN PAM 2 2021
# SMK PENDING, KUCHING

BAHAGIAN A (15markah)

1. Nyatakan **empat** kesan sekiranya rakyat Malaysia berpegang teguh kepada prinsip Rukun Negara yang pertama. [4]

- "Kepercayaan Kepada Tuhan"

i. Wujudnya perpaduan
ii. Masalah sosial berkurang
iii. Jenayah berkurang
iv. Ekonomi akan berkembang/ meningkat
v. Wujudnya masyarakat bermoral/ beretika/ berdisiplin/ berakhlak
vi. Wujudnya negara yang aman/ harmoni
vii. Jati diri/ keperibadian meningkat

**Pilih mana-mana 4 idea**

2. Jelaskan **dua** Rangka Rancangan Jangka Panjang (RRJP) dalam pembangunan ekonomi negara menjelang tahun 2020. [4]

| BIL | IDEA | HURAIAN |
|---|---|---|
| 1 | Dasar Ekonomi Baru(DEB) 1971-1990 | • Serampang 2 mata :<br>• Membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat<br>• Membuka lebih banyak penempatan berkelompok (FELDA, FELCRA) |
| 2 | Dasar Pembangunan Nasional (DPN) 1991-2000 | • Tumpuan khas kepada keluarga termiskin menerusi Program Pembasmian Rakyat Termiskin (PPRT). pencapaian pembangunan yang seimbang antara sektor utama ekonomi dan wilayah serta mengurangkan jurang sosioekonomi antara masyarakat |
| 3 | Dasar Wawasan Negara(DWN) 2001-2010 | • Pembangunan berasaskan pengetahuan Strategi<br>• Menjadikan sektor pertanian, pembuatan dan perkhidmatan lebih dinamik dengan kepakaran ilmu pengetahuan<br>• Menumpukan kepada pembinaan keutuhan dan daya saing negara |
| 4 | Dasar Transformasi Negara (DTN) 2011 - 2020 | • mengekalkan tumpuan berpaksikan rakyat melalui Model Baru Ekonomi yang menetapkan matlamat untuk ekonomi berpendapatan tinggi, inklusif dan mampan |

3. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPP) merupakan pembaharuan yang dilakukan kepada sistem pendidikan negara dari tahun 2013 hingga tahun 2025. Nyatakan **tiga** ciri aspirasi utama dalam sistem pendidikan negara [3]

i. Akses
ii. Kualiti
iii. Ekuiti
iv. Perpaduan
v. Kecekapan

**Pilih mana-mana 3 idea**

4. Jelaskan dua cabaran yang dihadapi oleh sektor pengeluaran dan automasi negara dalam mendepani revolusi industri 4.0. [4]

| Bil | Idea | Huraian |
|---|---|---|
| 1 | Sumber manusia / tenaga kerja berkemahiran tinggi | • Melahirkan tenaga kerja mahir memerlukan kos yang tinggi dan masa yang panjang kerana mereka tidak memiliki kemahiran asas digital. |
| 2 | Kesukaran penyelarasan organisasi @ Tuntut komitmen organisasi | • Peningkatan tahap kecekapan dan pengurangan kos organisasi .<br>• Perkembangan pesat teknologi baharu akan mempengaruhi tahap pengurusan sesebuah organisasi termasuk sumber manusia, sistem produksi syarikat dan rantaian pembekalan |
| 3 | Ancaman keselamatan siber | • Pengenalan internet yang mengintegrasikan sistem fizikal dan siber akan mewujudkan ancaman penggodaman dan jenayah siber yang membawa kepada risiko keselamatan. |
| 4 | Penggunaan Teknologi Moden | • Penggunaan teknologi yang canggih dan moden memerlukan kos yang tinggi untuk membeli mesin dan jentera serta kos untuk penyelenggaraan |
| 5 | Inovasi dalam pendidikan | • Kelestarian akademik di negara ini perlu ditambah baik dengan menyerapkan elemen digitalisasi dalam pembelajaran. |

5. Berdasarkan maklumat yang diberikan dalam petikan di bawah ini, sediakan graf yang sesuai untuk menunjukkan peratusan perubahan penerima bantuan Titipan Kasih mengikut negeri terpilih dari tahun 2014 hingga tahun 2016 di Semenanjung Malaysia.

**Media : Graf Bar Memesong.**

SEMENANJUNG MALAYSIA: PERATUSAN PERUBAHAN PENERIMA BANTUAN TITIPAN KASIH MENGIKUT NEGERI TERPILIH DARI TAHUN 2014 HINGGA TAHUN 2016

| Tahun / Negeri | PENERIMA BANTUAN TITIPAN KASIH orang | | | PERATUSAN PERUBAHAN (%) | |
|---|---|---|---|---|---|
| | 2014 | 2015 | 2016 | 2014-2015 | 2015-2016 |
| Pahang | 812 | 902 | 334 | 11.08 | -62.97 |
| Johor | 844 | 641 | 525 | -24.05 | -18.10 |
| Selangor | 126 | 138 | 265 | 9.52 | 92.03 |
| Kelantan | 707 | 910 | 487 | 28.71 | -46.48 |
| Pulau Pinang | 81 | 83 | 50 | 2.47 | -39.76 |

(Disesuaikan daripada Buku Perangkaan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, 2016)



## Graf

*Jika kertas graf ini digunakan untuk menjawab sesuatu soalan, kertas graf ini mestilah diikat dan diserahkan bersama dengan kertas jawapan anda.*

No. Kad Pengenalan: ...................................................... No. Pusat/Angka Giliran: ..................................................



6. Berdasarkan maklumat yang diberikan dalam petikan di bawah ini, sediakan carta yang sesuai untuk menunjukkan perbandingan bilangan kenderaan bermotor yang didaftar bagi tempoh yang dinyatakan.

Media : Carta Pai Bandingan

| Tahun / Jenis Kenderaan Bermotor | Perbandingan bilangan kenderaan bermotor yang didaftar | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | 2019 | | | Jangkaan 2020 | | |
| | unit | % | sudut | unit | % | sudut |
| 1. Motokar | 8,406,080 | 44.67 | 160.82 | 5,014,920 | 29.31 | 105.53 |
| 2. Teksi dan Kereta Sewa | 495,728 | 2.63 | 9.48 | 512,961 | 3.00 | 10.79 |
| 3. Bas | 166,581 | 0.89 | 3.19 | 149,149 | 0.87 | 3.14 |
| 4. Motosikal | 8,540,230 | 45.39 | 163.39 | 10,041,907 | 58.70 | 211.31 |
| 5. Kenderaan barang | 736,222 | 3.91 | 14.09 | 966,177 | 5.65 | 20.33 |
| 6. Kenderaan lain | 471,941 | 2.51 | 9.03 | 422,590 | 2.47 | 8.89 |
| Jumlah | 18,816,782 | 100 | 360 | 17,107,704 | 100 | 360 |

Nisbah jejari = 1: 0.95 maka 4cm / 3.8cm

(Disesuaikan daripada Buku Tahunan Perangkaan Malaysia 2020, Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia)

MALAYSIA: PERBANDINGAN BILANGAN KENDERAAN BERMOTOR YANG DIDAFTAR BAGI TEMPOH TAHUN 2019 DAN JANGKAAN TAHUN 2020







(Disesuaikan daripada Buku Tahunan Perangkaan Malaysia 2020, Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia)


MALAYSIA : PERBANDINGAN BILANGAN KENDERAAN BERMOTOR YANG DIDAFTAR BAGI TEMPOH TAHUN 2019 DAN JANGKAAN TAHUN 2020
Tahun 2019
3.91%
2.51%
45.39%
44.67%
0.89%
2.63%
JUMLAH : 18 816 782 unit
Nisbah Jejari = 1 : 0.95
Jangkaan Tahun 2020
2.47%
5.65%
58.70%
29.31%
3.00%
0.87%
JUMLAH : 17 107 704 unit
Petunjuk
Motokar
Teksi dan kereta sewa
Bas
Motosikal
Kenderaan Barang
Kenderaan Lain
Disesuaikan daripada Buku Tahunan Perangkaan Malaysia 2020, Putrajaya, Jabatan Perangkaan Malaysia
STPM 2020 - 900/2(U2)
SULIT*
No. Kad Pengenalan: .................... No. Pusat/Angka Giliran: ....................
Jika kertas graf ini digunakan untuk menjawab sesuatu soalan, kertas graf ini mestilah diikat dan diserahkan bersama dengan kertas jawapan anda.
Graf

**7.** Krisis ekonomi dunia menyebabkan penurunan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) serta pengeluaran industri dan pelaburan. Bincangkan bidang utama dalam Program Transformasi Ekonomi (NKEA) yang menyumbang secara langsung kepada pertumbuhan ekonomi negara.

| BIL | IDEA | HURAIAN |
|---|---|---|
| 1 | Minyak, gas dan tenaga | • Malaysia mempunyai potensi untuk membangunkan sumber tenaga alternatif seperti nuklear, solar, dan hidro bagi mengatasi penyusutan dalam pengeluaran gas asli domestic<br>• Berjaya menarik pelaburan yang tinggi antaranya daripada Saudi Aramco, syarikat gergasi minyak |
| 2 | Minyak sawit | • Malaysia perlu meningkatkan produktiviti huluan sambal mengguna sepenuh potensi serta peluang hiliran sedia ada bagi mengekalkan pertumbuhan mampan dalam sektor tersebut.<br>• Industri Minyak sawit adalah komoditi keluaran tempatan sebagai bidang ekonomi yang perlu transformasi merangkumi keseluruhan rantaian nilai dari aktiviti perladangan sehingga produk siap.<br>• Meningkatkan pendapatan pekebun kecil kelapa sawit, meningkatkan produktiviti tenaga buruh tempatan dan menguasai permintaan minyak sawit global yang semakin meningkat, |
| 3 | Perkhidmatan kewangan | • Kerajaan menyasar untuk mengembangkan sektor perkhidmatan kewangan Malaysia untuk memenuhi keperluan perniagaan dan pengguna dalam ekonomi berpendapatan tinggi.<br>• Malaysia menguasai 30 peratus daripada jumlah nilai pasaran global aset syariah dan juga adalah peneraju terbitan sukuk (sijil/bon kewangan) di peringkat antarabangsa. |
| 4 | Pelancongan | • *Pelancongan ialah industri kelima terbesar negara. Bagi meningkatkan sektor tersebut, sektor pelancongan perlu membangun dan menaikkan penawaran dan perkhidmatan serta mempertingkatkan saling hubungan ke pasaran utama<br>• Pelancongan merujuk kepada pelancongan libur(percutian) dan pelancongan perniagaan yang merangkumi sub-sektor: -Penginapan, membeli belah, produk pelancongan, makanan dan minuman, pengangkutan dalam negeri dan pengangkutan domestik.<br>• Sektor pelancongan terus mencapai sasaran susulan pelancaran kemudahan e-Visa bagi pelancong dari 10 negara, antaranya China, India dan Bhutan. |

| | | |
|---|---|---|
| | | • Usaha Malaysia untuk memantapkan tawaran dan tarikan pelancongan, lantas menjadikan negara ini salah satu daripada 17 destinasi yang mesti dilawati |
| 5 | Perkhidmatan perniagaan | • Kerajaan berharap akan menghampiri tanda aras pasaran maju seperti United Kingdom iaitu sektor perkhidmatan perniagaan menyumbang lebih kurang 20% kepada KDNK dan pekerjaan serta 14% kepada eksport.<br>• Peningkatan pelaburan dan mewujudkan peluang pekerjaan dalam bidang pembuatan dan pembaikan kapal, kejuruteraan reka cipta, pusat maklumat serta pusat perkhidmatan global. |
| 6 | Elektrik dan elektronik | • Kerajaan menyasar untuk memperkukuh keupayaan sector elektrik dan elektronik Malaysia<br>• Meningkatkan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi. |
| 7 | Pemborongan dan peruncitan | • Sektor pemborongan dan peruncitan Malaysia akan menjadi pemacu utama penggunaan domestik yang seterusnya akan menerajui pertumbuhan ekonomi<br>• Memodenkan dan merevolusikan sektor ini berjaya meningkatkan tahap kepercayaan pengguna |
| 8 | Pendidikan | • Dianggap sebagai enjin pertumbuhan dan akan menjadi perniagaan yang besar<br>• Memberi impak yang nyata dan mampan pada PNK<br>• Berjaya mengekalkan daya tarikannya sebagai destinasi pendidikan bertaraf dunia dengan peningkatan jumlah pelajar dalam institusi pengajian tinggi<br>• Kehadiran jenama pendidikan bertaraf dunia di Malaysia, serta tawaran pelbagai jurusan dan disiplin yang berjaya menarik lebih ramai pelajar antarabangsa untuk meneruskan pendidikan di Malaysia.<br>• Sektor Pendidikan swasta sebagai pemangkin untukmentransformasi industri Pendidikan. |
| 9 | Penjagaan kesihatan | • Menjadi enjin pertumbuhan ekonomi yang penting.<br>• Bertambahnya penyakit gaya hidup seperti tekanan darah tinggi, penyakit kardiovaskular dan kencing manis |
| 10 | Kandungan komunikasi dan infrastruktur | • Menyasar untuk mendorong pertumbuhan tinggi dalam komunikasi dan membolehkan anjakan paradigma daripada infrastruktur kepada aplikasi dan kandungan |
| 11 | Pertanian | • Peranan penting dalam pembangunan ekonomi Malaysia<br>-Menyediakan pekerjaan di luar bandar<br>-Meningkatkan pendapatan luar bandar<br>-Memastikan pengeluaran makanan negara terjamin<br>• Memberi fokus kepada sub-sektor yang mempunyai potensi pertumbuhan untuk membantu Malaysia menyertai pasaran global yang semakin berkembang |

| | | |
|---|---|---|
| | | iaitu akuakultur, pertanian rumpai laut, sarang burung walit, produk herba, buah-buahan dan sayur-sayuran. Padi dan ternakan haiwan turut dipilih. |
| 12 | Greater KL / Lembah Klang | • Wawasan NKEA Greater KL / Klang Valley menjadi sebuah bandar raya yang mencapai kedudukan 20 tempat teratas dalam pertumbuhan ekonomi bandar raya serta menjadi antara 20 bandar raya global paling sesuai didiami.<br>• Kuala Lumpur buat masa ini mewakili kira-kira satu pertiga daripada KDNK Malaysia. Kawasan bandar raya adalah pemacu pertumbuhan penting, dan Kuala Lumpur yang pesat membangun sangat penting kepada kekuatan dan prestasi keseluruhan ekonomi. |

**Mana-mana 5 bidang utama**

**8.** Belakangan ini, masalah rakyat gagal memiliki rumah semakin meningkat. Kerajaan harus melaksanakan langkah-langkah untuk mengurangkan masalah tersebut. Bincangkan.

Pengenalan: Rumah dianggap penting dalam kehidupan seseorang. Menurut kajian pembelian rumah merupakan pembelian terpenting dalam hidup seseorang. Sebab kegagalan memiliki rumah semakin meningkat:

| Idea | Huraian |
|---|---|
| Harga rumah terlalu tinggi / mahal | • kekurangan bahan mentah disebabkan oleh kenaikan mendadak industry pembinaan ini.<br>• Persaingan dengan sektor komersial dan industri yang lain untuk merebut bahan binaan yang terhad. Selain itu, polisi untuk mengehadkan<br>• kemasukan bahan binaan penting yang diimport untuk menjaga industri tempatan telah |
| 2 Permintaan rumah melebihi penawaran | • Penawaran rumah kos rendah tidak pernah mencukupi semenjak dari Rancangan Malaysia Kedua lagi.<br>• Pembinaan rumah kos endah adalah tidak memuaskan berpunca dari kekurangan kapasiti, proses terkawal dalam mencari tanah yang bersesuaian dan penangguhan dalam menyediakan infrastruktur penggenap.<br>• Kekurangan tanah yang sesuai dan penawaran rumah murah yang terhad juga menyebabkan sektor setinggan mula bertambah. |
| 3 Projek Rumah terbengkalai | • Pemaju tidak menyiapkan rumah dalam masa yang ditetapkan<br>• Tiada modal<br>• Rumah baru bina rosak<br>• Pemaju hanya baiki secara minimum<br>• Pemaju menggunakan bahan yang tidak berkualiti |

| | |
|---|---|
| 4 Syarat Pinjaman yang ketat / kompleks | • Bank mengenakan syarat yang ketat bagi pinjaman perumahan<br>• Cagaran perlu disediakan oleh pembeli rumah<br>• Penjamin |
| 5 Kenaikan harga bahan binaan | • kekurangan bahan mentah disebabkan oleh kenaikan mendadak sector pembinaan ini.<br>• Persaingan dengan sektor komersial dan sektor yang lain untuk merebut bahan binaan yang terhad. Selain itu, polisi untuk mengehadkan kemasukan bahan binaan penting yang diimport untuk menjaga sektor tempatan telah menyebabkan harga bahan mentah untuk meningkat menjadi semakin tinggi. |
| 6.Kekurangan tanah | • Pembangunan telah menyebabkan penumpuan demografi yang tinggi berlaku, terutamanya di sektor yang paling membangun seperti Kuala Lumpur.<br>• Persaingan guna tanah untuk pembangunan / projek komersial / perdagangan/ perindustrian / pertanian berbanding perumahan.<br>• Harga tanah yang tinggi adalah masalah paling utama yang dihadapi oleh sektor swasta dan awam dalam pembinaan atau penyediaan rumah kos rendah |
| 7 Masalah kelewatan mendapatkan Sijil Kelayakan Menduduki (CF) | • pembeli yang terpaksa menunggu bertahun-tahun lamanya untuk menduduki rumah yang telah dibeli hanya kerana rumah tersebut tidak lulus sijil tersebut.<br>• Pemaju enggan menyerahkan kunci kepada pembeli sehinggalah mereka menjelaskan bayaran wang faedah di atas kelewatan pembayaran yang dilakukan oleh institusi kewangan kepada pemaju. |
| 8. Sikap pemaju mementingkan keuntungan | • Sikap pemaju perumahan yang berpaksikan keuntungan sering memanipulasikan harga tanah dan bahan binaan bagi mengenakan harga rumah y ang tinggi<br>• Pemaju juga cenderung membina projek perumahan mewah demi mengejar keuntungan yang banyak dan cepat. |
| Langkah untuk mengurangkan masalah perumahan | |
| 9. Memperkasakan penguatkuasaan undang-undang | • Akta...perumahan dan kerajaan tempatan<br>• Denda dan hukuman terhadap pemaju yang gagal menyiapkan projek perumahan |
| 10. Memberi kelonggaran membuat pinjaman | • Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank) memberi kelonggaran syarat pinjaman bagi generasi baharu Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) untuk memiliki rumah menerusi Skim Perumahan Generasi Baharu FELDA (PGBF). kadar faedah rendah.<br>• Mengintegrasi pangkalan data bersepadu untuk permohonan perumahan awam yang membolehkan pengesahan kadar keperluan dan kelayakan, contohnya |

| | |
|---|---|
| | pangkalan data LHDN, E-Kasih, agensi perumahan negeri (Kemudahan data untuk pinjaman)<br>• Jika wujud kesukaran maka pembeli boleh menghubungi Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) |
| 11. Menubuhkan Tribunal Perumahan | • Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Tribunal Pengurusan Strata Peneraju dalam penyelesaian pertikaian tuntutan pembeli rumah dan pengurusan strata<br>• Menyelesaikan pertikaian dan mengadili tuntutan pembeli rumah dan pengurusan strata secara berintegriti, kos efektif dan dalam tempoh yang singkat |
| 12. Membina lebih banyak rumah mampu milik | • Untuk meningkatkan penawaran perumahan mampu milik, Kerajaan Persekutuan dan Negeri telah menubuhkan pelbagai agensi dan memperkenalkan program khusus untuk membolehkan golongan M40 ini memiliki rumah.<br>• Di peringkat persekutuan antaranya dengan mewujudkan Perbadanan Perumahan 1Malaysia atau PR1MA, Rumah Wilayah Persekutuan (RUMAWIP) di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan, Rumah Mesra Rakyat (RMR) oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM) di bawah Jabatan Perumahan Negara (JPN), KPKT.<br>• Di peringkat negeri termasuklah penyediaan dasar rumah mampu milik seperti Rumah Selangorku (Selangor), Rumah Mampu Milik Johor (Johor) dan PR1MA Pahang (Pahang). |
| 13. Kawalan harga oleh pihak kerajaan | • Tumpuan perumahan mampu milik ini adalah golongan M40 iaitu mereka yang berpendapatan antara RM2,500 hingga RM7,500 sebulan. - Harga yang ditawarkan kepada pembeli golongan ini adalah dalam lingkungan RM100,000 hingga RM300,000 seunit. |
| 14. Kerjasama dengan pemaju perumahan | • Produktiviti sektor perumahan juga boleh dipertingkatkan menerusi peralihan kaedah penyampaian perumahan dari sistem Jual kemudian Bina (Sell then Build) sedia ada, kepada Bina kemudian Jual (Build then Sell). Penggunaan sistem Bina kemudian Jual menggalakkan peralihan kepada teknologi pembinaan moden, dan juga pengukuhan ekosistem sokongan seperti Sistem Perolehan Bersepadu |
| 15. Melaksanakan dasar perumahan | • Dasar Perumahan Negara 2018-2025<br>• Pelaksanaan di bawah pemantauan Kementerian Perumahan dn Kerajaan Tempatan |

| | |
|---|---|
| | • Memastikan perumahan yang berkualiti untuk semua, menambah baik aksesibiliti dan tahap kemampuan memiliki rumah, memastikan kejiranan yang berkualiti dan kohesif, menambah baik koordinasi antara pembangunan perumahan dan pengangkutan untuk kualiti yang lebih baik<br>• Skim Rumah Pertamaku diperkenalkan. Pembiayaan 100% drp institusi kewangan tanpa bayaran pendahuluan 10%. |

Kesimpulan: Semua pihak perlu berusaha untuk merealisasikan impian untuk melihat setiap rakyat Malaysia mempunyai sekurang-kurangnya sebuah rumah sendiri kerana pemilikan rumah merupakan antara faktor penting untuk meningkatkan kesejahteraan individu dan masyarakat keseluruhannya.

Mana-mana 3:2 @2:3 idea

# SOALAN PEP. PERCUBAAN PAM 2 2021
# SMKST

**Bahagian A** [*15 markah*]

*Jawab* **semua** *soalan.*

1. Berikan tiga sebab Malaysia ingin menjadi sebuah negara maju. [3m]

   a) ……………………………………………………..……………………………………
   b) ……………………………………………………………………………………………
   c) …………………………………………………………………………………………..

2. Huraikan **dua** kesan ketidakstabilan politik terhadap pembangunan negara. [4m]

   a) ……………………………………………………..……………………………………
   …………………………………………………………………………………………..
   b) …………………………………………………………………………………………
   …………………………………………………………………………………………

3. Senaraikan **empat** dasar awam yang memupuk perpaduan negara. [4m]

   a) ………………………………………………..…………………………………………
   b) ………………………………………………………………………………………
   c) …………………………………………………………………………………………
   d) ……………………………………………………………………………….………

4. Nyatakan **empat** prinsip Dasar Alam Sekitar Negara dalam usaha memupuk pertumbuhan ekonomi dan melindungi alam sekitar. [4m]

   a) ………………………………………………………..…………………….…………
   b) …………………………………………………………………………………………
   c) ………………………………………………………………………………………...
   d) ………………………………………………………………………………..……

**Bahagian B** [20 markah]

*Jawab **satu** soalan sahaja dalam bahagian ini. Jawapan hendaklah dibuat pada kertas graf.*

5. Berdasarkan maklumat yang diberikan dalam petikan di bawah ini, sediakan ***graf*** yang sesuai untuk menunjukkan kadar pertumbuhan ekonomi di pelbagai sektor pada tahun-tahun yang dinyatakan di Malaysia.

Pada tahun 2020, semua sektor ekonomi dijangka masih mencatat pertumbuhan positif walaupun dilanda pandemik COVID-19 yang pasti akan menjejaskan perkembangan ekonomi negara kita.

Memandangkan ekonomi Malaysia masih disokong oleh perbelanjaan sektor swasta yang kukuh, nilai ditambah sektor perkhidmatan yang diterajui oleh sektor kecil pengangkutan, penyimpanan, dan perhubungan serta sektor kecil kewangan, insurans, hartanah, dan perkhidmatan perniagaan dijangka mencatatkan pertumbuhan mapan sebanyak 5.2% berbanding dengan tahun 2019, iaitu 6.1%.

Pertumbuhan sektor perkilangan dijangka mencatat pertumbuhan yang menggalakkan iaitu kepada 4.5 % pada tahun 2020 berbanding dengan 4.3% pada tahun 2019. Meskipun terdapat kebimbangan bahawa pertumbuhan industri berorientasikan eksport mungkin berkurang berikutan pandemik COVID-19 yang menyerang kebanyakan negara di dunia ini, pengeluaran industri berorientasikan eksport Malaysia dijangka masih mampu berkembang pada kadar 12.3%. Di samping itu, sebahagian daripada pelaburan baru dan pengembangan kapasiti di sektor elektronik yang dijangka mula beroperasi pada tahun 2020 akan merangsang pengeluaran industri berorientasikan dalam negeri dengan peningkatan sebanyak 11.7%.

Pertumbuhan sektor pembinaan mencatatkan sedikit peningkatan, iaitu sebanyak 0.5% pada tahun 2019 berikutan prestasi yang lebih baik dalam subsektor kediaman dan kegiatan pertukangan khas. Meskipun subsektor kediaman mencatatkan penguncupan yang lebih kecil, aktiviti dalam subsektor ini masih lagi lemah memandangkan terdapat banyak harta tanah yang masih tidak terjual. Namun, kadar pertumbuhan sektor ini dijangka merosot kepada 0.2% pada tahun berikutnya.

Satu lagi sektor ekonomi yang diramal berkembang ialah sektor perlombongan yang dijangka mencatat pertumbuhan 2.0% pada tahun 2020. Sektor ini telah kembali pulih dan mencatatkan pertumbuhan positif sebanyak 2.9% pada tahun 2019. Hal ini disebabkan oleh permintaan terhadap gas asli yang meningkat menyebabkan pengeluaran gas asli bertambah.

Pertumbuhan sektor pertanian menjadi sederhana kepada 4.2% pada tahun 2019 berikutan kegiatan perikanan dan perhutanan yang merosot dan juga pengeluaran getah asli yang lebih rendah akibat musim daun luruh. Sektor ini diramalkan terus berkembang pada tahun 2020 sehingga mencatat 4.5% walaupun terkesan daripada pandemik COVID-19.

(Disesuaikan daripada Laporan Jabatan Perangkaan
Malaysia 2019 dan Berita Harian 1 Mac 2020)

6. Berdasarkan maklumat yang diberikan dalam petikan di bawah ini, sediakan ***carta*** yang sesuai untuk menunjukkan peruntukan perbelanjaan Kumpulan Wang COVID-19 mengikut pakej dan program bagi anggaran tahun 2021.

Penularan wabak COVID-19 yang semakin serius menyebabkan kebanyakan negara melaksanakan pelbagai langkah dan strategi dalam menangani krisis ini. Seperti kebanyakan negara lain, Kerajaan Malaysia dengan pantas telah melaksanakan dasar pengembangan fiskal melalui pelaksanaan beberapa pakej rangsangan dan rancangan pemulihan ekonomi jangka masa pendek. Kumpulan Wang COVID-19 ditubuhkan antara untuk pelaksanaan program dan projek di bawah pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi.

Pada tahun 2021, dijangkakan peruntukan suntikan fiskal Kerajaan bernilai RM45 bilion akan disalurkan kepada Kumpulan Wang COVID-19 untuk menangani krisis ini. Beberapa pakej ekonomi telah dirangka untuk meransang dan memulihkan ekonomi negara yang agak lembab akibat pandemik tersebut. Sebanyak RM3.2 bilion akan diperuntukkan untuk Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE). Selain itu, Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) menerima peruntukan yang paling besar iaitu mengatasi Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) sebanyak RM11.8 bilion. Manakala Langkah Tambahan Bagi Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN PKS+) dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) menerima peruntukan yang sama banyak, iaitu RM10 bilion.

Pelbagai program telah dirangka dan dilaksanakan untuk memulihkan ekonomi negara yang terkesan akibat pandemik yang menyerang semua negara di dunia. Daripada jumlah peruntukan, sebanyak RM16.8 bilion diperuntukkan untuk Program Subsidi Upah. Program ini bertujuan untuk mempromosikan pengekalan dan mengurangkan pemberhentian pekerja serta menggalakkan pengambilan pekerja. Sejumlah RM11.2 bilion disediakan untuk Bantuan Prihatin Nasional bagi meringankan beban rakyat terutama golongan berpendapatan rendah. Sebanyak RM4 bilion telah diperuntukkan kepada projek berskala kecil untuk memacu aktiviti ekonomi manakala RM1.6 bilion disalurkan untuk perkhidmatan penjagaan kesihatan. Peruntukan ini termasuk pembelian peralatan perubatan serta elaun khas kepada petugas barisan hadapan. Manakala bakinya telah diperuntukkan bagi program-program lain termasuk program jaminan bekalan makanan; bantuan tunai, subsidi dan insentif; serta pinjaman untuk PKS dan perniagaan.

Pandemik COVID-19 telah memberi kesan ketara kepada dasar fiskal Kerajaan terutamanya hasil dan perbelanjaan Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan komited untuk mengurangkan ketirisan perbelanjaan serta meningkatkan kecekapan dan keberkesanan perbelanjaan demi mendepani kebiasaan baharu pasca COVID-19.

(Disesuaikan daripada Tinjauan Fiskal 2021,
Kementerian Kewangan Malaysia)

**Bahagian C** [*25 markah*]

*Pilih* **satu** *daripada tajuk di bawah ini dan tulis karangan yang panjangnya antara 300 hingga 350 patah perkataan.* Calon hendaklah mengemukakan lima isi atau idea sahaja bagi karangan yang dihasilkan.

7. Pandemik Covid-19 yang melanda Malaysia dan negara-negara lain di dunia telah menyebabkan kesukaran kepada penduduk setempat. Jelaskan.

8. Cabaran ketujuh dalam Wawasan 2020 ialah mewujudkan masyarakat penyayang. Oleh itu, pelbagai pihak perlu memainkan peranan bagi merealisasikan hasrat tersebut. Bincangkan.

# SKEMA PEP. PERCUBAAN PAM 2 2021
# SMKST

**Bahagian A** [*15 markah*]

*Jawab* **semua** *soalan.*

1. Berikan **tiga** sebab Malaysia ingin menjadi sebuah negara maju. [3m]

| Bil | Idea |
|---|---|
| 1 | Dapat meningkatkan taraf hidup rakyat |
| 2 | Dapat meningkatkan pendapatan per kapita |
| 3 | Dapat meningkatkan taraf kesihatan penduduk |
| 4 | Dapat meningkatkan imej negara |
| 5 | Dapat meningkatkan penggunaan teknologi moden |
| 6 | Dapat melahirkan penduduk yang bernilai moral tinggi/akhlak/nilai jati diri tinggi |
| 7 | Dapat meningkatkan hubungan diplomatik |
| 8 | Dapat memajukan ekonomi negara |
| 9 | Dapat meningkatkan taraf pendidikan penduduk |

2. Huraikan **dua** kesan ketidakstabilan politik terhadap pembangunan negara. [4m]

| Bil | IDEA | HURAIAN |
|---|---|---|
| 1 | Keyakinan pelabur asing terjejas | • Pelabur tidak berminat untuk melabur |
| 2 | Kemasukan pelancung asing berkurang | • Kedatangan pelancong merosot |
| 3 | Kesejahteraan hidup rakyat terjejas | • Mencetuskan suasana huru-hara dan kemusnahan harta benda awam serta penduduk |
| 4 | Ekonomi negara tergugat | • Kegiatan ekonomi akan tergendala dan terhenti |
| 5 | Imej negara terjejas | • Imej Negara dipandang rendah oleh pihak luar<br>• Hubungan kerajaan dengan Negara luar terjejas |
| 6 | Pembangunan negara terjejas | • Aktiviti pembangunan yang dirancang akan terganggu dan tidak lancar<br>• Pembinaan prasarana semakin berkurang, manakala keadaan prasarana yang sedia ada pula dibiarkan begitu sahaja |
| 7 | Perpecahan masyarakat | • Membuka ruang permusuhan, pergaduhan dan kebencian sesama kaum dan rakyat akan hidup dalam keadaan tidak selamat |

3. Senaraikan **empat** dasar awam yang memupuk perpaduan negara. [4m]

| Bil | Idea |
|---|---|
| 1 | Dasar Ekonomi Baru |
| 2 | Dasar Pembangunan Nasional |
| 3 | Dasar Wawasan Negara |
| 4 | Dasar Kebudayaan Kebangsaan |
| 5 | Dasar Pendidikan Negara |

| | |
|---|---|
| 6 | Dasar Sukan Negara |
| 7 | Dasar Integrasi Nasional |

4. Nyatakan empat prinsip Dasar Alam Sekitar Negara dalam usaha memupuk pertumbuhan ekonomi dan melindungi alam sekitar. [4]

| **Bil** | **Idea** |
|---|---|
| 1 | Pengawasan alam sekitar |
| 2 | Pemuliharaan ketahanan dan kepelbagaian alam |
| 3 | Peningkatan berterusan kualiti alam sekitar |
| 4 | Penggunaan mapan sumber-sumber asli |
| 5 | Membuat keputusan bersepadu |
| 6 | Peranan sektor swasta |
| 7 | Komitmen dan kebertanggungjawaban |
| 8 | Penyertaan aktif dalam masyarakat antarabangsa |

Soalan 5: Bar kompaun

MALAYSIA: KADAR PERTUMBUHAN EKONOMI DI PELBAGAI SEKTOR PADA TAHUN 2019 DAN ANGGARAN TAHUN 2020

| Sektor | Kadar pertumbuhan ekonomi (%) | |
|---|---|---|
| | 2019 | Anggaran 2020 |
| Perkhidmatan | 6.1 | 5.2 |
| Perkilangan | 4.3 | 4.5 |
| Pembinaan | 0.5 | 0.2 |
| Perlombongan | 2.9 | 2.0 |
| Pertanian | 4.2 | 4.5 |

(Disuaikan daripada Laporan Jabatan Perangkaan Malaysia 2019 dan Berita Harian 1 Mac 2020.)


MALAYSIA: KADAR PERTUMBUHAN EKONOMI DI PELBAGAI
Kadar pertumbuhan
Ekonomi (%)
7
6
5
4
3
2
1
0
Tahun
2019
2020
(anggaran)
Petunjuk
Perkhidmatan
Perkilangan
Pembinaan
Perlombongan
Pertanian
(Disuaikan daripada
Laporan Jabatan

Soalan 6: Carta Pai tingkat

MALAYSIA: PERUNTUKAN PERBELANJAAN KUMPULAN WANG COVID-19 MENGIKUT PAKEJ DAN PROGRAM BAGI ANGGARAN TAHUN 2021.

| Mengikut pakej | Perbelanjaan Kumpulan Wang Covid-19 | | |
|---|---|---|---|
| | Jumlah (RM bilion) | Peratus | Sudut |
| Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE). | 3.2 | 7.11 | 26 |
| Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) | 21.8 | 48.45 | 174 |
| Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) | 10 | 22.22 | 80 |
| Langkah Tambahan Bagi Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN PKS+) | 10 | 22.22 | 80 |
| **Jumlah Besar** | **45** | **100** | **360** |
| **Mengikut Program** | **Perbelanjaan Kumpulan Wang Covid-19** | | |
| | **Jumlah (RM bilion)** | **Peratus** | **cm** |
| Program Subsidi Upah | 16.8 | 37.33 | 3.7 |
| Bantuan Prihatin Nasional | 11.2 | 24.89 | 2.5 |
| Projek berskala kecil | 4 | 8.89 | 0.9 |
| Perkhidmatan penjagaan kesihatan | 1.6 | 3.56 | 0.4 |
| Program-program lain | 11.40 | 25.33 | 2.5 |
| **Jumlah Besar** | **45** | **100** | **10.0** |

(Disesuaikan daripada Tinjauan Fiskal 2021, Kementerian Kewangan Malaysia)



**Bahagian C** [*25 markah*]

Pilih **satu** daripada tajuk di bawah ini dan tulis karangan yang panjangnya antara 300 hingga 350 patah perkataan. Calon hendaklah mengemukakan lima isi atau idea sahaja bagi karangan yang dihasilkan.

7. Pandemik Covid-19 yang melanda Malaysia dan negara-negara lain di dunia telah menyebabkan kesukaran kepada penduduk setempat. Jelaskan.

**Pengenalan:** Penularan wabak Covid-19 di Malaysia semakin serius. Kes yang dilaporkan kian meningkat. Keadaan ini seterusnya telah menyebabkan kesukaran kepada penduduk di negara ini.

| **BIL** | **IDEA** | **HURAIAN** |
|---|---|---|
| 1 | menjejaskan kesihatan | • Wabak Covid-19 telah menular dengan cepat<br>• Virus korona Covid-19 menyebabkan komplikasi buruk terhadap organ paru-paru<br>• Merosakkan sistem pernafasan pesakit.<br>• Pesakit dimasukkan ke wad ICU dan terpaksa bergantung hidup kepada alat pernafasan. Nyawa terancam. |
| 2 | menjejaskan pendapatan | • banyak sektor terjejas terutamanya sektor pelancongan dan perhotelan<br>• pekerja dari sektor terbabit hilang pendapatan ekoran sekatan pergerakan/perjalanan yang menggugat sektor pelancongan<br>• Kadar pengangguran meningkat kerana pekerja syarikat akan diberhentikan bagi mengurangkan kos operasi dan margin kerugian syarikat |
| 3. | Kegiatan harian terganggu | • Covid-19 merupakan sejenis penyakit bawaan udara yang dapat menular dengan cepat menerusi batuk dan bersin<br>• Langkah kawalan dan pencegahan perlu ditingkatkan<br>• Sekatan perjalanan dikenakan. sempadan dan pintu masuk negara ditutup.<br>• Banyak sektor ditutup atau bekerja dari rumah, termasuk sekolah, bank, dan kedai<br>• Mendatangkan kesukaran kepada masyarakat. Kehidupan harian masyarakat terganggu. Banyak urusan harian tidak dapat dilakukan. |
| 4. | Sesi persekolahan terjejas | • Pelajar tidak dapat mengikuti pembelajaran di sekolah kerana sekolah terpaksa ditutup akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)<br>• Sesi pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan secara dalam talian menyebabkan pelajar sukar untuk berkomunikasi dengan tenaga pengajar dan berhadapan |

| | | |
|---|---|---|
| | | dengan masalah kewangan untuk melanggan talian internet |
| 5 | menjejaskan hubungan kekeluargaan | • anak /ahli keluarga di luar negara tidak dapat balik menziarahi ahli keluarga<br>• ibu bapa/anak ketagih kasih sayang ahli keluarga rapat<br>• anak tidak dapat balik ke kampung menziarahi orang tua pada waktu perayaan |
| 6 | Pengerakan terbatas/terhad | • Penduduk tidak boleh bergerak dengan bebas seperti sebelum ini dan ada yang terpaksa dikuarantin mengikut tempoh yang ditetapkan<br>• Penduduk hanya dibenarkan keluar untuk membeli barang keperluan, ke klinik atau jika terlibat dalam kategori pekerjaan penting |
| 7 | Aktiviti ekonomi terganggu | • Menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara<br>• Beberapa sektor ekonomi negara seperti pelancongan, penerbangan, perbankan dan perniagaan terjejas teruk akibat Covid-19<br>• Covid-19 telah menyebabkan penurunan permintaan eksport, penurunan permintaan domestik, kekurangan pelanggan dan masalah aliran tunai |

Penutup: Penduduk negara ini hendaklah bersama-sama berganding bahu dengan pihak kerajaan untuk memastikan wabak Covid-19 dapat diatasi dan tidak terus meningkat.
(Mana-mana 5+0)

8. Cabaran ketujuh dalam Wawasan 2020 ialah mewujudkan masyarakat penyayang. Oleh itu, pelbagai pihak perlu memainkan peranan bagi merealisasikan hasrat tersebut. Bincangkan.

| BIL | IDEA | HURAIAN |
|---|---|---|
| 1 | Kerajaan | • Mengamalkan prinsip keadilan dan kesamaan sosial<br>• Menyebarkan faedah dan manfaat kemajuan material secara lebih berkesan<br>• Menyediakan kemudahan sosial yang boleh memberikan sokongan dan perlindungan |
| 2 | Institusi keluarga | • Ikatan keluarga diperkukuh, merapatkan jurang antara generasi<br>• Memupuk suasana bahagia, budaya penyayang |
| 3. | Masyarakat | • Peka kepada persekitaran yang memerlukan perhatian dan tindakan<br>• Menghulurkan bantuan kepada golongan yang memerlukan pertolongan |
| 4. | Badan bukan kerajaan | • Membantu mewujudkan persekitaran masyarakat yang mencintai kedamaian<br>• Menganjurkan program kebajikan di rumah orang tua, anak yatim |

| | | |
|---|---|---|
| 5 | Institusi keagamaan | • Rumah-rumah ibadah harus memainkan peranan mengikut agama masing-masing<br>• Bertindak mengikut kaedah dan ruang yang sesuai |
| 6 | Sekolah/Institusi pendidikan | • Menyebarkan nilai-nilai kasih saying<br>• Menerapkan budaya penyayang melalui kurikulum dan aktiviti kokurikulum |
| 7 | Media massa | • Menyiarkan program yang berunsurkan masyarakat penyayang<br>• Meningkatkan kesedaran masyarakat akan tanggungjawab terhadap ahli keluarga dan golongan yang kurang bernasib baik |

# SOALAN PEP. PERCUBAAN PAM 2 2021
# SMK SULTAN ISMAIL

**Bahagian A** [15 *markah*]

*Jawab* **semua** *soalan.*

1. Jelaskan **dua** cabaran yang dihadapi oleh sektor pengeluaran dan automasi negara dalam mendepani revolusi industri 4.0. [4]

a) ..........................................................................................................................................
..........................................................................................................................................

b) ..........................................................................................................................................
..........................................................................................................................................

2. Nyatakan **empat** dasar penting yang perlu diutamakan oleh kerajaan sekiranya wujud masalah daripada pembesaran kependudukan Malaysia. [4]

a) ..........................................................................................................................................

b) ..........................................................................................................................................

c) ..........................................................................................................................................

d) ..........................................................................................................................................

3. Nyatakan tiga kesan sekiranya rakyat Malaysia dapat menghormati prinsip Kedaulatan Undang-Undang. [3]

a) ..........................................................................................................................................

b) ..........................................................................................................................................

c) ..........................................................................................................................................

4. Huraikan **dua** usaha kerajaan menyediakan prasarana yang moden dan lengkap untuk kesejahteraan hidup rakyat. [4]

a) ..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

b) ..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

**Bahagian B** [20 *markah*]

*Jawab* **satu** *soalan sahaja dalam bahagian ini. Jawapan hendaklah dibuat pada kertas graf*

5. **Berdasarkan maklumat yang diberikan di dalam petikan di bawah, sediakan graf yang sesuai untuk menunjukkan unjuran peratus perubahan bilangan kes jangkitan Covid-19 harian mengikut negeri terpilih pada tempoh yang direkodkan.**

Berdasarkan laporan Kementerian Kesihatan Malaysia, kes harian covid-19 di Malaysia secara relatifnya masih tinggi. Walau bagaimanapun, menurut Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham bin Abdullah iaitu Pengarah Kesihatan Malaysia hampir 90% kes jangkitan harian di Malaysia pada akhir-akhir ni adalah pada peringkat 1 dan 2. Beliau berkata, situasi ini berpunca daripada Program Imunisasi Kebangsaan yang semakin meluas dan menunjukkan kesan yang positif dalam proses membentuk imunisasi kelompok.

Pada 20 Ogos 2021, Negeri Selangor mencatatkan kes sebanyak 6,974 kes harian baharu sebelum mengalami sedikit peningkatan sebanyak 0.53 peratus pada keesokan harinya. Walau bagaimanapun, Negeri Selangor terus mencatatkan penurunan yang konsisten pada 2 hari berikutnya iaitu pada 22 Ogos mencatatkan sebanyak 5,379 kes baharu harian sebelum menurun lagi sebanyak 1,063 kes harian pada keesokannya.

Manakala Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, menunjukkan perubahan yang positif apabila mencatatkan penurunan sepanjang tempoh direkodkan apabila berjaya mencatat hanya 891 kes baharu pada 23 Ogos setelah mengalami penurunan sebanyak 108 kes baharu berbanding 22 Ogos 2021. Kuala Lumpur mencatatkan kes tertinggi pada 20 Ogos iaitu sebanyak 1,652 kes baharu.

Negeri Johor antara negeri yang terjejas dengan peningkatan kes covid yang agak tinggi sejak kebelakangan ini apabila saban hari negeri ini mencatatkan bilangan kes 4 angka. Pada 21 Ogos 2021, Negeri Johor mencatatkan kes tertinggi iaitu sebanyak 1,558 kes baharu setelah mengalami peningkatan sebanyak 235 kes berbanding 20 Ogos 2021. Antara 22 Ogos hingga 23 Ogos, kes covid di Negeri Johor konsisten 4 angka walaupun menunjukkan sedikit penurunan daripada 1,391 kes pada 22 Ogos kepada 1,367 kes pada keesokannya.

Negeri Kedah juga mencatatkan statistik yang membimbangkan sejak akhir-akhir ini. Pada 22 Ogos 2021, Negeri Kedah mencatatkan jumlah kes tertinggi iaitu 1,948 kes sebelum mengalami penurunan sebanyak 346 kes pada keesokannya harinya. Pada 21 Ogos Negeri Kedah mencatatkan sebanyak 1,880 kes iaitu lebih tinggi sebanyak 660 kes berbanding yang dicatatkan di Kuala Lumpur. Kedah mencatatkan lonjakan kes pada 20 Ogos 2021 apabila mencatatkan sebanyak 1,932 kes baharu.

Bagi negeri-negeri di Kepulauan Borneo, sepanjang tempoh tersebut mencatatkan rekod yang agak membimbangkan apabila konsisten dengan 4 angka kes baharu jangkitan covid-19. Negeri Sabah mencatatkan kes tertinggi pada 20 Ogos 2021 apabila mencatatkan sebanyak 2,738 kes, begitu juga dengan Negeri Sarawak yang mencatatkan sebanyak 2,548 kes. Kedua-dua negeri ini mencatatkan penurunan sebanyak 87 kes baharu dan 584 kes baharu masing-masing pada keesokkan harinya

Negeri Sabah dan Negeri Sarawak terus menunjukkan trend penurunan yang konsisten pada 22 Ogos 2021 apabila mencatatkan kes baharu sebanyak 2,638 kes dan 1,772 kes baharu masing-masing. Negeri sabah mencatatkan sebanyak 2,474 kes pada 23 Ogos 2021. Manakala Negeri Sarawak pula mencatatkan jumlah penurunan yang agak tinggi iaitu penurunan sebanyak 234 kes baharu berbanding 22 Ogos 2021.

Kes harian Covid-19 di Malaysia masih tinggi dan kebanyakan kes yang dilaporkan tidak mempunyai sejarah hubungan dengan mereka yang positif. Malaysia pernah mencatatkan kejayaan apabila tiada kes harian direkodkan pada tahun lalu. Oleh yang demikian, rakyat perlu bekerjasama melakukan kuarantin kendiri bagi mengekang virus ini.

(Dipetik dan diubahsuai daripada Laporan Harian Covid-19,
Kementerian Kesihatan Malaysia, 2021)

6. **Berdasarkan petikan di bawah, sediakan carta yang sesuai untuk menunjukkan jumlah saman yang dikeluarkan semasa Ops Selamat mengikut Kontinjen dan mengikut jenis kesalahan antara 29 Mei hingga 6 Jun 2019.**

Saban tahun kerajaan melalui pelbagai agensi penguatkuasa telah melancarkan pelbagai kempen bagi mengatasi peningkatan mendadak kenderaan di jalan raya sempena musim perayaan. Pada tahun 2019 iaitu bersempena musim perayaan Hari Raya Aidil Fitri, Polis Diraja Malaysia telah melancarkan Ops Selamat sepanjang tempoh dari 29 Mei hingga 6 Jun 2019. Sepanjang tempoh tersebut, pelbagai jenis saman telah dikeluarkan oleh pihak PDRM di atas pelbagai kesalahan yang dilakukan oleh pengguna jalan raja.

Kontinjen Selangor mencatatkan bilangan saman tertinggi apabila Kontinjen Negeri tersebut mengeluarkan sebanyak 29,254 saman sepanjang tempoh tersebut. Kuala Lumpur pula mencatatkan jumlah saman sebanyak 14,007 saman iaitu lebih tinggi sebanyak 4,572 saman berbanding dengan jumlah saman yang dikeluarkan oleh Kontinjen Pahang.

Negeri Kelantan yang sering menjadi tumpuan warga kota sepanjang musim perayaan mencatatkan jumlah sebanyak 7026 kes iaitu perbezaan sebanyak 1085 saman lebih tinggi berbanding jumlah saman yang dicatatkan oleh Kontinjen Negeri Sembilan. Seterusnya Kontinjen Kedah pula mencatatkan sebanyak 9,728 saman sepanjang tempoh itu.

Kontinjen Sabah dan Sarawak juga mencatatkan jumlah saman yang agak tinggi sepanjang tempoh penguatkuasaan Ops Selamat. Kontinjen Sabah mencatatkan sebanyak 13,505 saman iaitu antara negeri yang mencatatkan bilangan saman tertinggi direkodkan. Manakala Kontinjen Sarawak pula hanya mencatatkan sebanyak 7,625 saman.

Dari segi jenis kesalahan, kesalahan berkaitan ubah suai kereta mencatatkan bilangan saman tertinggi iaitu 38.86% daripada jumlah keseluruhan saman yang dicatatkan sepanjang tempoh tersebut. Manakala kesalahan berkaitan tali keledar pula mencatatkan bilangan terendah iaitu 6,377 saman.

Walaupun pelbagai kempen telah dilakukan oleh kerajaan bagi meningkatkan kesedaran rakyat, tetapi masih terdapat seramai 17,507 saman terpaksa dikeluarkan akibat kesalahan berkaitan telefon bimbit. Masih ramai pemandu yang menggunakan telefon bimbit semasa pemanduan sekaligus menyumbang kepada statistik kemalangan di Malaysia yang berpunca dari kecuaian manusia. Sepanjang tempoh itu, sebanyak 14,752 kenderaan dilaporkan berada di atas jalan raya tanpa mempunyai cukai jalan. Situasi ini meningkatkan risiko dan kesukaran seandainya berlaku kemalangan.

Kesalahan kedua tertinggi yang direkodkan sepanjang tempoh penguatkuasaan ini adalah kesalahan berkaitan lesen memandu, sebanyak 20,371 saman dikeluarkan oleh pihak PDRM. Jumlah keseluruhan saman yang dikeluarkan dalam tempoh Ops Selamat adalah sebanyak 96,520 saman. Jumlah yang agak besar ini sebenarnya amat membimbangkan kerana akan meningkatkan risiko kemalangan di atas jalan raya.

Walaupun saban tahun kerajaan melancarkan pelbagai ops bersifat pencegahan kemalangan jalan raya, tetapi kes kemalangan jalan raya di Malaysia masih tinggi. Oleh yang demikian, semua pihak perlu memainkan peranan bagi memastikan statistik ini dapat ditambahbaik pada masa akan datang.

(Dipetik dan diubahsuai daripada Laporan Jabatan Siasatan
dan Penguatkuasaan Trafik Polis Diraja Malaysia, 7 Jun 2019)

**Bahagian C** [25 *markah*]

*Pilih* **satu** *daripada tajuk di bawah ini dan tulis karangtan yantg panjangnya antara 300 hingga 350 patah perkataan.*

7. Walaupun pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan untuk memastikan kita mencapai status negara maju, namun kita masih tidak dapat mencapainya. Pendekatan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara berteknologi tinggi bukanlah satu-satunya cara untuk mencapai taraf negara maju. Bincangkan.

8. Tidak dinafikan Pandemik covid-19 telah mewujudkan pelbagai tekanan yang mampu menjejaskan kesihatan mental rakyat Malaysia. Justeru itu, masalah kesihatan mental ini hendaklah ditangani dengan segera supaya dapat mengelakkan masalah kemurungan dan kejadian bunuh diri. Bincangkan.

# SKEMA PEP. PERCUBAAN PAM 2 2021
# SMK SULTAN ISMAIL

**BAHAGIAN A (15 markah)**

*Jawab* **semua** *soalan.*

1. Jelaskan **dua** cabaran yang dihadapi oleh sektor pengeluaran dan automasi negara dalam mendepani revolusi industri 4.0. [4]

| ***Pilih mana-mana 2 idea* Idea** | **Huraian** |
|---|---|
| **Tenaga kerja mahir** | Melahirkan tenaga kerja mahir memerlukan kos yang tinggi dan masa yang panjang kerana mereka tidak memiliki kemahiran asas digital. |
| **Ancaman keselamatan siber** | Pengenalan internet yang mengintegrasikan sistem fizikal dan siber akan mewujudkan ancaman penggodaman dan jenayah siber yang membawa kepada risiko keselamatan. |
| **Inovasi dalam pendidikan** | Kelestarian akademik di negara ini perlu ditambah baik dengan menyerapkan elemen digitalisasi dalam pembelajaran. |
| **Kesukaran penyelarasan organisasi** | Perkembangan pesat teknologi baharu akan mempengaruhi tahap pengurusan sesebuah organisasi termasuk sumber manusia, sistem produksi syarikat dan rantaian pembekalan. |
| **Penggunaan Teknologi Moden** | Penggunaan teknologi yang canggih dan moden memerlukan kos yang tinggi untuk membeli mesin dan jentera serta kos untuk penyelenggaran. |

2. Nyatakan **empat** dasar penting yang perlu diutamakan oleh kerajaan sekiranya wujud masalah daripada pembesaran kependudukan Malaysia. [4]

***Pilih mana-mana 4 jawapan.***

a) Dasar Pembangunan Ekonomi
b) Dasar Sosial Negara
c) Dasar Jaminan Bekalan Makanan
d) Dasar Sumber Manusia
e) Dasar Pertanian Negara
f) Dasar Alam Sekitar Negara
g) Dasar Perumahan Negara

3. Nyatakan **tiga** kesan sekiranya rakyat Malaysia dapat menghormati prinsip Kedaulatan Undang-Undang. [3]

*Pilih mana-mana 3 jawapan.*

a) Mewujudkan perpaduan yang lebih erat dalam kalangan masyarakat.
b) Menjamin kestabilan politik dengan memelihara cara hidup demokratik.
c) Memastikan keselamatan negara terus terpelihara daripada sebarang ancaman.
d) Mewujudkan keharmonian hidup rakyat dengan mematuhi undang-undang negara.
e) Meningkatkan semangat cinta akan negara dengan mempertahankan kedaulatan negara.

4. Huraikan **dua** usaha kerajaan menyediakan prasarana yang moden dan lengkap untuk kesejahteraan hidup rakyat. [4]

| ***Pilih mana-mana 2 idea.*** **Idea** | **Huraian** |
|---|---|
| **Memodenkan sistem pengangkutan awam** | Kerajaan menaik taraf sistem pengangkutan awam bandar dengan menyediakan kemudahan yang serba canggih dan moden yang mesra pengguna. Contoh; MRT, LRT, Monorel |
| **Memajukan sistem pendidikan negara** | Menggunakan ICT dalam sistem pendidikan negara demi melahirkan modal insan yang lebih berkualiti. |
| **Membangunkan kemudahan kesihatan negara** | Memperbanyakan fasiliti kesihatan dengan kemudahan yang canggih dan moden untuk memanjangkan jangka hayat rakyat. |
| **Menyediakan jaringan pengangkutan dan perhubungan** | Memudahkan perhubungan antara kawasan bandar dan luar bandar serta pedalaman demi kelangsungan hidup rakyat. Contoh; rel kereta api berkembar dari JB-Padang Besar, lebuh raya Utara-Selatan |
| **Memajukan sistem telekomunikasi** | Mengeratkan silaturrahim dan memudahkan akses untuk mendapatkan maklumat dengan lebih pantas. |

**Skema Jawapan : Graf Garis Memesong**

**MALAYSIA : UNJURAN PERATUS PERUBAHAN BILANGAN KES JANGKITAN COVID-19 HARIAN MENGIKUT NEGERI TERPILIH ANTARA 20 OGOS 2021 HINGGA 23 OGOS 2021**

| Tarikh / Negeri | Tarikh | | | | Peratus Perubahan | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | 20 Ogos | 21 Ogos | 22 Ogos | 23 Ogos | 20-21/8 | 21-22/8 | 22-23/8 |
| Selangor | 6,974 | 7,011 | 5,379 | 4,316 | 0.53 | -23.28 | -19.76 |
| K. Lumpur | 1,652 | 1,220 | 999 | 891 | -26.15 | -18.12 | -10.81 |
| Johor | 1,323 | 1,558 | 1,391 | 1,367 | 17.76 | -10.72 | -1.73 |
| Kedah | 1,932 | 1,880 | 1,948 | 1,602 | -2.69 | 3.62 | -17.76 |
| Sabah | 2,738 | 2,651 | 2,638 | 2,474 | -3.18 | -0.49 | -6.22 |
| Sarawak | 2,548 | 1,964 | 1,772 | 1,538 | -22.92 | -9.78 | -13.21 |

(Dipetik dan diubahsuai daripada Laporan Harian Covid-19, Kementerian Kesihatan Malaysia, 2021)



**Skema Jawapan : Carta Pai Tong**

**MALAYSIA : JUMLAH SAMAN YANG DIKELUARKAN SEMASA OPS SELAMAT MENGIKUT KONTINJEN DAN MENGIKUT JENIS KESALAHAN ANTARA 29 MEI HINGGA 6 JUN 2019**

| Jenis kesalahan | Jumlah saman yang dikeluarkan semasa Ops selamat mengikut jenis kesalahan | | |
|---|---|---|---|
| | Jumlah (Saman) | Peratus | Sudut |
| Kesalahan berkaitan tali keledar | 6,377 | 6.61 | 23.78 |
| Kesalahan berkaitan lesen memandu | 20,371 | 21.11 | 75.98 |
| Kesalahan berkaitan cukai jalan | 14,752 | 15.28 | 55.02 |
| Kesalahan berkaitan telefon bimbit | 17,507 | 18.14 | 65.30 |
| Kesalahan berkaitan ubah suai kereta | 37,513 | 38.86 | 139.92 |
| **Jumlah** | **96,520** | **100.00** | **360.00** |

| Kontinjen | Jumlah saman yang dikeluarkan semasa Ops selamat mengikut kontinjen | | |
|---|---|---|---|
| | Jumlah (Saman) | Peratus | Tinggi (cm) |
| Selangor | 29,254 | 30.31 | 3.0 |
| Kuala Lumpur | 14,007 | 14.51 | 1.5 |
| Pahang | 9,435 | 9.78 | 1.0 |
| Kelantan | 7,026 | 7.28 | 0.7 |
| Negeri Sembilan | 5,940 | 6.15 | 0.6 |
| Kedah | 9,728 | 10.08 | 1.0 |
| Sabah | 13,505 | 13.99 | 1.4 |
| Sarawak | 7,625 | 7.90 | 0.8 |
| **Jumlah** | **96,520** | **100.00** | **10.0** |

(Dipetik dan diubahsuai daripada Laporan Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Polis Diraja Malaysia, 7 Jun 2019)






**BAHAGIAN C (25 markah)**

*Pilih* **satu** *daripada tajuk di bawah ini dan tulis karangan yang panjangnya antara 300 hingga 350 patah perkataan.*

7. Walaupun pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan untuk memastikan kita mencapai status negara maju, namun kita masih tidak dapat mencapainya. Pendekatan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara berteknologi tinggi bukanlah satu-satunya cara untuk mencapai taraf negara maju. Bincangkan.

**Format : 2 + 1 + 2 atau 3 + 1 + 1**

| BIL | IDEA | HURAIAN |
|---|---|---|
| **1. FAKTOR MALAYSIA BELUM CAPAI TARAF NEGARA MAJU (SUMBER DIUBAHSUAI DARIPADA DARI WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030)** | | |
| 1 | Kebergantungan terhadap produk komoditi | • risiko ketidaktentuan harga pasaran dunia<br>• pengeluaran yang tidak menentu<br>• persaingan dengan pengeluar dari negara lain<br>• penggunaan teknologi dalam pengeluaran masih rendah |
| 2 | Tahap teknologi yang masih rendah | • bergantung dengan teknologi luar<br>• tiada kepakaran yang mampu mencipta teknologi baru sendiri<br>• bersikap mengambil jalan mudah dengan membeli teknologi luar dan tidak mengambil inisiatif padu untuk mencipta teknologi tempatan |
| 3 | Kurang kepakaran tempatan/ kurang tenaga pakar | • bergantung dengan kepakaran luar<br>• kurang tenaga yang berkemahiran tinggi<br>• tenaga tempatan yang berkemahiran tinggi bekerja di luar negara<br>• tidak berani ke hadapan dalam penciptaan<br>• ciptaan tidak diperluaskan atau dimajukan secara komersil |
| 4 | Jurang pendapatan tinggi | • jurang antara wilayah yang besar seperti antara negeri Selangor dengan negeri yang lebih miskin seperti Kelantan, Kedah, Pahang, Sabah dan Sarawak.<br>• Jurang pendapatan antara golongan T20 dengan B40 yang sangat luas.<br>• Jurang pendapatan antara kaum - bumiputera dengan cina/ India dengan Cina |
| 5 | Rasuah dan salah guna kuasa | • dilakukan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab<br>• mengutamakan kepentingan diri / materialistic<br>• terdorong untuk mengagihkan peluang dalam ekonomi secara tidak adil<br>• menggagalkan usaha dan dasar kerajaan dalam mencapai kemajuan |
| 6 | Sikap masyarakat | • masih berada dala zon selesa<br>• kurang dorongan untuk memajukan diri dan negara<br>• semangat patriotic yang masih rendah<br>• lebih mengutamakan kepentingan diri melebihi kepentingan negara |

| | | |
|---|---|---|
| | **2. LANGKAH UNTUK CAPAI NEGARA MAJU<br>(1 IDEA PERCUMA - MENJADI NEGARA BERTEKNOLOGI TINGGI)** | |
| 7 | Menjadi negara berteknologi tinggi/ Membangunkan teknologi tempatan/ meningkatkan tahap teknologi | • memperkasakan bidang kemahiran/ TVET<br>• menggalakkan penciptaan teknologi sendiri bagi mengurangkan kebergantungan terhadap teknologi luar<br>• menggalakkan penciptaan dan inovasi<br>• memperluaskan penyelidikan dan pembangunan |
| 8 | Memajukan sektor industri | • membangunkan industry kecil dan sederhana<br>• memperbanyakkan perusahaan pembuatan / sokongan<br>• memajukan industri hiliran<br>• membangunkan industry berskala besar<br>• menggalakkan industry eksport |
| 9 | Membangunkan modal insan/ meningkatkan keupayaan sumber tenaga/buruh | • menambah bilangan pekerja berkemahiran tinggi tempatan<br>• menggiatkan latihan kemahiran / TVET<br>• menawarkan gaji yang sesuai dan mampu mendorong produktiviti<br>• mengurangkan pengambilan pekerja asing<br>• penawaran kursus di university selaras dengan keperluan industri |
| 10 | Membangunkan Kawasan luar bandar | • menyediakan infrastruktur yang lebih lengkap seperti jalan raya, perhubungan, jaringan internet dan sebagainya<br>• memajukan perusahaan kecil dan sederhana<br>• memperkenalkan teknologi moden dan kaedah baru dalam pertanian<br>• memperluaskan peluang pekerjaan |

8. Tidak dinafikan Pandemik covid-19 telah mewujudkan pelbagai tekanan yang mampu menjejaskan kesihatan mental rakyat Malaysia. Justeru itu, masalah kesihatan mental ini hendaklah ditangani dengan segera supaya dapat mengelakkan masalah kemurungan dan kejadian bunuh diri. Bincangkan.
**Format : 2 + 3 atau 3 + 2**

| BIL | IDEA | HURAIAN |
|---|---|---|
| **TEKANAN YANG BERLAKU AKIBAT PANDEMIC COVID 19** | | |
| 1 | Tekanan kehilangan punca pendapatan | • Peraturan Kawalan Pergerakan akibat Pandemic Covid-19 telah mengakibatkan aktiviti ekonomi tergendala.<br>• Ramai hilang pekerjaan dan punca pendapatan.<br>• Tidak mampu menaggung kos sara hidup.<br>• Mendorong kepada tekanan mental |
| 2 | Tekanan kerana terpaksa berkurung di rumah | • Tidak dapat melakukan aktiviti sosial.<br>• Terpaksa duduk di rumah dan kurang berkomunikasi lebih-lebih lagi bagi individu yang tinggal bersendirian.<br>• Tiada tempat untuk berkongsi cerita/ masalah. |
| 3 | Tekanan akibat berjauhan dengan ahli keluarga / pasangan | • Terdapat individu yang berjauhan dari pasangan kerana kekangan kerja.<br>• Larangan merentas daerah dan negeri menyebabkan ramai individu terpaksa berpisah dengan ahli keluarga atau pasangan.<br>• Perasaan rindu yang keterlaluan menyebabkan ada individu yang menghadapi kemurungan melampau. |
| 4 | Tekanan kerana ketakutan/ trauma dijangkiti penyakit | • Penyakit Covid-19 yang boleh membawa kematian menyebabkan terdapat individu yang hidup dalam ketakutan.<br>• Perasaan bimbang dijangkiti penyakit yang melampau menyebabkan mereka berada dalam kemurungan.<br>• Berasa waswas / fobia untuk keluar membeli barangan keperluan<br>• Tidak mahu bertemu dengan sesiapa kerana bimbang dijangkiti |
| 5 | Trauma kehilangan orang tersayang akibat penyakit covid-19 | • Kemunculan pelbagai varian covid-19 yang lebih agresif telah meragut banyak nyawa.<br>• Masyarakat yang terlibat menjadi tertekan kerana kehilangan orang tersayang secara tiba-tiba.<br>• Kematian yang melibatkan penyakit ini menyukarkan ahli keluarga untuk menziarah atau mengurus kematian.<br>• Banyak kes kematian yang melibatkan ketua keluarga atau ibu bapa yang mengakibatkan anak menjadi yatim piatu dalam sekelip mata.<br>• Hal ini memberi tekanan besar kepada ahli keluarga yang ditinggalkan oleh si mati. |

| | | |
|---|---|---|
| 6 | Tekanan kerja yang melampau melibatkan petugas barisan hadapan | • Petugas barisan hadapan tidak cukup rehat kerana bilangan jangkitan yang semakin meningkat setiap hari.<br>• Terpaksa memakai pakaian perlindungan PPE yang menyukarkan pergerakan, menimbulkan rasa tidak selesa dan panas.<br>• Melihat banyak kematian di depan mata setiap hari dan menanggung emosi sedih.<br>• Tidak dapat bercuti kerana tuntutan tugas yang tidak menentu<br>• Terpaksa meninggalkan keluarga iaitu pasangan dan anak-anak demi melaksanakan tugas.<br>• Hal ini memberi tekanan hebat kepada petugas barusan hadapan |
| 7 | Tekanan bekerja dari rumah | • Bekerja dari rumah mengakibatkan tekanan yang lebih berat kerana banyak perkara terpaksa dilakukan melalui internet.<br>• Terdapat urusan pentadbiran yang sukar dilaksanakan secara maya.<br>• Pertembungan antara melaksanakan tugasan kerja dengan tugasan rumah terutama bagi wanita yang berkeluarga.<br>• Sukar mengawal keadaan atau situasi tertentu semasa bekerja.<br>• Tidak mencapai kepuasan bekerja dari rumah.<br>• Banyak gangguan apabila bekerja dari rumah.<br>• Hal ini memberi tekanan kepada individu sehingga boleh mengakibatkan kemurungan, stress atau cepat marah. |
| 8 | Tekanan belajar dari rumah/ secara dalam talian | • Pelajar yang belajar dari rumah kebanyakannya tidak dapat menumpukan perhatian sepenuhnya ketika belajar.<br>• Tidak dapat berkomunikasi secara berkesan dengan guru/ pensyarah dan juga rakan-rakan.<br>• Aktiviti pembelajaran tidak dapat berlangsung dengan lancar.<br>• Terdapat pelajar yang hilang motivasi/semangat.<br>• Beban tugasan yang diberi oleh guru/ pensyarah terlalu banyak<br>• Hal ini mengakibatkan pelajar/ remaja menjadi stress dan kemurungan. |
| CARA MENANGANI TEKANAN MENTAL | | |
| 9 | Mendapat rawatan pakar | • Segera mendapatkan rawatan perubatan apabila mendapati wujud simptom kemurungan<br>• Mengambil ubat-ubatan yang disyorkan dan melaksanakan sesi terapi dengan pakar perubatan yang bertauliah<br>• Rawatan berterusan dan berkala |
| 10 | Menjalani sesi kaunseling | • Bertemu dan berbincang dengan kaunselor bertauliah<br>• Belajar cara menangani stress yang betul.<br>• Mengambil tahu kekuatan dan kelemahan diri |

| | | |
|---|---|---|
| | | • Belajar mengawal perasaan agar dapat mengelakkan diri daripada memikirkan perkara yang melampau |
| 11 | Meningkatkan hubungan social dengan masyarakat | • Sentiasa mengadakan komunikasi yang baik<br>• Mengadakan pergaulan sosial yang sihat<br>• berfikiran terbuka untuk menerima pendapat orang lain<br>• sentiasa bersangka baik dan berfikiran positif |
| 12 | Menerapkan nilai-nilai keagamaan/ nilai murni | • menerapkan amalan agama yang baik dan menjadikan agama sebagai panduan hidup.<br>• kekuatan ilmu agama dapat menghindari perasaan putus asa dan menyerah kalah<br>• hubungan spiritual dengan tuhan mampu memberi kekuatan dalaman dan dapat menghindarkan diri daripada penyakit mental.<br>• Mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan. |
| 13 | Mengamalkan cara hidup sihat | • Mendapatkan tidur dan rehat yang cukup penting untuk mental dan emosi.<br>• Melakukan aktiviti riadah sama ada secara bersendirian atau bersama keluarga dan rakan-rakan.<br>• tidak mengambil alcohol dan dadah<br>• menguruskan masa dan aktiviti harian dengan baik. |
| 14 | Sokongan keluarga | • ahli keluarga mesti mengambil tahu perkembangan mental ahli keluarga<br>• harus sentiasa bersedia untuk mendengar masalah atau luahan hati orang terdekat seperti anak-anak.<br>• Memberi sokongan moral dan berusaha menguatkan semangat<br>• berusaha agar mereka rasa dihargai dan diperlukan |

# SOALAN PEP. PERCUBAAN PAM 2 2021
# SMK TENGKU MAHMUD ISKANDAR

**Bahagian A** [ 15 *markah* ]

*Jawab* **semua** *soalan.*

1. Berikan **tiga** cabaran yang dihadapi oleh sektor pertanian negara. [3]

   i ………………………………………………………………………………………………………………… ………

   ii ………………………………………………………………………………………………………………… ……..

   iii ………………………………………………………………………………………………………………… ……..

2. Nyatakan **empat** Inisiatif Pembaharuan Strategik di bawah Model Ekonomi Baru yang dilancarkan pada tahun 2010. [4]

   i ………………………………………………………………………………………………………………… ……..

   ii ………………………………………………………………………………………………………………… …….

   iii ………………………………………………………………………………………………………………… …….

   iv ………………………………………………………………………………………………………………… ……

3. Jelaskan **dua** langkah yang dijalankan oleh kerajaan dalam mensejahterakan kehidupan rakyat [4]

i. ……………………………………………………………………………………………………………………… ………………………………………………………………………………………………………………………

ii. ……………………………………………………………………………………………………………………… ………………………………………………………………………………………………………………………

4. Senaraikan **empat** sifat utama yang diperlukan oleh setiap murid untuk bersaing pada peringkat global dalam Pelan Pembangunan Pendidikan 2012-2025 [4]

   i. ………………………………………………………………………………………………………………
   ii. ………………………………………………………………………………………………………………
   iii. ………………………………………………………………………………………………………………
   iv. ………………………………………………………………………………………………………………

**Bahagian B** [20 *markah*]

**ARAHAN**. *Jawab* **satu** *soalan sahaja dalam bahagian ini. Jawapan hendaklah dibuat pada kertas graf*

5. Berdasarkan maklumat dalam petikan di bawah ini, sediakan graf yang sesuai untuk menunjukkan peratus perubahan kuantiti buangan terjadual yang diuruskan mengikut negeri terpilih antara tahun 2011 dengan tahun 2012 dan antara tahun 2012 dengan tahun 2013 di Malaysia.

Buangan terjadual merupakan istilah perundangan bagi bahan atau barang buangan yang mengandungi bahan kimia atau campuran bahan kimia dengan kepekatan atau melebihi kuantiti yang dibenarkan. Segala aktiviti pengumpulan, pengendalian, dan penyimpanan buangan terjadual ini perlu mematuhi peraturan *Environmental Quality* bagi menjamin keselamatan manusia dan kesejahteraan alam sekitar.

Terengganu merekodkan kuantiti tertinggi bagi buangan terjadual yang diuruskan pada tahun 2011, iaitu sebanyak 302 641 tan metrik. Pulau Pinang pula hanya mencatatkan sebanyak 194 279 tan metrik kuantiti buangan terjadual yang diuruskan, iaitu kurang sebanyak 17 968 tan metrik berbanding dengan Selangor. Bagi Sabah dan Perlis, kuantiti barangan terjadual yang diuruskan oleh negeri masing-masing berjumlah 7054 tan metrik dan 1932 tan metrik. Kuantiti buangan terjadual yang diuruskan oleh Kelantan pada tahun 2011 ialah sebanyak 1877 tan metrik.

Pada tahun 2012, Terengganu masih mendahului negeri-negeri lain dengan peningkatan sebanyak 54 453 tan metrik kuantiti buangan terjadual yang diuruskan berbanding dengan tahun sebelumnya. Trend peningkatan juga ditunjukkan oleh Selangor, Perlis dan Kelantan. Peningkatan kuantiti buangan terjadual di Selangor ialah sebanyak 7734 tan metrik, diikuti oleh Perlis yang meningkat kepada 2503 tan metrik dan Kelantan pula meningkat kepada 2013 tan metrik berbanding dengan tahun 2011. Kuantiti buangan terjadual yang diuruskan oleh Pulau Pinang dan Sabah masing-masing berkurang kepada 146 637 tan metrik dan 5380 tan metrik.

Statistik kuantiti buangan terjadual yang diuruskan oleh Terengganu dan Selangor pada tahun 2013 masing-masing masih terus meningkat kepada 413 273 tan metrik dan 231 562 tan metrik berbanding dengan tahun 2012. Keadaan ini berbeza dengan Pulau Pinang kerana kuantiti buangan terjadual yang diuruskan merosot untuk tahun ketiga, iaitu menyusut sebanyak 7947 tan metrik berbanding dengan tahun 2012. Kuantiti buangan terjadual yang diuruskan oleh Sabah pada tahun 2013 bertambah kepada 8315 tan metrik. Perlis mencatatkan kuantiti buangan terjadual yang diuruskan sebanyak 1433 tan metrik, iaitu kurang sebanyak 477 tan metrik berbanding dengan kuantiti buangan terjadual yang diuruskan oleh Kelantan pada tahun 2013.

(Disesuaikan daripada *Kompendium Perangkaan Alam Sekitar* 2014,
Jabatan Perangkaan Malaysia, Disember, 2014)

6. Berdasarkan maklumat yang diberikan dalam petikan di bawah ini, sediakan graf yang sesuai untuk menunjukkan bilangan ahli Pertubuhan Peladang Kawasan di negeri-negeri terpilih dan pola jumlah Pertubuhan Peladang Kawasan dari tahun 2014 hingga tahun 2016 di Malaysia.

Keahlian Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) didapati meningkat dari tahun ke tahun. Peningkatan penyertaan golongan masyarakat peladang dalam PPK berikutan pelbagai faedah yang diperoleh mereka, khususnya perkhidmatan nasihat teknikal dan keusahawanan berhubung projek pertanian.

Bilangan ahli PPK yang tertinggi pada tahun 2014 adalah di negeri Johor iaitu sebanyak 91,909 orang. Bilangan ahli PPK yang kedua banyak adalah di negeri Pahang iaitu sebanyak 59,526 orang. Bilangan tersebut melebihi bilangan ahli PPK dari negeri Kedah sebanyak 6,059 orang. Negeri Terengganu mencatatkan bilangan ahli PPK yang paling sedikit pada tahun 2014 iaitu sebanyak 37,897 orang.

Tahun 2015 pula menyaksikan peningkatan bilangan ahli PPK di negeri Johor, Pahang dan Terengganu. Bagaimanapun, negeri Kedah memperlihatkan penurunan bilangan ahli PPK pada tahun tersebut iaitu berkurang sebanyak 760 orang berbanding tahun sebelumnya. Bilangan ahli PPK di Johor masih kekal di tempat pertama dengan peningkatan tertinggi iaitu sebanyak 2,807 orang berbanding dengan tahun 2014. Peningkatan kedua banyak iaitu sebanyak 4.58% kepada 39,632 orang ditunjukkan oleh ahli PPK di Terengganu. Bilangan ahli PPK di negeri Pahang pula bertambah kepada 59,951 orang.

Peningkatan dalam bilangan ahli PPK dapat dilihat di keempat-empat negeri terlibat setahun kemudian. Keahlian PPK di Johor pada tahun 2016 masih menduduki tempat pertama dengan pertambahan ahli sebanyak 7,174 orang daripada tahun sebelumnya. Daripada sejumlah 261,408 orang ahli PPK di keempat-empat negeri tersebut pada tahunn 2016, seramai 62,869 orang mewakili negeri Pahang. Bilangan ahli PPK di Kedah pula menokok kepada 54,949 orang. Bilangan selebihnya adalah ahli PPK bagi negeri Terengganu.

Sepanjang tiga tahun tersebut, jumlah Pertubuhan Peladang Kawasan ditubuh dan didaftarkan di bawah Akta 109 Pertubuhan Peladang 1973 di negeri Johor, Pahang, Kedah dan Terengganu tidak mengalami apa-apa perubahan. Jumlah PPK di keempat-empat negeri tersebut adalah kekal sebanyak 86 buah bagi tahun 2014, 2015 dan 2016.

(Disesuaikan daripada Lembaga Pertubuhan Peladang, 2017)

**Bahagian C** [*25 markah*]

*Pilih* **satu** *daripada tajuk di bawah dan tulis karangan yang panjangnya Antara 300 hingga 350 patah perkataan*

7. Kelestarian permainan tradisional atau permainan rakyat perlu dikekalkan untuk generasi akan datang. Namun begitu, permainan sebegini semakin dipinggirkan oleh masyarakat. Jelaskan pernyataan di atas.

8. Penghayatan dan pengamalan prinsip Rukun Negara adalah penting dalam kalangan semua warganegara Malaysia. Jelaskan.

# SKEMA PEP. PERCUBAAN PAM 2 2021
# SMK TENGKU MAHMUD ISKANDAR

**SKEMA PEPERIKSAAN PERCUBAAN PENGGAL 2 2021**

**Bahagian A (15 Markah)**

1. Berikan **tiga** cabaran yang dihadapi oleh sektor pertanian negara. (3m)
   i. Persediaan menghadapi perubahan iklim 1m
   ii. Perluasan amalan mesra alam 1m
   iii. Pengurusan bahan sampingan atau buangan 1m
   iv. Pengurusan sumber manusia yang berkualiti 1m
   v. Penghasilan produk makanan yang halal dan selamat 1m

2. Nyatakan **empat** Inisiatif Pembaharuan Strategik di bawah Model Ekonomi Baru yang dilancarkan pada tahun 2010. (4m)
   i. Memulihkan peranan sektor swasta dalam pembangunan ekonomi negara. 1m
   ii. Membangunkan tenaga kerja tempatan berkualiti dan mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing. 1m
   iii. Mewujudkan ekonomi domestik yang berdaya saing . 1m
   iv. Mengukuhkan perkhidmatan sektor awam. 1m
   v. Membina infrastuktur bagi membangunkan ekonomi berasaskan pengetahuan 1m

3. Jelaskan **dua** langkah yang dijalankan oleh kerajaan dalam mensejahterakan kehidupan rakyat. (4m)
   i. Meningkatkan pendapatan rakyat/taraf hidup luar bandar. 1m - Melalui usaha bantuan kepada petani, pengusaha IKS dan nelayan 1m
   ii. Memperluaskan perkhidmatan awam. 1m - Pelbagai kemudahan awam telah disediakan seperti kemudahan pendidikan bagi melahirkan modal insan yang berkualiti/ perkhidmatan kaunter yang lebih cekap/ dan kemudahan kesihatan untuk memberi rawatan yang terbaik kepada rakyat. 1m
   iii. Membanteras jenayah. 1m - Mewujudkan keamanan dan keselamatan yang terjamin supaya rakyat berasa selamat dalam menjalankan tugas harian dan kehidupan mereka. 1m
   iv. Menyediakan persekitaran yang bersih dan kurang pencemaran. 1m. - Penguatkuasaan telah dijalankan bagi memastikan alam sekitar bebas dari pencemaran yang akan menjejaskan kesihatan rakyat 1m
   v. Menyediakan kemudahan prasarana yang lengkap dan moden. 1m - Pelbagai kemudahan asas telah ditambah dan diperbaiki dari semasa ke semasa seperti jalan raya, elektrik, dan air untuk kemudahan rakyat di bandar dan luar bandar. 1m
   vi. Menyediakan peluang pekerjaan yang luas dan upah yang tinggi. 1m - Kerajaan sedaya upaya untuk menyediakan peluang-peluang pekerjaan dengan menarik pelabur dalam dan luar negeri untuk melabur di Malaysia 1m

4. **Empat** sifat utama yang diperlukan setiap murid untuk bersaing pada peringkat global dalam Pelan Pembangunan Pendidikan 2012 – 2025 (4m)
   i. Pengetahuan 1m
   ii. Kemahiran Berfikir 1m
   iii. Kemahiran Memimpin 1m
   iv. Kemahiran Dwibahasa 1m
   v. Beretika dan beragama 1m
   vi. Beridentiti Kebangsaan 1m

**Bahagian B** (20 markah)

**Soalan 5**

Berdasarkan maklumat dalam petikan di bawah ini, sediakan graf yang sesuai untuk menunjukkan peratus perubahan kuantiti buangan terjadual yang diuruskan mengikut negeri terpilih antara tahun 2011 dengan tahun 2012 dan antara tahun 2012 dengan tahun 2013 di Malaysia.

Jawapan : **GRAF BAR POSITIF NEGATIF / GRAF BAR SONGSANG**

**MALAYSIA : PERATUS PERUBAHAN KUANTITI BUANGAN TERJADUAL YANG DIURUSKAN MENGIKUT NEGERI TERPILIH ANTARA TAHUN 2011 DENGAN 2012 DAN ANTARA TAHUN 2012 DENGAN TAHUN 2013**

| Negeri | Kuantiti Buangan Terjadual (tan metrik) | | | Peratus Perubahan (%) | |
|---|---|---|---|---|---|
| | 2011 | 2012 | 2013 | 2011-2012 | 2012-2013 |
| Terengganu | 302 641 | 357 094 | 413 273 | 17.99 | 15.73 |
| Pulau Pinang | 194 279 | 146 637 | 138 690 | -24.52 | -5.42 |
| Selangor | 212 247 | 219 981 | 231 562 | 3.64 | 5.26 |
| Sabah | 7 054 | 5 380 | 8 315 | -23.73 | 54.55 |
| Perlis | 1 932 | 2 503 | 1 433 | 29.55 | -42.75 |
| Kelantan | 1 877 | 2 013 | 1 910 | 7.25 | -5.12 |

( Disesuaikan daripada *Kompendium Perangkaan Alam Sekitar* 2014, Jabatan Perangkaan Malaysia, Disember 2014)

**Soalan 6**

Berdasarkan maklumat yang diberikan dalam petikan di bawah ini, sediakan graf yang sesuai untuk menunjukkan bilangan ahli Pertubuhan Peladang Kawasan di negeri-negeri terpilih dan pola jumlah Pertubuhan Peladang Kawasan dari tahun 2014 hingga tahun 2016 di Malaysia.

Jawapan : **GRAF GABUNG (BAR KOMPAUN DAN GRAF GARIS)**

**MALAYSIA: BILANGAN AHLI PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN DI NEGERI-NEGERI TERPILIH DAN POLA JUMLAH PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN DARII TAHUN 2014 HINGGA TAHUN 2016**

| Tahun / Negeri | Bilangan ahli Pertubuhan Peladang Kawasan (orang) | | |
|---|---|---|---|
| | 2014 | 2015 | 2016 |
| Johor | 91 909 | 94 716 | 101 890 |
| Pahang | 59 526 | 59 951 | 62 869 |
| Kedah | 53 467 | 52 707 | 54 949 |
| Terengganu | 37 897 | 39 632 | 41 700 |
| | | | |
| Jumlah Pertubuhan Peladang Kawasan (buah) | 86 | 86 | 86 |

(Disesuaikan daripada Lembaga Pertubuhan Peladang, 2017)

**Bahagian C (25 markah)**

7. Kelestarian permainan tradisional atau permainan rakyat perlu dikekalkan untuk generasi akan datang. Namun begitu, permainan sebegini semakin dipinggirkan oleh masyarakat. Jelaskan pernyataan ini.

**Pengenalan:** Permainan tradisional seperti congkak, gasing, wau, galah panjang, batu seremban dan ting-ting bulan, mempunyai keunikan dan keistimewaan yang tersendiri. Namun begitu, ia semakin dipinggirkan

| **Bil** | **Idea** | **Huraian** |
|---|---|---|
| **A** | **Kepentingan melestarikan permainan tradisional** | |
| 1 | Mempertahankan seni warisan bangsa | • Generasi hari ini dapat memahami dan mengetahui sumber permainan tradisional<br>• Merupakan medium hiburan nenek moyang kita<br>• Berbangga mempunyai nilai warisan lama<br>• Melambangkan identiti dan jati diri sesuatu bangsa<br>• Menjadikan aset budaya sesuatu bangsa |

| | | |
|---|---|---|
| 2 | Mengeratkan silaturrahim | • Mementingkan semangat berpasukan dan bertolak ansur semasa bermain<br>• Kebanyakan permainan tradisional ini (congak, gasing, batu seremban, cari cucu) dimainkan secara berpasangan atau berkumpulan<br>• Mewujudkan persefahaman seterusnya mengukuhkan ikatan persaudaraan<br>• Mewujudkan perpaduan dan kemesraan antara kaum. |
| 3 | Mengisi masa lapang dengan aktiviti yang bermanfaat | • Masa senggang remaja dapat diisi dengan aktiviti yang dapat mencerdaskan minda dan mencergaskan anggota badan semasa bermain<br>• Permainan ini bebas daripada elemen keganasan dan menyeronokkan<br>• Membentuk disiplin diri yang tinggi melalui peraturan, permainan yang perlu dipatuhi<br>• Mengurangkan gejala sosial |
| 4 | Melahirkan generasi yang kreatif dan inovatif | • Ada sesetengah permainan tradisional ini telah diubah suai dan dimodenkan dari segi peralatan dan peraturannya<br>• Menghasilkan peralatan/ perkakasan yang lebih menarik dan senang dibawa ke merata tempat<br>• Penampilan baru ini merangsang daya kreativiti dan inovasi dalam permainan tradisional |
| **B** | **Faktor dipinggirkan** | |
| 5 | Tiada pendedahan | • Generasi hari ini tidak didedahkan dengan cara bermain permainan tradisional(tidak tahu cara bermain)<br>• Tiada tujuk ajar daripada ibu bapa atau generasi yang lebih tua<br>• Sikap generasi baru tidak ingin mencuba |
| 6 | Persaingan daripada permainan moden | • Pelbagai permaian moden yang menarik di pasaran (sahibba, catur, tenis, permainan video)<br>• Permainan moden dianggap lebih mencabar, lasak dan lebih berprestij<br>• Permaian moden lebih disukai kerana dianggap sesuatu yang baru dan sentiasa diperbaharui |
| 7 | Tiada nilai komersial | • Permainan tradisional tidak menguntungkan berbanding permainan moden seperti bola sepak, tenis dan golf.<br>• Permainan moden dapat menjana pendapatan lumayan<br>• Tiada penaja untuk mengetengahkan permainan ini kecuali sepak takraw |
| 8 | Hubungan kemasyarakatan yang semakin longgar | • Hal ini kerana kebanyakan permainan ini memerlukan sekumpulan orang untuk bermain<br>• Kekurangan ahli untuk bermain terutama di kawasan bandar<br>• Masyarakat tidak mengenali jiran dan kini lebih suka berkurung di rumah daripada bergaul dengan jiran tetangga |

| | | |
|---|---|---|
| 9 | Kurang tenaga pakar untuk membuat peralatan permainan | • Untuk membuat wau misalnya kita perlukan kepakaran dan kemahiran baik dari segi mencari bahan ataupun membuat permainan tersebut<br>• Untuk membuat congkak dan gasing seseorang memerlukan kayu yang bermutu<br>• Kesilapan dalam memilih bahan atau membuat alat permainan tersebut menyebabkan permainan seperti wau, tidak melayang di udara |

**Kesimpulan:** Permainan tradisional merupakan pusaka bangsa yang harus diketengahkan oleh negara demi mencorakkan Malaysia dengan pelbagai permainan rakyat. Usaha-usaha untuk mengetengahkan harus dirancang oleh pelbagai pihak termasuk kalangan ibu bapa.
**Kombinasi Jawapan : 2+3 / 3+2**

8. Penghayatan dan pengamalan prinsip Rukun Negara adalah penting dalam kalangan semua warganegara Malaysia. Jelaskan

**Pengenalan:** Rukun Negara merupakan ideologi yang dibentuk bagi mewujudkan sebuah masyarakat yang mengamalkan nilai-nilai mulia.

| **Kepentingan Penghayatan dan Pengamalan** | **Huraian** |
|---|---|
| **1. Membentuk perpaduan rakyat** | • Menjadi panduan kepada rakyat pelbagai kaum untuk membentuk perpaduan yang lebih erat<br>• Menjadikan Rukun Negara sebagai pegangan untuk hidup bersama secara harmoni<br>• Mewujudkan perasaan saling menghormati dan bertolak ansur<br>• Bekerjasama dalam menghadapi cabaran |
| **2. Membentuk jiwa patriotik** | • Mendidik rakyat Malaysia supaya mepunyai semangat patriotik yang tebal dan kental<br>• Melahirkan rakyat yang sanggup berkorban mempertahankan kedaulatan negara<br>• Mengutamakan kepentingan negara berbanding kepentingan peribadi dan kelompok tertentu<br>• Memelihara keamanan dan kemakmuran negara |
| **3. Membentuk rakyat berintegriti** | • Membentuk jiwa tenang dan keutuhan rohani dan budi pekerti yang luhur<br>• Mengamalkan nilai kesopanan dan kesusilaan, berdisiplin dan berakhlak<br>• Prinsip Kepercayaan Kepada Tuhan serta Kesopanan dan Kesusilaan boleh membentuk rakyat berintegriti |
| **4. Mencipta sebuah masyarakat yang adil** | • Setiap orang adalah sama taraf di sisi undang-undang / perlembagaan<br>• Setiap anggota masyarakat mempunyai peluang yang sama seperti diperuntukkan oleh perlembagaan<br>• Bebas memiliki kekayaan dan bebas daripada penghambaan dan penindasan pihak yang lain |

| | |
|---|---|
| **5. Memelihara cara hidup demokratik** | • Kebebasan rakyat dijamin oleh perlembagaan<br>• Rakyat mengamalkan sistem demokrasi bagi menentukan kerajaan<br>• Pilihan raya dijalankan secara telus dan bebas bagi memilih kerajaan<br>• Mahkamah bertanggungjawab menyelesaikan pertikaian bagi memelihara hak rakyat |
| **6. Membentuk rasa penghormatan terhadap perlembagaan** | • Menghayati cita-cita dan prinsip perlembagaan<br>• Rakyat memahami, menerima, mematuhi dan mempertahankan perlembagaan<br>• Melahirkan semangat mendaulatkan perlembagaan daripada dipermainkan pihak tertentu<br>• Rakyat berkeyakinan dan berkepercayaan tinggi terhadap sistem pemerintahan negara |
| **7. Membentuk masyarakat yang liberal** | • Menyedari wujudnya kepelbagaian dan meraikan kepelbagaian tersebut<br>• Masyarakat Malaysia bebas mengamalkan budaya dan adat resam<br>• Bertolak ansur dalam aspek tersebut<br>• Kepelbagaian tersebut mempunyai hikmah kewangan sebagai produk pelancongan |

**Kesimpulan:** Rukun Negara perlu difahami, dihayati dan ditunjukkan dalam bentuk tindakan supaya keamanan dan kesejahteraan negara dapat dicapai

**Kombinasi idea : 5 + 0**

# SOALAN PEP. PERCUBAAN PAM 2 2021
# PENTAKSIRAN DAERAH BATU PAHAT

**Bahagian A** [15 markah]

*Jawab **semua** soalan dan tulis jawapan dalam ruang yang disediakan*

1. Huraikan **dua** langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memperkukuhkan penghayatan prinsip Rukun Negara dalam kalangan generasi muda. [4]

   a) ..............................................................................................................................
   ..............................................................................................................................

   b) ..............................................................................................................................
   ..............................................................................................................................

2. Nyatakan **tiga** faktor yang mempengaruhi pertumbuhan ekonomi negara. [ 3 ]

   a) ..............................................................................................................................

   b) ..............................................................................................................................

   c) ..............................................................................................................................

3. Nyatakan **empat** kumpulan yang diberikan keutamaan dalam pelaksanaan Dasar Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 [ 4 ]

   a) ..............................................................................................................................

   b) ..............................................................................................................................

   c) ..............................................................................................................................

   d) ..............................................................................................................................

4. Antara matlamat dasar Telekomunikasi Negara ialah menjadikan Malaysia sebagai pusat telekomunikasi antarabangsa. Huraikan **dua** kesan jika pelaksanaan dasar ini disalahgunakan. [ 4 ]

   a) ..............................................................................................................................
   ..............................................................................................................................

   b) ..............................................................................................................................
   ..............................................................................................................................

**Bahagian B** [20 *markah*]

*Jawab* **satu** *soalan sahaja dalam bahagian ini. Jawapan hendaklah dibuat pada kertas graf*

5. Berdasarkan petikan di bawah, sediakan carta yang sesuai untuk menunjukkan **perbandingan peruntukan** Kerajaan Persekutuan bagi sektor sosial antara Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-2000) dengan Rancangan Malaysia Kelapan (2001-2005).

Nilai peruntukan sektor sosial dalam Rancangan Malaysia Kelapan ialah sebanyak 34%, iaitu mencecah ke angka RM37 518.1 juta berbanding dengan peruntukan sejumlah RM32 156.0 juta dalam Rancangan Malaysia sebelumnya. Jumlah ini, yang masih tertakluk kepada tambahan tertentu dari setahun ke setahun, adalah kira-kira satu pertiga daripada keseluruhan peruntukan belanjawan bagi menjayakan Rancangan Malaysia berkenaan.

Sektor terpenting yang mendapat peruntukan terbesar ialah sektor pendidikan dan latihan iaitu sebanyak RM20 185.8 juta dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dan meningkat kepada RM22 660 juta untuk Rancangan Malaysia Kelapan.

Peruntukan bagi sektor-sektor lain adalah jauh lebih kecil. Sektor kesihatan yang menjadi sektor sosial kedua terpenting menerima peruntukan sebanyak RM5550.0 juta berbanding dengan RM3737.1 juta yang diperuntukkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Sektor perumahan yang merupakan sektor ketiga terpenting telah diperuntukkan sebanyak RM3372.4 juta dalam Rancangan Malaysia Ketujuh bertambah menjadi RM4223.3 juta dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Seterusnya sektor yang mendapat peruntukan tambahan yang agak besar ialah sektor kerajaan tempatan dan khidmat kebajikan iaitu daripada 5.05% meningkat kepada 7.80% dalam Rancangan Malaysia Kelapan.

Semua sektor sosial yang lain telah dikurangkan peruntukan masing-masing. Sektor yang agak ketara dalam hal ini ialah sektor kebudayaan, belia, dan sukan yang peruntukannya dikurangkan daripada RM1350.4 juta dalam Rancangan Malaysia Ketujuh kepada RM943.3 juta dalam Rancangan Malaysia Kelapan.

Dalam perancangan awal Rancangan Malaysia Kelapan, tidak ada peruntukan dibuat untuk tujuan pembelian tanah berbanding peruntukan yang dibuat dalam Rancangan Malaysia sebelumnya, iaiatu sebanyak RM67.9 juta. Peruntukan bagi sektor penerangan dan penyiaran adalah kecil sahaja. Walaupun peratusannya merosot tetapi jumlah peruntukan sebenarnya bertambah daripada RM246.2 juta dalam Rancangan Malaysia Ketujuh kepada RM254.1 juta dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Jumlah selebihnya adalah untuk sektor-sektor lain.

*(*Dipetik dan diubahsuaikan daripada *Rancangan Malaysia Kelapan,* 2001-2005*)*

6. Berdasarkan petikan di bawah, sediakan graf yang sesuai untuk menunjukkan **pendapatan penengah bulanan** isi rumah mengikut kumpulan etnik dan **aliran jurang pendapatan** antara kumpulan etnik pada tahun 2009, tahun 2012, tahun 2014 dan tahun 2016.

Struktur ekonomi sejak dua dekad lalu mengembangkan jurang pendapatan dalam kalangan rakyat, sama ada antara kumpulan pendapatan, kumpulan etnik, wilayah mahupun dalam rantaian bekalan. Jurang pendapatan antara etnik, sama ada etnik Bumiputera kepada etnik Cina, mahupun etnik India kepada Cina yang berkembang antara 3.5 hingga 4 kali ganda sepanjang 27 tahun lalu menjadi antara cabaran besar yang dihadapi oleh negara.

Pendapatan penengah bulanan isi rumah bagi kumpulan etnik Bumiputera, Cina, dan India pada tahun 2009 masing-masing sebanyak RM2534, RM3643, dan RM2853. Hal ini menunjukkan jurang pendapatan antara kumpulan etnik India-Cina RM790, manakala etnik Bumiputera-India sebanyak RM319 pada tahun tersebut.

Pada tahun 2012, pendapatan penengah bulanan isi rumah bagi kumpulan etnik Bumiputera ialah RM3282, lebih rendah berbanding pendapatan penengah bulanan isi rumah bagi kumpulan etnik Cina dan India yang masing-masing mencatatkan sebanyak RM4643 dan RM3676. Maka jurang pendapatan antara kumpulan etnik Bumiputera-Cina pada tahun ini adalah RM1361, India-Cina pula RM967, dan antara kumpulan etnik Bumiputera-India sebanyak RM394.

Kumpulan etnik Cina terus mencatatkan pendapatan penengah bulanan isi rumah yang tertinggi, iaitu RM5708, berbanding etnik Bumiputera sebanyak RM4214 dan etnik India pula RM4627 pada tahun 2014. Pendapatan penengah bulanan isi rumah mengikut etnik ini turut menggambarkan jurang pendapatan antara kumpulan etnik juga semakin meningkat. Jurang pendapatan antara kumpulan etnik Bumiputera-Cina pada tahun ini adalah RM1494, India-Cina pula RM1081, dan antara kumpulan etnik Bumiputera-India sebanyak RM413.

Jurang pendapatan antara kumpulan etnik terus melebar pada tahun 2016. Keadaan ini jelas dilihat daripada pendapatan penengah bulanan isi rumah bagi setiap kumpulan etnik. Pendapatan penengah bulanan isi rumah bagi Bumiputera adalah sebanyak RM4846, RM5428 bagi etnik India, dan bagi etnik Cina pula sebanyak RM6582.

Menangani jurang kekayaan dan pendapatan supaya rakyat yang ketinggalan dapat dibawa bersama dalam arus kemajuan negara, nasib mereka terbela dan keupayaan ekonomi mereka diperkasakan menjadi antara justifikasi kerajaan melancarkan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

(Disesuaikan daripada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan
Jabatan Perangkaan Malaysia, 2019)

**BAHAGIAN C** [25 markah]

*Jawab* **satu** *daripada tajuk di bawah ini dan tulis karangan yang panjangnya antara 300 hingga 350 patah perkataan. Calon hendaklah mengemukakan* **lima** *isi atau idea sahaja bagi karangan yang dihasilkan.*

7. Salah satu prinsip dalam Rukun Negara ialah 'Kepercayaan Kepada Tuhan' yang merujuk kepada pegangan hidup dan penghayatan keagamaan. Prinsip ini jelas menunjukkan bahawa agama penting sebagai panduan hidup namun masih terdapat masyarakat yang mengabaikannya. Bincangkan. [ 25 ]
8. Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah ( PdPR ) dalam pendidikan negara menghadapi pelbagai cabaran. Bagi memastikan kelancarannya, pelbagai usaha perlu dilakukan. Jelaskan. [ 25 ]

# SKEMA PEP. PERCUBAAN PAM 2 2021
# PENTAKSIRAN DAERAH BATU PAHAT

**BAHAGIAN A (15 markah)**

1. Huraikan **dua** langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memperkukuhkan penghayatan prinsip Rukun Negara dalam kalangan generasi muda [ 4 ] ***Skema Jawapan***

| **Bil** | **Isi / Idea** | **Huraian** |
|---|---|---|
| 1 | Kempen kesedaran | • Melalui pelbagai media massa seperti cetak dan elektronik secara berterusan bagi meningkatkan penghayatan ideologi Rukun Negara |
| 2 | Pendidikan | • Menekan aspek-aspek prinsip dan matlamat Rukun Negara dalam matapelajaran seperti sejarah dan dalam setiap program kokurikulum<br>• Memberi dan mendidik pelajar agar memahami, menghayati, dan mengamalkan Rukun Negara dalam kehidupan |
| 3 | Program penghayatan Rukun Negara di peringkat sekolah / universiti | • Memperkaya pengetahuan, pemahaman, penghayatan dan pengamalan Rukun Negara di kalangan pelajar / mahasiswa dalam semua aktiviti di sekolah / universiti<br>• Meningkatkan kesedaran pelajar / mahasiswa untuk mempraktikkan prinsip Rukun Negara |

Jawapan : Mana-mana **2 isi / idea**

2. Nyatakan **tiga** faktor yang mempengaruhi pertumbuhan ekonomi negara [ 3 ]

| **BIL.** | **ISI/IDEA** |
|---|---|
| 1 | Pendidikan |
| 2 | Pelaburan asing |
| 3 | Tenaga buruh |
| 4 | Teknologi moden / tinggi |
| 5 | Pasaran |
| 6 | Kestabilan politik |
| 7 | Dasar kerajaan |
| 8 | Penyelidikan dan pembangunan ( R&D ) / Inovasi |
| 9 | Prasarana / infrastruktur yang lengkap / mencukupi / moden |
| 10 | Sumber bahan mentah |

3. Nyatakan **empat** kumpulan yang diberikan keutamaan dalam perlaksanaan Dasar Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. [ 4 ]

| **Bil** | **Idea / Isi** |
|---|---|
| 1. | Kumpulan B40 / miskin tegar / rentan ekonomi |
| 2. | Masyarakat dalam transisi ekonomi |
| 3. | Masyarakat Orang Asli |
| 4. | Bumiputera Sabah dan Sarawak |
| 5 | Orang Kurang Upaya |
| 6 | Belia |

| | |
|---|---|
| 7 | Wanita |
| 8 | Kanak-kanak |
| 9 | Warga emas |

4. Antara matlamat dasar Telekomunikasi Negara ialah menjadikan Malaysia sebagai pusat telekomunikasi antarabangsa. Huraikan **dua** kesan jika perlaksanaan dasar ini disalahgunakan. [4]

| **Bil** | **Idea / Isi** | **Huraian** |
|---|---|---|
| 1 | Mengancam keselamatan | Keselamatan negara tergugat akibat ruang fitnah berleluasa |
| 2 | Penularan gejala negatif | Gejala negatif sukar dibendung kerana sistem tanpa sempadan |
| 3 | Penggodaman | Sukar mengatasi penggodaman kerana sistem dikuasai oleh pihak yang dirasuah. |
| 4 | Maklumat sulit negara tersebar | Maklumat sulit negara tersebar luas ke negara luar. |
| 5 | Menjejaskan perpaduan | Perpaduan akan terjejas kerana pertelingkahan pihak-pihak tertentu dalam institusi kepimpinan. |

Jawapan : Mana-mana **2 isi / idea**

**Soalan 5**

**MALAYSIA : PERBANDINGAN PERUNTUKAN KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SEKTOR SOSIAL ANTARA RANCANGAN MALAYSIA KETUJUH (1996-2000) DENGAN RANCANGAN MALAYSIA KELAPAN (2001-2005)**

| Sektor | Rancangan Malaysia Ketujuh | | | Rancangan Malaysia Kelapan | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | Peruntukan (RM Juta) | Peratus (%) | Sudut (°) | Peruntukan (RM Juta) | Peratus (%) | Sudut (°) |
| Pendidikan dan Latihan | 20185.8 | 62.77 | 225.99 | 22660.0 | 60.40 | 217.43 |
| Kesihatan | 3737.1 | 11.62 | 41.84 | 5550.0 | 14.79 | 53.25 |
| Perumahan | 3372.4 | 10.49 | 37.76 | 4223.3 | 11.26 | 40.52 |
| Kerajaan Tempatan dan Khidmat Kebajikan | 1623.9 | 5.05 | 18.18 | 2926.4 | 7.80 | 28.08 |
| Kebudayaan Belia dan Sukan | 1350.4 | 4.20 | 15.12 | 943.3 | 2.51 | 9.05 |
| Pembelian Tanah | 67.9 | 0.21 | 0.76 | - | - | - |
| Penerangan dan Penyiaran | 246.2 | 0.77 | 2.76 | 254.1 | 0.68 | 2.44 |
| Sektor-sektor lain | 1572.3 | 4.89 | 17.60 | 961 | 2.56 | 9.22 |
| Jumlah | 32156.0 | 100 | 360 | 37518.1 | 100 | 360 |

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada *Rancangan Malaysia Kelapan*, 2001-2005)

Nisbah Jejari : $1 : \sqrt{\frac{37518.1}{32156.0}}$

$1 : 1.08$

## MALAYSIA : PERBANDINGAN PERUNTUKAN KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SEKTOR SOSIAL ANTARA RANCANGAN MALAYSIA KETUJUH (1996-2000) DENGAN RANCANGAN MALAYSIA KELAPAN (2001-2005)

**RANCANGAN MALAYSIA KE 7 (1996-2000)** | **RANCANGAN MALAYSIA KE 8 (2001-2005)**




JUMLAH : RM32156.0 juta

JUMLAH : RM37518.1 juta

Nisbah Jejari = 1 : 1.08

Petunjuk :

- Pendidikan dan Latihan
- Kesihatan
- Perumahan
- Kerajaan Tempatan dan Khidmat Kebajikan
- Kebudayaan Belia dan Sukan
- Pembelian Tanah
- Penerangan dan Penyiaran
- Sektor-sektor lain

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada *Rancangan Malaysia Kelapan, 2001-2005*)

**MALAYSIA : PENDAPATAN PENENGAH BULANAN ISI RUMAH MENGIKUT KUMPULAN ETNIK DAN ALIRAN JURANG PENDAPATAN ANTARA KUMPULAN ETNIK PADA TAHUN 2009, TAHUN 2012, TAHUN 2014 DAN TAHUN 2016**

| Tahun / Kumpulan etnik | Pendapatan penengah bulanan isi rumah (RM) | | | |
|---|---|---|---|---|
| | 2009 | 2012 | 2014 | 2016 |
| Bumiputera | 2 534 | 3 282 | 4 214 | 4 846 |
| Cina | 3 643 | 4 643 | 5 708 | 6 582 |
| India | 2 853 | 3 676 | 4 627 | 5 428 |
| | | | | |
| Kumpulan etnik | Jurang pendapatan antara kumpulan etnik (RM) | | | |
| Bumiputera - Cina | 1 109 | 1 361 | 1 494 | 1 736 |
| India - Cina | 790 | 967 | 1 081 | 1 154 |
| Bumiputera - India | 319 | 394 | 413 | 582 |

(Disesuaikan daripada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan Jabatan Perangkaan Malaysia, 2019)



**BAHAGIAN C (25 markah)**

*Jawab* **satu** *daripada tajuk di bawah ini dan tulis karangan yang panjangnya antara 300 hingga 350 patah perkataan. Calon hendaklah mengemukakan* **lima** *isi atau idea sahaja bagi karangan yang dihasilkan.*

7. Salah satu prinsip dalam Rukun Negara ialah 'Kepercayaan Kepada Tuhan' yang merujuk kepada pegangan hidup dan penghayatan keagamaan. Prinsip ini jelas menunjukkan bahawa agama penting sebagai panduan hidup namun terdapat masyarakat yang mengabaikannya. Bincangkan. [25]

**Pendahuluan:** 'Kepercayaan Kepada Tuhan' merupakan salah satu daripada Rukun Negara yang merujuk kepada pegangan hidup dan penghayatan keagamaan yang menjadi panduan kepada rakyat Malaysia. Namun begitu, kini wujud pengabaian yang ketara terhadap aspek ini dalam kalangan masyarakat.

| **Bil** | **Idea/isi** | **Huraian** |
|---|---|---|
| **A. Kepentingan agama sebagai panduan hidup** | | |
| 1 | Membendung gejala sosial atau jenayah | • Amalan dan penghayatan agama akan mewujudkan perasaan bersalah dan berdosa jika melakukan sesuatu yang bertentangan dengan agama.<br>• Seperti berzina, pergaulan bebas, "lesbian", "gay", jenayah dan lain-lain.<br>• Perasan insaf dan bertaubat. |
| 2 | Melahirkan individu yang mempunyai nilai moral / nilai murni yang tinggi | • Membentuk individu yang mempunyai akhlak dan sahsiah yang baik.<br>• Sentiasa mematuhi peraturan dan undang-undang.<br>• Berbudi pekerti, menghormati orang lain, bertanggungjawab, berdedikasi, bertolak ansur. |
| 3 | Melahirkan keluarga yang harmoni/bahagia | • Ibu bapa yang mementingkan ajaran agama dalam kehidupan berkeluarga akan melahirkan keluarga yang harmoni.<br>• Anak-anak menghormati ibu bapa, mempunyai akhlak yang baik, bertanggungjawab, mempunyai nilai kasih sayang yang tinggi. |
| 4 | Mewujudkan masyarakat yang bersatu padu | • Agama mengajar penganutnya supaya menghormati orang lain.<br>• Wujud sikap bertolak ansur, tolong menolong walaupun berlainan agama dan budaya.<br>• Pergaduhan dan perselisihan faham dapat dielakkan.<br>• Masyarakat hidup dalam keadaan aman dan harmoni. |
| 5 | Mengisi kekosongan jiwa | • Mengamalkan ajaran agama dalam kehidupan seharian<br>• Mewujudkan jiwa tenang, dapat berfikir dan bertindak secara rasional, mampu berhadapan dengan tekanan.<br>• Mengawal nafsu, menghindari perasaan hasad dengki, perasan marah dan keinginan yang negatif.<br>• Dapat menjalani kehidupan dengan tenang. |
| **B. Faktor pengabaian agama sebagai panduan hidup** | | |

| | | |
|---|---|---|
| 6. | Pengaruh budaya hedonisme/hiburan/ keseronokan | • Mementingkan hiburan/ keseronokan semata-mata.<br>• Golongan muda kini lebih cenderung mengamalkan budaya berhibur dan berfoya-foya.<br>• Agama dianggap sebagai amalan ketinggalan zaman dan tidak sesuai dengan jiwa mereka. |
| 7 | Kurang penghayatan agama | • Ibu bapa tidak mengamalkan kehidupan beragama.<br>• Tiada penghayatan beragama, tidak menerapkan agama dalam kehidupan berkeluarga.<br>• Memberi kebebasan sepenuhnya kepada anak-anak.<br>• Anak-anak tiada pegangan agama yang kukuh. |
| 8 | Keruntuhan institusi kekeluargaan | • Ibu bapa gagal menjadi suri teladan kepada anak-anak.<br>• Kegagalan ibu bapa mendidik anak-anak.<br>• Keluarga porak peranda, bercerai berai, pengabaian anak-anak.<br>• Hilang kepercayaan terhadap agama. |
| 9 | Sikap materialistik | • Masyarakat kini terlalu mementingkan kebendaan dan bersikap materialistik.<br>• Terlalu sibuk bekerja untuk mendapatkan pendapatan / keuntungan yang lebih.<br>• Kurang mengamalkan ajaran agama.<br>• Anggapan agama sebagai anutan semata-mata dan tiada penghayatan. |
| 10 | Pengaruh media massa | • Pengaruh media sosial seperti facebook, instagram, blog, twitter dsb.<br>• Terpengaruh dengan pemikiran yang menidakkan agama seperti "Free Thinker", "Atheis", "Black Metal", "Gothic", golongan LGBT.<br>• Terpengaruh dengan budaya yang negatif seperti pergaulan bebas, penagihan dadah, minum arak. |

**Kesimpulan:** Pegangan agama penting sebagai panduan hidup yang lebih tenang dan harmoni. Oleh hal yang demikian, setiap masyarakat haruslah sedar tentang keperluan agama dalam kehidupan.

**Jawapan / skema: 2 + 3 atau 3 + 2**

8. Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah ( PdPR ) dalam pendidikan negara menghadapi pelbagai cabaran. Bagi memastikan kelancarannya, pelbagai usaha perlu dilakukan. Jelaskan. [ 25 ]

**Skema jawapan**

**Pengenalan :** Bermula pada tahun 2020 sehingga kini, sistem pendidikan negara sememangnya melalui satu fasa yang mencabar dalam mendepani wabak Covid 19. Pelbagai usaha perlu diambil bagi memastikan proses PdPR berjalan lancar

| . Idea | Huraian |
|---|---|
| **Cabaran**<br>1. Halangan bersemuka | • Proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih sukar<br>• Pelajar terpaksa mengikuti pembelajaran secara dalam talian |

| | |
|---|---|
| | • Tanpa persediaan yang teliti dan wujud kekangan lain menyebabkan proses Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) tidak mencapai hasil yang optimum<br>• Pelajar tidak fokus dan kurang memberi tumpuan. |
| 2. Kekangan peranti | • Keberkesanan PdPR agak terhad jika dibandingkan dengan kaedah bersemuka memandangkan guru dan pelajar perlu menjadikan peralatan TMK sebagai medium penting dalam proses pengajaran dan pemebelajaran<br>• Kumpulan pelajar yang lain terkesan ialah komuniti miskin yang mendiami kawasan luar bandar<br>• Sebahagian pelajar terpaksa bergilir-gilir menggunakan komputer dengan adik - beradik yang lain |
| 3. Kemahiran digital yang terhad dalam kalangan guru | • Sebahagian besar guru kurang mahir dalam pengendalian teknologi digital<br>• Mereka terpaksa menyesuaikan diri dengan proses pengajaran secara dalam talian<br>• Wujud masalah komunikasi dan penggunaan aplikasi pembelajaran<br>• Guru berdepan pelbagai tekanan daripada pelbagai pihak terutamanya pihak ibu bapa |
| 4. Capaian internet yang terhad / lemah | • Cabaran yang sangat besar bagi pelajar luar bandar dan guru yang mengajar di kawasan luar bandar<br>• Tidak semua pelajar serta keluarga pelajar mempunyai akses capaian internet<br>• Pelajar tidak dapat melaksanakan tugas yang diberikan oleh guru secara dalam talian dan akan menyebabkan pelajar keciciran dalam pelajaran<br>• Merisikokan nyawa dan keselamatan pelajar kerana terpaksa keluar dari kawasan kediaman untuk mencari capaian internet yang bagus |
| 5.Suasana PdPR yang tidak kondusif | • Suasana rumah memberi kesan kepada PdPR<br>• Rumah yang kecil dan berkongsi bilik dengan adik beradik lain menyebabkan suasana riuh.<br>• Menimbulkan suasana yang tidak selesa, menyukarkan murid fokus ketika sesi e-pembelajaran. |
| 6.Sikap pelajar | • Rutin pelajar bersemuka menyukarkan murid untuk berubah. Penyertaan pelajar dalam setiap e pembelajaran juga sangat mengecewakan.<br>• Pelajar bersikap tidak berdisiplin, sambil lewa, kehadiran rendah, masuk dan keluar ketika sesi e pembelajaran sesuka hati.<br>• Tiada motivasi untuk belajar. |
| 7.Kerjasama ibu bapa | • Terdapat segelintir ibu bapa yang mengambil sikap tidak berkerjasama dengan guru untuk memastikan anak-anak mereka mengikuti sesi PdPR. |

| | |
|---|---|
| | • Ini menyebabkan anak-anak tidak bersemangat / bersungguh-sungguh dalam kelas.<br>• Ada ibu bapa yang merasa terbeban untuk mengawasi anak-anak ketika sesi e pembelajaran atau membantu anak-anak mereka untuk menyiapkan kerja sekolah. |
| **Usaha**<br>8. Meningkatkan kompetensi/kecekapan / kemahiran guru | • Sifat luhur yang dimiliki oleh majoriti guru menjadikan mereka bersedia untuk mengajar dalam sebarang situasi<br>• Sentiasa bersedia dalam apa-apa jua situasi dalam memastikan kemenjadian murid tercapai.<br>• KPM mempergiat lagi latihan pengendalian pengajaran dan pembelajaran supaya guru memiliki kemahiran terbaik. |
| 9. Memperkasa TV pendidikan | • Mengukuhkan pemahaman dan pengetahuan sedia ada pelajar<br>• Menampilkan guru-guru yang cemerlang dari serata negeri dalam subjek tertentu<br>• Memberikan ruang alternatif bagi murid yang mengikuti pembelajaran secara sehala<br>• Hampir setiap isi rumah memiliki televisyen, maka liputan kepada para pelajar melalui televisyen adalah lebih luas berbanding paltform dalam talian<br>• Contoh rancangan pembelajaran digital menerusi televisyen ialah Didik TV KPM yang ditayangkan di saluran ntv7. |
| 10. Meningkatkan bantuan | • Peruntukan sebanyak RM150 juta melalui Belanjawan 2021 untuk Tabung CERDIK bagi pemberian komputer riba kepada 150 ribu orang pelajar daripada 500 buah sekolah perlu dimanfaatkan secara maksimum<br>• Pelajar IPT yang mendapat pinjaman PTPTN boleh membuat pinjaman untuk membeli komputer riba melalui Bank Simpanan Nasional (BSN)<br>• Kerajaan turut memperuntukkan sebanyak RM100 juta bagi pembiayaan Skim BSN MyRinggit-iCOMSIS untuk pembelian komputer riba dengan keuntungan serendah dua peratus setahun |
| 11. Meningkatkan akses capaian internet | • Proses pembelajaran menggunakan capaian internet memerlukan hampir satu gigabait (GB) data bagi tempoh satu jam pembelajaran<br>• Data internet penting untuk memuat turun pelbagai bahan pembelajaran, memuat naik bahan untuk menghantar tugasan, mengadakan perbincangan kumpulan dan sebagainya<br>• Data intermet umpama nyawa bagi kesinambungan pembelajaran sepanjang tempoh pandemik COVID-19 |

| | |
|---|---|
| | • Menerusi Belanjawan 2021, Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) dipertanggugjawabkan untuk membangunkan strategi digital nasional yang menyeluruh.<br>• Program Jaringan PRIHATIN dan Inisiatif Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) |
| 12.Peranan ibu bapa | • Membantu anak-anak mendapatkan maklumat berkaitan sesi PdPR<br>• Membantu anak-anak mengkakses DELIMa, TV pendidikan dan lain-lain medium pendidikan digital<br>• Menyusun jadual anak-anak dan ibu bapa<br>• Berkongsi kekangan yang dihadapi dengan guru-guru<br>• Memberi kerjasama sepenuhnya kepada pihak sekolah<br>• Menyediakan ruang pembelajaran yang kondusif dan sesuai<br>• Membantu anak-anak dari segi pengurusan emosi dan kesediaan anak-anak dalam mengikuti PdPR |

**Kesimpulannya** : Kerjasama semua pihak amat diperlukan bagi memastikan proses PdPR berjalan lancar seperti yang diharapkan.

**Jawapan / skema : 2+3 / 3+2**

# SOALAN PEP. PERCUBAAN PAM 2 2021
# SMK SEBERANG JAYA

**BAHAGIAN A** [15 markah ]

*Jawab* **semua** *soalan.*

1. Terangkan **dua** langkah untuk membangunkan modal insan ke arah Malaysia mencapai status negara maju. [4]

   i. ……………………………………………………………………………………………………………
   ……………………………………………

   ii. ……………………………………………………………………………………………………………
   ……………………………………………

2. Nyatakan **empat** usaha kerajaan bagi mencapai negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. [4]

   i. ………………………………………………………………………………

   ii. ………………………………………………………………………………

   iii. ………………………………………………………………………………

   iv. ………………………………………………………………………………

3. Nyatakan **tiga** cara kerajaan untuk mengukuhkan pengurusan kewangan awam. [3]

   i. ………………………………………………………………………………

   ii. ………………………………………………………………………………

   iii. ………………………………………………………………………………

4. Jelaskan **dua** faktor penghalang kepada integrasi kaum. [4]

   i. ……………………………………………………………………………………………………………
   ……………………………………………

   ii. ……………………………………………………………………………………………………………
   ………………………………………………………………………………………

**Bahagian B** [20 markah]

*Jawab* **satu** *soalan sahaja dalam bahagian ini. Jawapan hendaklah dibuat pada kertas graf.*

5. Berdasarkan maklumat yang terdapat dalam petikan di bawah, sediakan satu graf yang sesuai untuk menunjukkan **aliran perubahan** nilai eksport setiap barang pembuatan bagi tempoh tahun 2015 hingga tahun 2018.

Salah satu sumber pendapatan negara Malaysia yang penting ialah eksport barang pembuatan kilangnya yang kebanyakannya berasaskan bahan-bahan tempatan. Pada tahun 2015 misalnya, daripada keseluruhan nilai eksport barang tersebut yang berjumlah RM18,286 juta, RM5,966 juta adalah nilai eksport barang makanan, RM3,285 juta barang petroleum, RM2,468 juta barang kimia, RM2,354 juta barang getah, RM2,247 juta barang kayu, RM1,271 juta galian bukan logam dan selebihnya adalah eksport minuman.

Pada tahun 2016, eksport barang berasaskan getah terus menunjukkan jumlah yang sentiasa meningkat , iaitu menjadi RM2,803 juta, meningkat sebanyak RM296 juta pada tahun berikutnya dan meningkat sebanyak RM1,284 juta pada tahun 2018. Barang kayu juga terus meningkat mengikut pola yang sama iaitu meningkat RM440 juta pada tahun 2016, mencapai paras RM3,273 juta pada tahun 2017 dan meningkat lagi sebanyak RM1,249 juta pada tahun 2018.

Pertambahan nilai eksport barangan makanan lebih mendatar iaitu sebanyak RM6,173 juta pada tahun 2016, RM6,241 juta pada tahun 2017 dan RM6,684 juta pada tahun berikutnya. Demikian juga, nilai eksport barang kimia mencapai paras RM2,880 juta pada tahun 2016, meningkat sebanyak RM425 juta pada tahun 2017 dan terus meningkat kepada RM3,470 juta pada tahun 2018.

Nilai eksport barang petroleum adalah sederhana iaitu meningkat sebanyak RM241 juta pada tahun 2016 berbanding dengan tahun sebelumnya. Nilai eksport barang petroleum terus meningkat menjadi RM3,851 juta pada tahun 2017. Pada tahun 2018, eksport barang peroleum telah bertambah sebanyak RM500 juta berbanding tahu sebelumnya. Eksport minuman pula agak tidak stabil iaitu meningkat sebanyak RM70juta pada tahun 2016 dan RM38 juta pada tahun 2017, tetapi disebabkan masalah teknikal, eksport barang-barang minuman merosot sebanyak RM17 juta pada tahun 2018 berbanding tahun sebelumnya.

Sementara itu, eksport galian bukan logam telah meningkat sebanyak RM252 juta pada tahun 2016 tetapi merosot sedikit ke paras RM1,498 juta pada tahun 2017 dan meningkat semula sebanyak RM147 juta pada tahun berikutnya.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada Kajian Separuh Penggal
Rancangan Malaysia Kesebelas 2016 hingga 2020)

6. Berdasarkan maklumat dalam petikan di bawah ini, sediakan graf yang sesuai untuk menunjukkan **jumlah produk** dan **perolehan** keuntungan berasaskan ikan yang dikeluarkan oleh perusahaan kecil dan sederhana (PKS) bagi tahun-tahun yang dinyatakan.

Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) merupakan salah satu usaha kerajaan untuk membangunkan ekonomi tempatan terutamanya di kawasan luar bandar. Sungguhpun perusahaan ini tidak banyak memasarkan produk mereka dalam pasaran antarabangsa, namun perolehannya boleh dibanggakan kerana dapat bertahan meskipun negara dilanda tempias ekonomi akibat krisis ekonomi dunia.

Pada tahun 2013, ketika negara Malaysia menampakkan pertumbuhan ekonomi rancak sejak kegawatan ekonomi dan krisis mata wang pada tahun 1997 dan 1998; PKS meneruskan kesinambungan fungsinya untuk memajukan perusahaan berasaskan ikan ini. Pada tahun ini, sebanyak 18,500 tan metrik produk berasaskan ikan telah dikeluarkan, termasuk 11,700 tan metrik produk ikan laut dan yang selebihnya ikan air tawar. Pengeluaran ini dilihat sangat besar lebih-lebih lagi dengan keuntungan yang diperoleh sebanyak RM12.0 juta.

Pada tahun 2014, PKS telah meningkatkan pengeluarannya sebanyak 16,500 tan metrik lagi berikutan permintaan yang menggalakkan. Pengeluaran ikan laut adalah sebanyak 22,200 tan metrik. Nilai keuntungan yang diperoleh juga telah bertambah sebanyak RM13.0 juta lagi; iaitu kira-kira dua kali ganda daripada keuntungan yang diperoleh daripada tahun sebelumnya.

Nasib masih lagi menyebelahi PKS apabila produk berasaskan ikan ini terus mendapat sambutan. Hal ini dapat dilihat dengan pertambahan produk keluarannya pada tahun 2015 sebanyak 10,000 tan metrik iaitu pengeluaran ikan laut sebanyak 28,000 tan metrik, dengan keuntungan yang lebih lumayan iaitu pertambahan sebanyak 31.0 peratus dan nilai ini merupakan satu petunjuk prestasi yang amat memberangsangkan untuk awal dekad ini.

Strategi pemasaran yang berkesan telah memungkinkan lagi penerimaan pengguna terhadap produk berasaskan ikan ini. Pertambahan sebanyak 23,100 tan metrik berbanding dengan tahun sebelumnya menandakan prestasi ekonomi Malaysia yang kian pulih walaupun bukan secara keseluruhannya. Produk ikan air tawar merangkumi 21,300 tan metrik daripada jumlah tersebut. Pada tahun 2016 ini juga perolehan PKS telah melonjak menjadi RM 67.0 juta.

Produk berasaskan ikan ini sememangnya sinonim dengan masyarakat Malaysia, namun tidak ramai pengusaha yang berani tampil ke hadapan dalam usaha untuk mengkomersialkannya. Oleh hal yang demikian, langkah PKS untuk mengeluarkan dan memasarkan produk sebegini hadir tepat pada waktunya. Keadaan ini dapat dilihat dengan jumlah keluarannya pada tahun 2017 telah mencecah 84,400 tan metrik dengan keuntungan sebanyak RM123.0 juta. Daripada jumlah tersebut, produk ikan laut adalah sebanyak 75.0%.

Prestasi yang membanggakan turut diunjurkan pada tahun 2018. Unjuran pengeluaran produk ini pada tahun 2018 merupakan pengeluaran tertinggi iaitu pertambahan sebanyak 68,000 tan metrik. Daripada jumlah tersebut, pengeluaran produk ikan air tawar adalah sebanyak 113,900 tan metrik. Unjuran ini merupakan pengeluaran tertinggi yang pernah dicatatkan sepanjang tempoh pemulihan ekonomi negara. Dengan unjuran ini, PKS turut berbangga dengan unjuran perolehan keuntungan sebanyak RM255.0 juta.

(Disesuaikan daripada Laporan Ekonomi Malaysia, 2018)

**Bahagian C** [25 markah]

*Jawab* **satu** *soalan sahaja.Tulis karangan yang panjangnya antara 300 hingga 350 patah perkataan. Calon hendaklah mengemukakan* **lima** *isi atau idea sahaja bagi karangan yang dihasilkan.*

7. Selain memperbanyak peluang pekerjaan kepada masyarakat kita, kualiti kehidupan masyarakat negara maju boleh ditingkatkan melalui pelbagai langkah lain di negara kita. Jelaskan. [25]

8. Penggubalan Dasar Telekomunikasi Negara telah membuka ruang kepada negara untuk menuju ke arah penguasaan teknologi maklumat. Bincangkan kepentingan teknologi maklumat dalam konteks kehidupan harian manusia. [25]

# SKEMA PEP. PERCUBAAN PAM 2 2021
# SMK SEBERANG JAYA

**BAHAGIAN A ( 15 MARKAH)**

1. Terangkan dua langkah untuk membangunkan modal insan ke arah Malaysia mencapai status negara maju. [4]
   a) **Meningkatkan pendidikan berkualiti**. Mentransformasikan sistem pendidikan, menghasilkan modal insan yang berkualiti, merupakan asas kepada K- ekonomi.
   b) **Meningkat kemahiran**. Menyediakan pusat-pusat latihan, memberi pendedahan kemahiran di luar negara.
   c) **Meningkatkan kepakaran**. Membawa plang pakar-pakar tempatan yang bertugas di luar negara, memberi peluang meningkatkan kepakaran.
   d) **Meningkatkan nilai dan etika kerja**. Menerapkan nilai integriti, mengukuhkan jati diri.

2. Nyatakan empat usaha kerajaan bagi mencapai **negara berpendapatan tinggi** menjelang tahun 2020. [4]
   (a) Membangunkan modal insan
   (b) Menyediakan infrastruktur
   (c) Menyediakan infostruktur
   (d) Meningkatkan pelaburan
   (e) Merancakkan pertumbuhan sector ekonomi baharu
   (f) Meningkatkan penyelidikan dan pembangunan (R&D)
   (g) Mendapatkan penarafan global

3. Nyatakan tiga cara **kerajaan untuk mengukuhkan pengurusan kewangan awam**. [3m]
   a. Berbelanja secara berhemah.
   b. Menguruskan pendapatan dengan cekap.
   c. Menjalankan pemantauan pengurusan kewangan awam.
   d. Menggunakan teknologi moden dalam pemungutan cukai.
   e. Memantapkan pengurusan kewangan awam.

4. Jelaskan dua faktor penghalang kepada integrasi kaum. [4m]
   a. **Kawasan penempatan**. Penempatan kaum secara berkelompok mengikut kawasan yang berbeza menjadi penghalang pergaulan dan komunikasi.
   b. **Ekonomi**. Kaum dikenali mengikut jenis pekerjaan dan hal ini mewujudkan jurang perbezaan dari segi status ekonomi.
   c. **Pendidikan.** Kewujudkan sekolah venikular mengasingkan kaum dan menyukarkan perpaduan.
   d. **Sikap perkauman**. Anggota masyarakat berpegang teguh kepada sikap perkauman dan hal ini menyukarkan integrasi.

## BAHAGIAN B ( 20 MARKAH)

SKEMA JAWAPAN BAHAGIAN B (Soalan 5)

### *GRAF GARIS KOMPAUN

**MALAYSIA: ALIRAN PERUBAHAN NILAI EKSPORT SETIAP BARANG PEMBUATAN BAGI TEMPOH TAHUN 2015 HINGGA TAHUN 2018**

| Tahun / Barang Pembuatan | Nilai Eksport Barang Pembuatan ( **RM Juta**) | | | |
|---|---|---|---|---|
| | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 |
| Makanan | 5,966 | 6,173 | 6,241 | 6,684 |
| Petroleum | 3,285 | 3,526 | 3,851 | 4,351 |
| Kimia | 2,468 | 2,880 | 3,305 | 3,470 |
| Getah | 2,354 | 2,803 | 3,099 | 4,383 |
| Kayu | 2,247 | 2,687 | 3,273 | 4,522 |
| Galian bukan logam | 1,271 | 1,523 | 1,498 | 1,645 |
| Minuman | 695 | 765 | 803 | 786 |
| Jumlah | 18,286 | 20,357 | 22,070 | 25,841 |

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas 2016 hingga 2020)



## CONTOH JAWAPAN GRAF GABUNGAN – BAR KOMPONEN + SATU GARIS

MALAYSIA: JUMLAH PRODUK DAN PEROLEHAN KEUNTUNGAN BERASASKAN IKAN YANG DIKELUARKAN OLEH PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA DARI TAHUN 2014 HINGGA TAHUN 2018 (JANGKAAN)

| Tahun / Jenis ikan | Jumlah produk ikan yang dikeluarkan oleh Perusahaan Kecil dan Sederhana PKS (**Tan metrik**) | | | | | | Perolehan keuntungan berasaskan ikan yang dikeluarkan oleh Perusahaan Kecil dan Sederhana PKS (**RM Juta**) | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | 2013 | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 (Unjuran) | 2013 | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 (Unjuran) |
| Ikan Laut | 11,700 | 22,200 | 28,000 | 46,800 | 63,300 | 113,900 | 12.0 | 13.0 | 17.0 | 67.0 | 123.0 | 255.0 |
| Ikan Air Tawar | 6,800 | 12,800 | 17,000 | 21,300 | 21,100 | 38,500 | | | | | | |
| Jumlah | 18,500 | 35,000 | 45,000 | 68,100 | 84,400 | 152,400 | | | | | | |

(Disesuaikan daripada Laporan Ekonomi Malaysia, 2018)



**SKEMA JAWAPAN BAHAGIAN C ( ESEI )**

**7. Selain memperbanyak peluang pekerjaan kepada masyarakat kita, kualiti kehidupan masyarakat negara maju boleh ditingkatkan melalui pelbagai langkah lain di negara kita. Jelaskan .**

**FORMAT : 1 ( IDEA WAJIB) + ( LANGKAH MENINGKATKAN KUALITI KEHIDUPAN RAKYAT)**
**1+ 4**

| IDEA | HURAIAN |
|---|---|
| **Merperbanyak peluang pekerjaan**<br>**( Idea wajib)** | • Kerajaan perlu menyediakan peluang pekerjaan.<br>• Penyediaan lebih banyak program yang berkaitan dengan industri dan pekerjaan di syarikat yang menerima kontrak utama,konsesi dan insentif kerajaan.<br>• Memberi lebih sokongan kepada usahawan.<br>• Menubuhkan lebih banyak pusat kemahiran dan latihan. |
| **Menyediakan peluang Pendidikan dan latihan berkualiti** | • Menyediakan lebih banyak peluang pendidikan dan institusi pendidikan.<br>• Meningkatkan mutu pendidikan dan penyelidikan untuk persaingan sihat dari segi kecekapan dan kemahiran dalam alam pekerjaan. |
| **Meyediakan kemudahan Infrastruktur** | • Pembinaan jalan raya berturap yang boleh memberi faedah kepada penduduk.<br>• Bekalan air yang lebih berkualiti dan berterusan<br>• Kemudahan bekalan elektrik diperluas.<br>• Penambahbaikan sistem kecekapan pengangkutan awam. |
| **Menyediakan tahap keselamatan yang lebih tinggi dalam negara** | • Memastikan kadar indeks jenayah berada dalam peringkat kawalan.<br>• Meningkatkan rondaan dan menempatkan anggota di kawasan panas serta menambah bilangan sukarelawan / pasukan RELA.<br>• Memasang sistem CCTV di tempat awam seperti tempat letak kereta bawah bangunan, kompleks beli-belah dan lain-lain. |
| **Meningkatkan tahap kesihatan** | • Penyediaan kemudahan kesihatan yang lebih efisien.<br>• emastikan bilangan pegawai kesihatan mencukupi dan mempunyai kepakaran.<br>• Kepakaran seharusnya melibatkan penyakit kronik agar rakyat mendapat rawatan tepat pada masa dan penyakit dapat diubati.<br>• Program pemeriksaan kesihatan secara berkala ditawarkan kepada rakyat. |
| **Meningkatkan/ Menyediakan persekitaran yang sihat/bersih** | • Pembanguan lestari, iaitu pembangunan tanpa merosakkan alam sekitar. |

| | |
|---|---|
| | • Melaksanakan kempen kesedaran dengan menyediakan suasana kehidupan yang menarik dan nyaman bagi menjalankan pelbagai aktiviti riadah dan rekreasi. |

**8. Penggubalan Dasar Telekomunikasi Negara telah membuka ruang kepada negara untuk menuju ke arah penguasaan teknologi maklumat. Bincangkan kepentingan teknologi maklumat dalam konteks kehidupan harian manusia.**

**FORMAT : IDEA KEPENTINGAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DALAM KONTEKS KEHIDUPAN HARIAN MANUSIA** **5+0**

| IDEA | HURAIAN |
|---|---|
| **Memudahkan urusan** | • Rakyat dapat berurusan dengan kerajaan melalui penggunaan internet.<br>• Dapat menyelesaikan segala urusan yang melibatkan agensi kerajaan.. Contoh: Urusan membuat passport dengan Jabatan Imigresen Malaysia.<br>• Tidak perlu beratur untuk menyelesaikan urusan/ jimatkan Masa.<br>• Data dan dokumen dapat disimpan dalam komputer. |
| **Memajukan pendidikan** | • Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) dapat diperluaskan.<br>• Pelajar tidak perlu menghadiri kuliah di kampus utama Contoh: Telesidang video dan internet -pelajar dapat mengikuti kuliah secara langsung.<br>• Dapat bertukar maklumat melalui e-mel/ memperoleh nota melalui laman web dan aplikasi laman sosial lain. |
| **Merapatkan hubungan secara global** | • Melalui internet segala maklumat dapat diperoleh dalam masa yang singkat.<br>• Melalui e-mel/ pelbagai aplikasi laman sosial kita dapat menghantar serta menerima maklumat di seluruh pelosok dunia tanpa mengira sempadan. |
| **Mempertingkatkan ekonomi negara** | • Peniaga dapat menjalankan perdagangan antarabangsa<br>• Dapat menghubungi peniaga lain melaui pelbagai aplikasi/ e-mel.<br>• Tidak perlu mengeluarkan perbelanjaan yang tinggi untuk tujuan pengiklanan..<br>• Pembeli dari pelosok dunia dapat mengetahui barangan keluaran dengan melayari laman web. |
| **Memudahkan kerja seharian** | • Taraf hidup kita bertambah baik<br>• (contoh: menggunakan peralatan yang berteknologi dalam membantu membuat kerja seharian)<br>• Kerja seharian dapat dilakukan dengan cepat dan menjimatkan masa |

# SOALAN PEP. PERCUBAAN PAM 2 2021
# SMK PENANTI

**Bahagian A** [15 *markah*]

*Jawab* ***semua*** *soalan.*

*Tulis jawapan dalam ruang yang disediakan*

**1.** Nyatakan **empat** petunjuk yang digunakan untuk mengukur pencapaian usaha peningkatan kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat Malaysia dari aspek pendidikan. **[4]**

a) ……………………………………………………………………………………………

b) ……………………………………………………………………………………………

c) ……………………………………………………………………………………………

d) ……………………………………………………………………………………………

2. Kemukakan **dua** prinsip Rukun Negara yang diamalkan oleh rakyat Malaysia. **[4]**

a) ……………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………

b) ……………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………

**3.** Terangkan **dua** dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum. **[4]**

a) ……………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………

b) ……………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………………………………

4. Berikan **tiga** prinsip utama dalam Model Baru Ekonomi untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat Malaysia. **[3]**

a) ……………………………………………………………………………………………

b) ……………………………………………………………………………………………

c) ……………………………………………………………………………………………

**Bahagian B** [20 *markah*]

5. Berdasarkan maklumat yang diberikan dalam petikan di bawah ini, sediakan **graf yang sesuai** untuk menunjukkan **bilangan pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)** mengikut kumpulan umur pada tahun 2010 dan 2014.

Caruman dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) amat digalakkan sebagai simpanan untuk masa tua. Pekerja yang berumur 16 tahun ialah pencarum yang paling muda.Dalam tempoh empat tahun,bilangan pencarum KWSP telah meningkat melebihi 1 juta orang, iaitu daripada **13.42 juta orang** pada tahun 2010 kepada **14.51 juta orang** pada tahun 2014.

Pencarum KWSP terdiri daripada lapan kumpulan umur,iaitu bermula daripada kumpulan umur 16-25 tahun, 26-30 tahun,31-35 tahun, 36-40 tahun, 41-45 tahun, 46-50 tahun, 51-55 tahun dan lebih 55 tahun. Secara umumnya, bilangan pencarum semakin merosot apabila kumpulan umur semakin meningkat. Pada tahun 2010 dan tahun 2014, pekerja dalam kumpulan umur 16-25 tahun adalah yang paling banyak mencarum dengan jumlah masing-masing **3.00 juta orang** dan **3.28 juta orang.**

Pada tahun 2014, bilangan pencarum dalam kumpulan umur 26-30 tahun telah menunjukkan peningkatan sebanyak **190 ribu orang** kepada **2.32 juta orang** berbanding dengan tahun 2010. Dalam tempoh yang sama, bilangan pencarum dalam kumpulan umur 31-35 tahun telah meningkat kepada **2.06 juta orang** berbanding dengan **1.95 juta orang** pada tahun 2010.

Sementara itu, bagi kumpulan umur 36-40 tahun, bilangan pencarum telah meningkat sebanyak **110 ribu orang** atau 8.59% pada tahun 2014 berbanding dengan **1.78 juta orang** pencarum pada tahun 2010. Bilangan pencarum bagi kumpulan umur 41-45 tahun pula telah meningkat sebanyak **160 ribu orang** pada tahun 2014 menjadi **1.75 juta orang**, manakala bilangan pencarum bagi kumpulan umur 46-50 tahun telah meningkat sebanyak **20 ribu orang** kepada **1.43 juta orang** pencarum.

Seterusnya, bagi kumpulan umur yang lebih tinggi, bilangan pencarumnya didapati kurang daripada 1 juta orang. Pada tahun 2010, pencarum dalam kumpulan umur 51-55 tahun dan kumpulan umur lebih 55 tahun, masing-masing berjumlah **0.82 juta orang** dan **0.74 juta orang**. Dalam tempoh empat tahun berikutnya, bilangan pencarum daripada kumpulan umur 51-55 tahun telah bertambah sebanyak **170 ribu orang**, manakala bilangan pencarum yang berumur lebih 55 tahun mengalami sedikit peningkatan ,iaitu sebanyak **50 ribu orang**.

(Disesuaikan daripada *Buku Tahunan Perangkaan Malaysia 2015*
Jabatan Perangkaan Malaysia)

6. Berdasarkan maklumat yang diberikan dalam petikan di bawah ini, sediakan **carta yang sesuai** untuk menunjukkan **pelbagai eksport Malaysia dan rakan dagangan terpilih** pada tahin 2016.

Eksport kasar Malaysia telah menunjukkan peningkatan dari setahun ke setahun. Pada tahun 2016, eksport kasar Malaysia telah mencecah kepada **RM5 471 juta**. Produk Malaysia dieksport ke negara-negara terpilih seperti Asia dan negara-negara ASEAN.

Barangan elektronik merupakan produk yang mendapat sambutan,iaitu sebanyak **RM2 518 juta** pada tahun tersebut. Seterusnya, keluaran kelapa sawit yang mendominasi sektor pertanian negara telah mencapai eksport sebanyak **19.36%** daripada jumlah eksport Malaysia pada tahun 2016, iaitu sebanyak **RM1 059 juta**. Pada masa yang sama eksport gas asli cecair (LNG) terus menunjukkan prestasi yang baik, iaitu menyumbang sebanyak **RM848 juta.**

Petroleum mentah yang merupakan antara eksport utama negara terus menyumbang kepada **RM705 juta**, sementara keluaran kayu gergaji pula mengalami sedikit sumbangan eksport, iaitu hanya berjumlah **RM341 juta**. Walau bagaimanapun, perdagangan luar negara Malaysia masih mencatatkan lebihan dagangan bernilai **RM15.6 bilion** menjelang akhir tahun 2016.

Sementara itu, beberapa buah negara terpilih merupakan antara pengimport utama produk Malaysia. Singapura mengimport produk negara kita, iaitu mencecah **RM735 juta**, manakala Jepun ialah pengimport barangan Malaysia yang tertinggi,iaitu berjumlah **RM1 820 juta**. Di samping itu, negara India pula menjadi negara pengimport produk negara yang semakin meningkat, iaitu berjumlah **RM898 juta** atau menyumbang 16.41%. Indonesia negara kedua tertinggi mengimport produk Malaysia, iaitu berjumlah **RM1 600 juta**, dan seterusnya negara China pula antara negara terendah mengimport produk Malaysia, iaitu sebanyak **RM418 juta** .

Malaysia terus meningkatkan prestasi eksportnya ke tahap yang membanggakan bagi merealisasikan hasrat negara untuk mencapai negara maju yang seimbang.

(Disesuaikan daripada *Laporan Perdagangan Luar Negara Malaysia,* Februari 2017)

**Bahagian C** [*25 markah*]

*Pilih **satu** daripada tajuk di bawah ini dan tulis karangan yang panjangnya antara 300 hingga 350 patah perkataan.*

7. Sistem pendidikan menjadi landasan yang paling berkesan untuk memperkukuh perpaduan antara kaum di negara ini. Huraikan.

8. Kemelesetan ekonomi negara dunia turut memberi kesan kepada Malaysia yang mengamalkan dasar ekonomi terbuka. Beberapa langkah pro-aktif kerajaan telah diambil untuk mengatasi kegawatan ekonomi negara. Bincangkan.

# SKEMA PEP. PERCUBAAN PAM 2 2021
# SMK PENANTI

**Bahagian A** [15 *markah*]

*Jawab **semua** soalan.*

**1.** Nyatakan **empat** petunjuk yang digunakan untuk mengukur pencapaian usaha peningkatan kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat Malaysia dari aspek pendidikan. **[4]**

| **Skema Jawapan** | **[4m]** |
|---|---|
| **Bil** | **Isi / Idea** |
| **1.** | Kadar celik huruf |
| **2.** | Kadar penyertaan prasekolah |
| **3.** | Kadar penyertaan sekolah menengah |
| **4.** | Nisbah guru dan murid sekolah rendah dan menengah |
| **5.** | Peratusan guru siswazah |

**2.** Kemukakan **dua** prinsip Rukun Negara yang diamalkan oleh rakyat Malaysia. **[4]**

| **Skema Jawapan** | | **[4m]** |
|---|---|---|
| **Bil** | **Isi / Idea** | **Huraian** |
| **1.** | Kepercayaan kepada Tuhan | • Islam sebagai agama rasmi manakala agama lain bebas diamalkan mengikut kepercayaan masing-masing. |
| **2.** | Kesetiaan kepada Raja dan Negara | • Setiap rakyat Malaysia memberikan taat setia kepada Yang di-Pertuan Agong/Raja sebagai ketua negara serta kepimpinan negara. |
| **3.** | Keluhuran Perlembagaan | • Perlembagaan negara ialah sumber kepada perundangan tertinggi di Malaysia.<br>• Menghormati kandungan perlembagaan seperti bahasa,agama, keistimewaan dan kedudukan setiap kaum. |
| **4.** | Kedaulatan Undang-undang | • Hak yang sama rata dari segi undang-undang tanpa membezakan keturunan, agama atau kepercayaan serta kedudukan. |
| **5.** | Kesopanan dan Kesusilaan | • Masyarakat hendaklah mempunyai nilai kesopanan dan kesusilaan serta mengutama nilai-nilai murni dalam kehidupan. |

3. Terangkan **dua** dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum. **[4]**

| **Skema Jawapan** | | **[4m]** |
|---|---|---|
| **Bil** | **Isi / Idea** | **Huraian** |
| **1.** | Dasar Pendidikan Kebangsaan | • Semua sekolah menggunakan sistem yang sama,bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar, kurikulum yang sama dan peperiksaan yang seragam. |
| **2.** | Dasar Kebudayaan Kebangsaan | • Menjadi panduan dalam pembentukan dan pengekalan identiti rakyat Malaysia untukmengukuhkan perpaduan kaum dengan memelihara keperibadian bangsa. |
| **3.** | Dasar Sukan Negara | • Dapat memupuk dan mengeratkan perpaduan antara kaum melalui aktiviti sukan. |

4. Berikan **tiga** prinsip utama dalam Model Baru Ekonomi untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat Malaysia. **[3]**

| **Skema Jawapan** | **[3m]** |
|---|---|
| **Bil** | **Isi / Idea** |
| **1.** | Ekonomi Berpendapatan Tinggi / Tingkat pendapatan rakyat tinggi |
| **2.** | Kemanpanan / Kelestarian |
| **3.** | Keterangkuman / Kekayaan negara dinikmati oleh semua |

**Soalan 5 : GRAF BAR PIRAMID HISTROGRAM**

5

**MALAYSIA: BILANGAN PENCARUM KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA MENGIKUT KUMPULAN UMUR PADA TAHUN 2010 DAN TAHUN 2014**

(KWSP)

| Tahun / Kumpulan umur | 2010 (juta orang) | 2014 (juta orang) |
|---|---|---|
| 16 – 25 | 3.00 | 3.28 |
| 26 – 30 | 2.13 | 2.32 |
| 31 – 35 | 1.95 | 2.06 |
| 36 – 40 | 1.78 | 1.89 |
| 41 – 45 | 1.59 | 1.75 |
| 46 – 50 | 1.41 | 1.43 |
| 51 – 55 | 0.82 | 0.99 |
| Lebih 55 | 0.74 | 0.79 |
| Jumlah | 13.42 | 14.51 |

(Disesuaikan daripada *Buku Tahunan Perangkaan Malaysia 2015*, Jabatan Perangkaan Malaysia)

Bilangan Pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) (Juta Orang)




**# LABEL PAKSI X = BILANGAN PENCARUM KWSP @ AYAT PENUH DITERIMA**

**Soalan 6 : CARTA PAI TONG /SILINDER**

5 MALAYSIA: PELBAGAI EKSPORT DAN RAKAN DAGANGAN TERPILIH PADA TAHUN 2016

| Eksport | | | | Rakan Dagangan | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Jenis produk | Jumlah (RM Juta) | Peratus (%) | Sudut (°) | Negara | Jumlah (RM Juta) | Peratus (%) | Ketinggian (cm) |
| Elektronik | 2 518 | 46.02 | 165.69 | Singapura | 735 | 13.43 | 1.34 |
| Kelapa sawit | 1 059 | 19.36 | 69.68 | Jepun | 1 820 | 33.27 | 3.33 |
| Gas asli cecair | 848 | 15.50 | 55.80 | India | 898 | 16.41 | 1.64 |
| Pertoleum mentah | 705 | 12.89 | 46.39 | Indonesia | 1 600 | 29.25 | 2.93 |
| Kayu gergaji | 341 | 6.23 | 22.44 | China | 418 | 7.64 | 0.76 |
| Jumlah | 5 471 | 100 | 360 | Jumlah | 5 471 | 100.00 | 10.00 |

(Sumber: Disesuaikan daripada *Laporan Perdagangan Luar Negara Malaysia*, Februari 2017)




**Bahagian C** [*25 markah*]

7. Sistem pendidikan menjadi landasan yang paling berkesan untuk memperkukuh perpaduan kaum di negara ini. Huraikan.

**Pendahuluan :**Sistem pendidikan memang menjadi landasan yang penting untuk membentuk warganegara sebagaimana yang diaspirasikan oleh sesebuah negara dan kerajaan. Sesebuah negara yang mahu membentuk rakyatnya mempunyai semangat patriotik akan memastikan falsafah pendidikannya mengutamakan pengukuhan semangat tersebut.

| Bil | Isi/Idea | Huraian |
|---|---|---|
| | **Pengukuhan perpaduan kaum melalui sistem pendidikan** | |
| **1** | Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah | • Di sekolah kerajaan, bahasa pengantarnya ialah bahasa Melayu manakala di sekolah-sekolah bukan kerajaan, pelajar sekurang-kurangnya mempelajari bahasa Melayu sebagai satu mata pelajaran.<br>• Hal ini bermakna mereka boleh berkomunikasi antara satu sama lain sekurang-kurangnya untuk saling memahami. |
| **2** | Aktiviti Kokurikulum | • Penglibatan dan penyertaan pelajar dalam aktiviti kokurikulum<br>• Dari segi teorinya, keadaan ini boleh membentuk perpaduan jika sistem itu dilaksanakan dengan jayanya. |
| **3** | Memperkasa sekolah kebangsaan | • Pelajar dari pelbagai kaum belajar di sekolah yang sama.<br>• Situasi ini memberi peluang kepada mereka untuk mengenali antara satu sama lain dan ini menjadi asas kepada perpaduan. |
| **4** | Mata pelajaran / Subjek yang boleh memupuk perpaduan diutamakan | • Pelajar didedahkan dengan mata pelajaran yang membentuk dan menggalakkan perpaduan. |
| | | |
| **5** | Sekolah Wawasan | • Sekolah Wawasan yang menghimpunkan sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan dalam satu kawasan juga boleh menimbulkan semangat perpaduan. |
| **6** | Guru dan pentadbir sekolah daripada pelbagai kaum | • Mereka mampu bekerjasama untuk menjayakan pelajar dan sekolah.Kerjasama mereka dapat dijadikan contoh oleh pelajar. |
| **7** | Penglibatan ibu bapa dalam sistem/ institusi pendidikan | • Ibu bapa memberikan pandangan berkaitan kesepaduan sosial / SARANA SEKOLAH. |
| **8** | Sukatan pelajaran yang berteraskan Malaysia | • Sukatan mata pelajaran mesti mengandungi tentang Malaysia dan nilai-nilai kebudayaan Malaysia. |

| | | |
|---|---|---|
| | | • Pengetahuan kenegaraan ini membangkitkan semangat patriotik bagi mengekalkan perpaduan |

**Kesimpulan :** Sistem pendidikan di negara ini dikatakan dapat memupuk perpaduan. Langkah berkesan perlu dilaksanakan bagi memastikan sistem pendidikan negara dapat menjadi landasan perpaduan.

**Jawapan : Mana-mana 5 isi/idea**

8. Kemelesetan ekonomi negara dunia turut memberi kesan kepada Malaysia yang mengamalkan dasar ekonomi terbuka. Beberapa langkah pro-aktif kerajaan telah diambil untuk mengatasi kegawatan ekonomi negara. Bincangkan.

**Pendahuluan :** Kemelesetan ekonomi dunia telah memberi kesan kepada negara Malaysia yang mengamalkan dasar ekonomi terbuka. Oleh hal yang demikian, beberapa langkah pro-aktif telah diambil oleh pihak kerajaan dalam mengatasi kemelut/kegawatan ekonomi negara.

| Bil | Isi/Idea | Huraian |
|---|---|---|
| 1 | **Kesan kemelesetan ekonomi**<br>Menjejaskan ekonomi negara | • Kejatuhan harga minyak mentah dunia dan kejatuhan harga komoditi seperti sawit dan getah memberi kesan kepada ekonomi negara.<br>• Situasi ini boleh memberi kesan kepada imbangan dagangan negara. |
| 2 | Kadar pengganguran meningkat | • Berlaku penurunan terhadap permintaan dan pengeluaran barangan dan perkhidmatan.<br>• Industri terpaksa menghadkan jumlah pembayaran/kos tanggungan supaya tidak mengalami kerugian.<br>• Hal ini memyebabkan peluang pekerjaan berkurangan dan akhirnya berlaku pengganguran. |
| 3 | Penurunan pelaburan asing | • Pelabur asing tidak yakin untuk melabur di negara ini.<br>• Negara kekurangan modal dari sektor pelaburan asing.<br>• Menyebabkan negara tidak dapat meningkatkan produktiviti keluaran negara. |
| 4 | Berlaku inflasi | • Harga barang/perkhidmatan meningkat menyebabkan rakyat tidak mampu untuk membeli.<br>• Kuasa beli rakyat semakin mengecil disebabkan harga barang/perkhidmatan yang meningkat. |
| 5 | Meningkatkan kos sara hidup | • Kenaikan kos sara hidup terutamanya bagi golongan isi rumah berpendapatan rendah akan memburukkan lagi keadaan.<br>• Rakyat tidak mampu untuk membeli barang keperluan dan tidak mampu membayar perkhidmatan yang mahal. |
| 6 | Pembangunan negara perlahan / terbantut | • Aktiviti pembangunan yang dirancang akan terganggu dan tidak lancar. |

| | | |
|---|---|---|
| | | • Pembinaan prasarana semakin kurang manakala kemudahan prasarana yang sedia ada akan terbiar begitu sahaja.<br>• Krisis ekonomi menyebabkan kerajaan kekurangan sumber kewangan. |
| 7 | **Langkah pro-aktif kerajaan**<br>Dasar kerajaan | • Melalui dasar yang diwujudkan oleh kerajaan seperti Dasar Pertanian Negara Ketiga dapat memaksimumkan pendapatan melalui penggunaan sumber secara optima dalam sektor ini.<br>• Melalui dasar kerajaan juga dapat meningkatkan daya pengeluaran negara. |
| 8 | Memberi bantuan kewangan | • Kerajaan menyediakan skim bantuan kepada rakyat (cth; Brim) dan pengusaha yang kekurangan modal perniagaan.<br>• Memberi pinjaman perniagaan kepada pengusaha dengan kadar faedah yang rendah.<br>• Menyokong aktiviti perniagaan dengan mengadakan Skim Jaminan Modal Kerja.<br>• Skim penyelesaian Pinjaman Kecil (SPPK) dengan menstruktur dan menjadual semula pinjaman perniagaan. |
| 9 | Meningkatkan kesedaran kepada rakyat / masyarakat | • Mengadakan kempen inflasi sifar<br>• Kempen membeli barang buatan Malaysia |
| 10 | Mengurangakan bilangan pekerja asing | • Memberi keutamaan / peluang kepada rakyat untuk mendapat pekerjaan/ menjana pendapatan.<br>• Dapat mengurangkan kos penempatan bagi pekerja asing. |
| 11 | Meneroka pasaran baru | • Menghantar rombongan dagangan ke luar negara.<br>• Mengadakan expo atau promosi bagi barangan buatan tempatan. |
| 12 | Menambah pengeksportan barang ke luar negara | • Pengeksportan barangan menyebabkan pengaliran wang ke luar negara.<br>• Mempengaruhi aliran dana dalam pasaran tempatan.<br>• Kemelesetan ekonomi menyebabkan kewangan kerajaan kurang untuk membeli barangan dari luar negara.<br>• Menaikkan cukai barangan import. |

**Kesimpulan:** Kemelesetan ekonomi negara dunia memang memberi kesan yang besar terhadap ekonomi Malaysia. Oleh hal yang demikian, langkah pro-aktif yang diambil oleh kerajaan sememangnya dapat membantu negara untuk menghadapi kegawatan ekonomi dunia yang semakin mencabar dan kompleks.**Jawapan : Mana-mana 3+2 /2+3 isi/idea**

## SOALAN PEP. PERCUBAAN PAM 2 2021

## BAHAGIAN A [15 *markah*]

*Jawab* **semua** *soalan.*

1. Jelaskan **dua** usaha yang dijalankan oleh kerajaan dalam memberikan kesejahteraan kehidupan kepada rakyat negara ini. [4]

   a. ______________________________

   ______________________________

   b. ______________________________

   ______________________________

2. Rukun Negara ialah ideologi negara yang digubal pada tahun 1970. Ideologi negara ini perlu dihayati dan direalisasikan oleh semua rakyat Malaysia.

   (i) Nyatakan **dua** rasional yang membawa kepada penggubalan Rukun Negara. [2]

   a. ______________________________

   b. ______________________________

   (ii) Nyatakan **dua** sebab ideologi negara ini semakin terpinggir. [2]

   a. ______________________________

   b. ______________________________

3.

| |
|---|
| **Pelan Pembangunan Pendidikan Negara, 2013-2025 menggariskan enam ciri yang perlu ada pada setiap murid agar berupaya bersaing pada peringkat global** |

Huraikan **dua** ciri tersebut. [4]

a. ______________________________

______________________________

b. ______________________________

______________________________

4.

- Dasar Pandang Ke Timur
- Dasar Penswastaan
- Dasar Belilah Barangan Buatan Malaysia
- Program Transformasi Negara
- Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023
- Sogoshosha Malaysia

Berdasarkan maklumat di atas, pilih **tiga** dasar atau program yang dilancarkan untuk memperkasakan pentadbiran negara Malaysia. [3]

a. ______________________________

b. ______________________________

c. ______________________________

Bahagian B [20 *markah*]

*Jawab* **satu** *soalan sahaja dalam bahagian ini. Jawapan hendaklah dibuat pada kertas graf.*

5. Berdasarkan maklumat yang diberikan dalam petikan di bawah ini, sediakan graf yang sesuai untuk menunjukkan pola perubahan tahap sara diri komoditi makanan utama terpilih dari tahun 2015 hingga tahun 2018 di Malaysia.

Peningkatan harga makanan di peringkat global dan kekurangan bekalan makanan telah menimbulkan cabaran dalam menjamin bekalan makanan negara yang mencukupi. Kerajaan mengambil langkah meningkatkan pengeluaran dan produktiviti sektor agromakanan bagi memenuhi tahap sara diri.

Semua komoditi tanaman tidak dapat menampung penggunaan domestik. Pada tahun 2015, tahap sara diri makanan ruji rakyat Malaysia iaitu komoditi beras berada pada tahap 64.8%. Keupayaan tahap sara diri komoditi ini telah meningkat kepada 70.3% pada tahun 2016. Walau bagaimanapun tahap sara diri komoditi ini telah menurun kepada 70.0% pada tahun 2017 dan 69.0% pada tahun berikutnya. Bagi komoditi tanaman sayur-sayuran, tahap sara diri menunjukkan penurunan dalam tempoh tersebut. Pada tahun 2015 komoditi sayur-sayuran berada pada tahap sara diri 52.4% dan menurun kepada 51.5% pada tahun berikutnya. Pengeluaran sayur-sayuran berada pada tahap sara diri 46.6% pada tahun 2017 iaitu lebih 2% berbanding tahun 2018.

Bagi komoditi ternakan daging lembu dan kerbau, tahap sara diri berada pada tahap yang masih rendah. Pada tahun 2015, tahap sara diri untuk komoditi tersebut pada tahap 23.1% dan menurun kepada 23.0% pada tahun 2016. Tahap sara diri komoditi daging lembu dan kerbau menunjukkan penurunan pada tahun 2017 kepada 22.2% dan meningkat sebanyak 0.3% pada tahun berikutnya.

Bagi komoditi daging ayam dan itik, pengeluaran dalam negara mencukupi untuk penggunaan domestik. Tahap sara diri komoditi ini berada pada tahap 104.2% pada tahun 2015 dan menurun kepada 103.2% pada tahun 2016. Pengeluaran daging ayam dan itik meningkat semula pada tahun 2018 dan tahap sara diri menjadi 104.0% , iaitu lebih tinggi 0.3% berbanding tahun sebelumnya.

Pengeluaran ikan makanan menunjukkan trend tidak konsisten dalam tempoh tersebut. Tahap sara diri tertinggi bagi komoditi ikan makanan adalah pada tahun 2016, iaitu mencatatkan 95.2%. Pada tahun 2015, tahap sara diri komoditi ini berada pada tahap 93.1%, iaitu lebih tinggi 0.3% berbanding tahun 2017. Tahap sara diri komoditi ikan makanan terus menurun kepada 92.1% pada tahun 2018.

(Disesuaikan daripada Perangkaan Agromakanan 2019,
Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Malaysia)

6. Berdasarkan maklmat yang diberikan dalam petikan di bawah ini, sediakan carta yang sesuai untuk menunjukkan keluasan hutan mengikut jenis hutan simpan kekal dan negeri-negeri terpilih yang masih memiliki hutan simpan kekal di Semenanjung Malaysia pada tahun 2017.

Malaysia amat bertuah dianugerahi sumber hutan asli daripada jenis hutan darat, paya gambut, paya laut dan hutan ladang yang bernilai tinggi serta menyumbang secara signifikan kepada pembangunan sosio-ekonomi negara. Adalah menjadi aspirasi kerajaan Malaysia untuk memastikan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keluasan tanah negara kekal sebagai kawasan berhutan.

Hutan darat merangkumi jenis hutan yang paling luas iaitu 5.120 juta hektar daripada jumlah keseluruhannya iaitu 10.672 juta hektar yang masih ada pada tahun 2017. Hutan yang luas ini menjadi habitat hidupan liar yang sangat sesuai. Keluasan hutan darat melebihi sebanyak 2.61 juta hektar daripada keluasan hutan paya gambut yang ada.

Kesedaran masyarakat terhadap kelestarian hutan telah berjaya mengekalkan hutan paya laut sebanyak 13.68 peratus daripada jumlah keseluruhan hutan yang ada. Hutan ini telah menjadi lubuk mencari rezeki bagi golongan nelayan dengan hasil tangkapan seperti siput laut dan sebagainya. Dalam pada itu, hutan simpan kekal selebihnya ialah hutan ladang yang berkeluasan 1.582 juta hektar. Hutan ladang ini diusahakan untuk mengurangkan tekanan ke atas hutan asli sebagai bahan mentah untuk industri kayu negara.

Negeri Selangor masih berupaya mengekalkan hutan simpan kekal iaitu seluas 2.172 juta hektar. Keadaan ini telah berjaya mengimbangi alam sekitar di negeri tersebut yang terkenal dengan industrinya. Negeri Perak pula berjaya sebagai negeri yang paling banyak hutan simpan kekal iaitu sebanyak 3.443 juta hektar. Jumlah ini melebihi sebanyak 1.675 juta hektar yang dicatat oleh Negeri Johor pada tahun tersebut.

Selain itu negeri Pahang juga mencatat jumlah keluasan hutan sebanyak 2.587 juta hektar. Negeri Pahang mencatat negeri kedua tertinggi keluasan hutan simpan kekal pada tahun tersebut. Manakala Negeri Sembilan merupakan negeri yang paling sedikit hutan simpan kekalnya iaitu seluas 0.702 juta hektar.

(Disesuaikan daripada Jabatan Perhutanan
Semenanjung Malaysia 2018)

**Bahagian C** [25 *markah*]

*Pilih* **satu** *daripada tajuk di bawah ini dan tulis karangan yang panjangnya antara 300 hingga 350 patah perkataan.*

7. Urbanisasi menjadi keperluan kepada Malaysia untuk membangunkan negara, namun pada masa yang sama, urbanisasi menimbulkan masalah kepada negara. Bincangkan.

8. Peningkatan harga barangan keperluan asasi telah menimbulkan pelbagai kesan negatif kepada rakyat sejak kebelakangan ini. Justeru itu, kerajaan perlu mengambil langkah-langkah tertentu untuk mengatasinya. Bincangkan.

# SKEMA PEP. PERCUBAAN PAM 2 2021
# SM TINGGI BUKIT MERTAJAM

[15 markah]

*Jawab* **semua** *soalan.*

1. Jelaskan dua usaha yang dijalankan oleh kerajaan dalam memberikan kesejahteraan kehidupan kepada rakyat negara ini. [4]

| Bil | Isi/Idea | Huraian |
|---|---|---|
| 1 | Menstabilkan politik | Membenarkan kebebasan bersuara/demokrasi |
| 2 | Memperkembangkan ekonomi | Memberi peluang ekonomi yang saksama |
| 3 | Menjamin keselamatan | Mewujudkan keamanan dan keselamatan dengan mengurangkan kadar jenayah |
| 4 | Meningkatkan pendapatan perkapita | Meningkatkan kadar upah minimum bagi mengurangkan kadar kemiskinan |
| 5 | Memperluas akses pendidikan berkualiti | Peluang kepada semua golongan mendapat pendidikan berkualiti |
| 6 | Menyediakan kemudaha prasaran/infrastruktur yang moden dan lengkap | Kemudahan infrastruktur dan infostruktur ditambah baik dari semasa ke semasa |
| 7 | Meningkatakan kadar produktiviti tenaga buruh | Mengurangkan kadar pengangguran |
| 8 | Meningkatkan kecekapan pengurusan alam sekitar | Pengurusan alam sekitar yang mapan menjamin kelestarian kehidupan |
| 9 | Meningkatkan tahap kesihatan | Kemudahan kesihantan ditingkatkan supaya dapat hidup lebih sihat |

2. Rukun Negara ialah ideologi negara yang digubal pada tahun 1970. Ideologi negara ini perlu dihayati dan direalisasikan oleh semua rakyat Malaysia.

(a) Nyatakan dua rasional yang membawa kepada penggubalan Rukun Negara. [2]

| Bil | Idea |
|---|---|
| 1 | Wujudnya situasi yang menggugat perpaduan negara |
| 2 | Cabaran globalisasi |
| 3 | Penularan budaya liberalisasi |
| 4 | Wujudnya tindakan yang menggugat institusi beraja |
| 5 | Wujudnya tindakan yang mempersoalkan perlembagaan |
| | **Pilih mana-mana 2 isi** |

(a) Nyatakan dua sebab ideologi negara ini semakin terpinggir. [2]

| Bil | Idea |
|---|---|
| 1 | Tidak menghayati pendidikan sejarah |
| 2 | Sentimen politik perkauman |
| 3 | Media sosial |
| 4 | Desakan materialistik |
| 5 | Kebebasan bersuara tanpa batas |
| | **Pilih mana-mana 2 isi** |

3. **Pelan Pembangunan Pendidikan Negara, 2013-2025 menggariskan enam ciri yang perlu ada pada setiap murid agar berupaya bersaing pada peringkat global**

uraikan **dua** ciri tersebut. [4]

| Bil. | Isi / Idea | Huraian |
|---|---|---|
| 1 | Pengetahuan | • Murid perlu menguasai kemahiran literasi dan numerasi di samping subjek teras seperti Sains dan Matematik.<br>• Murid perlu didedahkan tentang pengetahuan am mengenai Malaysia, Asia dan dunia melalui subjek Sejarah, Kemanusiaan dan Geografi. |
| 2 | Kemahiran Berfikir | • Murid diterapkan perasaan ingin tahu dan mengamalkan pelbagai disiplin ilmu<br>• Menguasai kemahiran kognitif termasuk penyelesaian masalah, penaakulan, pemikiran kreatif dan inovatif. |
| 3 | Kemahiran Memimpin | • Kebolehan untuk memimpin dan bekerja dengan orang lain sangat penting<br>• Kepimpinan merangkumi empat dimensi iaitu keusahawanan, berdaya tahan, kecerdasan emosi dan kemahiran komunikasi berkesan. |
| 4 | Kemahiran Dwibahasa | • Sekurang-kurangnya menguasai Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris |

| | | |
|---|---|---|
| | | • Kementerian menggalakkan murid mempelajari bahasa lain sebagai tambahan. |
| 5 | Etika dan Kerohanian | • Membentuk individu penyayang yang menyumbang kepada kesejahteraan dan keharmonian negara |
| 6 | Identiti Nasional | • Terikat dengan prinsip Rukun Negara<br>• Setiap murid berbangga dikenali sebagai rakyat Malaysia tanpa mengira agama, bangsa dan status ekonomi. |
| Pilih 2 idea dan 2 huraian | | |

4.




Berdasarkan maklumat di atas, pilih **tiga** dasar atau program yang dilancarkan untuk memperkasakan pentadbiran negara Malaysia. [3]

a. Dasar Pandang Ke Timur
b. Dasar Transformasi Negara
c. Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023

**SKEMA : GRAF GARIS KOMPAUN/MUDAH**

**MALAYSIA: POLA PERUBAHAN TAHAP SARA DIRI KOMODITI MAKANAN UTAMA TERPILIH DARI TAHUN 2015 HINGGA TAHUN 2018**

| Komoditi \ Tahun | Tahap Sara Diri Komoditi Makanan Utama Terpilih (%) | | | |
|---|---|---|---|---|
| | **2015** | **2016** | **2017** | **2018** |
| Beras | 64.8 | 70.3 | 70.0 | 69.0 |
| Sayur- sayuran | 52.4 | 51.5 | 46.6 | 44.6 |
| Daging Lembu/Kerbau | 23.1 | 23.0 | 22.2 | 22.5 |
| Daging Ayam/Itik | 104.2 | 103.2 | 103.7 | 104.0 |
| Ikan Makanan | 93.1 | 95.2 | 92.8 | 92.1 |

(Disesuaikan daripada Perangkaan Agromakanan 2019, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Malaysia)

MALAYSIA: POLA PERUBAHAN TAHAP SARA DIRI KOMODITI MAKANAN UTAMA DARI TAHUN 2015 HINGGA TAHUN 2018




(Disesuaikan daripada Perangkaan Agromakanan 2019, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Malaysia)

Skema jawapan

**Carta Pai Bertingkat**

**SEMENANJUNG MALAYSIA : KELUASAN HUTAN MENGIKUT JENIS HUTAN SIMPAN KEKAL DAN NEGERI-NEGERI TERPILIH YANG MASIH MEMILIKI HUTAN SIMPAN KEKAL PADA TAHUN 2017**

| JENIS HUTAN SIMPAN KEKAL | JUTA HEKTAR | PERATUS | SUDUT |
|---|---|---|---|
| Hutan Darat | 5.120 | 47.98 | 172.71 |
| Paya Gambut | 2.510 | 23.52 | 84.67 |
| Paya laut | 1.460 | 13.68 | 49.25 |
| Hutan ladang | 1.582 | 14.82 | 53.37 |
| **Jumlah** | **10.672** | **100** | **360** |

| NEGERI TERPILIH | JUTA HEKTAR | PERATUS | TINGGI (CM) |
|---|---|---|---|
| Selangor | 2.172 | 20.35 | 2.04 |
| Perak | 3.443 | 32.26 | 3.23 |
| Johor | 1.768 | 16.57 | 1.66 |
| Pahang | 2.587 | 24.24 | 2.42 |
| Negeri Sembilan | 0.702 | 6.58 | 0.66 |
| **Jumlah** | **10.672** | **100** | **10** |

(Disesuaikan daripada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia 2018)

**Bahagian C**

7. Urbanisasi menjadi keperluan kepada Malaysia untuk membangunkan negara, namun pada masa yang sama, urbanisasi menimbulkan masalah kepada negara. Bincangkan.

Pengenalan:
Urbanisasi ialah proses perubahan masyarakat, struktur, ekonomi dan fizikal dalam satu kawasan yang asalnya bersifat desa kepada bersifat bandar. Urbanisasi penting untuk membangun dan memperkukuh ekonomi, namun urbanisasi juga menimbulkan kesan negatif kepada negara.

| | IDEA | HURAIAN |
|---|---|---|
| 1. | **Keperluan Urbanisasi:**<br><br>Urbanisasi membolehkan penduduk setempat menikmati kemudahan fizikal yang lengkap. | • Kawasan luar Bandar Negara kita serba kekurangan<br>• Kehidupan penduduk kurang selesa kerana kekurangan kemudahan infrastruktur.<br>• Urbanisasi akan menyebabkan penyediaan perkhidmatan bandar, infrastruktur dan utiliti yang berkualiti.<br>• Jalanraya sedia ada diperbaiki dan diperlebar.<br>• Urusan pembuangan sampah dan najis diperbaiki agar lebih sistematik<br>• Tempat rekreasi juga disediakan. |
| 2. | Urbanisasi mewujudkan peluang pekerjaan yang lebih baik | • Banyak kawasan perindustrian akan didirikan di kawasan luar bandar<br>• Syarikat tempatan dan syarikat antarabangsa akan menjalankan perniagaan di kawasan perindustrian tersebut.<br>• Hal ini akan mewujudkan peluang pekerjaan yang lebih banyak dalam sektor perindustrian, perdagangan, perniagaan, perkhidmatan dan pentadbiran untuk penduduk setempat. |
| 3. | Urbanisasi dapat meningkatkan taraf hidup penduduk setempat. | • Penduduk akan menikmati kehidupan yang lebih selesa dan moden.<br>• Mereka yang berpendidikan tinggi akan mendapat pekerjaan yang lebih baik.<br>• Keadaan ini secara tidak langsung akan meningkatkan taraf hidup mereka. |

| | | |
|---|---|---|
| | | • Penduduk dapat menikmati kemudahan asas yang sempurna dan rawatan kesihatan yang baik. |
| 4. | Urbanisasi dapat menjamin keselamatan penduduk setempat | • Menekankan aspek keselamatan di dalam bandar<br>• Contoh kemudahan keselamatan (baalai polis, balai bomba dll) |
| 5. | Urbanisasi dapat menggalakkan perpaduan nasional | • Penduduk pelbagai kaum berada dalam satu kawasan<br>• Mewujudkan interakasi sesama kaum |
| 4. | **Masalah yang timbul akibat Urbanisasi:**<br><br>Urbanisasi mengakibatkan pencemaran alam | • Pencemaran udara berlaku akibat pertambahan kenderaan dan kilang perindustrian.<br>• Gas-gas pencemar yang dikeluarkan dengan banyaknya akan mencemarkan udara.<br>• Pembuangan sampah sarap dan bahan sisa kimia toksik secara tidak terkawal pula akan mencemarkan air.<br>• Hal ini akan mengancam kesihatan penduduk setempat |
| 5. | Urbanisasi turut mencetuskan masalah sosial | • Golongan kurang mampu akan tersisih dari arus perbandaran.<br>• Kawasan setinggan akan muncul kerana harga rumah yang tinggi menyebabkan penduduk tidak mampu membeli rumah.<br>• Penduduk desa yang berhijrah ke bandar tetapi belum mendapat pekerjaan akan tinggal di kawasan setinggan.<br>• Kesempitan hidup juga akan mencetuskan aktiviti jenayah, pelacuran dan maksiat. |
| 6. | Pengeluaran sektor pertanian semakin berkurangan. | • Masyarakat tidak berminat untuk mengusahakan sektor pertanian kerana kekurangan tenaga kerja<br>• Memberi kesan kepada sektor ini yang menjadi penyumbang utama penghasilan sumber makanan negara<br>• Negara terpaksa mengimport makanan dari luar Negara |

Kombinasi : 3 + 2 atau 2 + 3

8. Peningkatan harga barangan keperluan asasi telah menimbulkan pelbagai kesan negatif kepada rakyat sejak kebelakangan ini. Justeru itu, kerajaan perlu mengambil langkah-langkah tertentu untuk mengatasinya. Bincangkan.

**Pendahuluan :**
Sejak kebelakangan ini, rakyat Malaysia telah melahirkan rsa tidak puas hati mereka terhadap peningkatan harga barangan keperluan asasi. Kenaikan harganya telah menimbulkan pelbagai kesan negatif kepada majoriti rakyat Malaysia. Justeru itu, kerajaan perlu mencari jalan untuk mengatasi masalah tersebut sebelum ia menjadi semakin serius.

| Bil | Isi/Idea | Huraian |
|---|---|---|
| | **Kesan negatif kenaikan harga barangan keperluan asasi** | |
| 1 | Peningkatan perbelanjaan isi rumah | • Kenaikan harga barangan keperluan asasi seperti beras, tepung, minyak dan gula telah menyebabkan peningkatan perbelanjaan harian isi rumah rakyat<br>• Kenaikan harga barangan keperluan asasi tidak selari dengan kenaikan gaji mereka<br>• Kenaikan harga barangan menambah beban rakyat terutamanya mereka yang berkeluarga besar |
| 2 | Peningkatan kadar jenayah | • Kenaikan harga barangan keperluan asasi menyebabkan kuasa beli pengguna merosot dan taraf hidup mereka semakin rendah<br>• Pendapatan yang diperoleh tidak mencukupi untuk menampung kehidupan mereka. Ini menyebabkan mereka melakukan jenayah sperti rasuah, penyalahgunaan kuasa dan merompak. |
| 3. | Peningkatan hutang isi rumah | • Pengguna terpaksa berhutang bagi menampung perbelanjaan harian mereka<br>• Pertambahan perbelanjaan keperluan harian menyebabkan keperluan lain seperti perbelanjaan persekolahan anak-anak terpaksa dikurangkan<br>• Kenaikan harga barangan juga menyebabkan pengguna terpaksa menggunakan kad kredit untuk membeli barangan keperluan<br>• Ini menyebabkan hutang isi rumah terus meningkat dan tidak kurang juga yang diisytiharkan muflis kerana tidak mampu membayar hutang kad kredit mereka |
| 4. | Peningkatan aktiviti menyorokkan barangan | • Kenaikan harga barangan keperluan asasi yang berterusan menyebabkan sesetengah peniaga yang tidak bertanggungjawab dan tamak menyorokkan barangan keperluan asasi seperti beras, tepung dan minyak masak<br>• Hal ini berlaku terutamanya menjelang musim-musim perayaan seperti Tahun Baru Cina, Hari Raya Puasa dan Deepavali. Pada musim-musim perayaan tersebut, para pengguna menghadapi kesukaran untuk membeli barangan keperluan tersebut |

| | Usaha-usaha yang perlu diambil oleh kerajaan untuk mengatasi kenaikan harga barangan keperluan asasi | |
|---|---|---|
| 5. | Memperkasakan penguatkuasaan undang-undang | • Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal ehwal Pengguna perlu memperkasakan penguatkuasaan undang-undang bagi membanteras kenaikan harga barangan keperluan asasi<br>• KPDNHEP perlu menambah bilangan pegawai penguatkuasa untuk membuat pemantauan yang berterusan sepanjang tahun supaya para peniaga tidak menaikkan harga barang dengan sewenang-wenangnya<br>• Tindakanyang lebih tegas seperti denda dan penjara perlu dikenakan ke atas para peniaga yang didapati bersalah menaikkan harga barangan sesuka hati<br>• Langkah tersebut akan memberi amaran kepada para peniaga lain supaya tidak menaikkan harga barangan dengan sesuka hati |
| 6. | Menambahkan subsidi ke atas barangan keperluan asasi | • Kerajaan juga perlu menambah subsidi ke atas barangan keperluan asasi seperti minyak petrol supaya kenaikan harga barangan keperluan asasi lain tidak berlaku<br>• Harga mnyak petrol yang tetap akan membantu menstabilkan harga barangan keperluan asasi yang lain<br>• Para nelayan juga perlu ditambah subsidi diesel dan subsidi sebanyak 20 sen bagi setiap kilogram ikan yang ditangkap oleh mereka. Ini dapat mengawal kenaikan harga ikan agar tidak membebankan para pengguna |
| 7. | Meningkatkan kesedaran dan pendidikan kepenggunaan untuk rakyat | • Kerajaan juga perlu meningkatkan kesedaran dan pendidikan kepenggunaan untuk rakyat melalui pelbagai kempen, seminar, pameran dan ceramah tentang kepentingan amalan berjimat cermat dan berbelanja secara berhemah<br>• Rakyat perlu disedarkan bahawa kenaikan harga barangan keperluan asasi juga berpunca daripada permintaan yang tinggi daripada pengguna sehingga barangan tersebut kurang di pasaran<br>• Rakyat perlu digalakkan membuat senarai barangan yang hendak dibeli sebelum mereka keluar membeli belah supaya mereka hanya membeli barang yang diperlukan sahaja.<br>• Rakyat juga perlu disedarkan agar tidak berbelanja melebihi keperluan mereka |

**Kesimpulan**

Kenaikan harga barangan keperluan asasi perlu dibendung dengan sebaik-baiknya agar tidak membebankan rakyat terutamanya golongan yang berpendapatan rendah.

**Jawapan : 3+2 / 2+3** isi/idea

# SOALAN PEP. PERCUBAAN PAM 2 2021
# JKD MUAR

**Bahagian A** [15 *markah* ]

*Jawab **semua** soalan dan tulis jawapan dalam ruangan yang disediakan.*

1. Nyatakan **tiga** kepentingan keharmonian agama kepada negara Malaysia berdasarkan Prinsip Rukun Negara kepercayaan kepada tuhan. [3m]

a) ..................................................................................................................................

b) ..................................................................................................................................

c) ..................................................................................................................................

2. Senaraikan **empat** langkah yang perlu diambil oleh Malaysia untuk mencapai status negara maju. [4m]

a) ..................................................................................................................................

b) ..................................................................................................................................

c) ..................................................................................................................................

d) ..................................................................................................................................

3. Huraikan **dua** usaha kerajaan dalam memperkukuhkan Dasar Perindustrian Negara. [4m]

a) ..................................................................................................................................

..................................................................................................................................

b) ..................................................................................................................................

..................................................................................................................................

4. Dasar Sukan Negara dibentuk atas beberapa rasional, Nyatakan **empat** sumbangan sukan kepada individu. [4m]

a) ..................................................................................................................................

b) ..................................................................................................................................

c) ..................................................................................................................................

d) ..................................................................................................................................

**Bahagian B** [*20 markah*]

Jawab **satu** soalan sahaja dalam bahagian ini. Jawapn hendaklah dibuat pada kertas graf pada halaman 7 atau 8.

5. Berdasarkan maklumat yang diberikan dalam petikan di bawah ini, sediakan graf yang sesuai untuk menunjukkan aliran peratus perubahan bilangan penumpang menggunakan perkhidmatan yang dikendalikan oleh Keretapi Tanah Melayu Berhad dari tahun 2017 hingga tahun 2020.

Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) merupakan peneraju perkhidmatan rel di Semenanjung Malaysia melalui Perkhidmatan Keretapi, Komuter dan Perkhidmatan Keretapi Elektrik (ETS). Jaringan perkhidmatan yang meluas, ketepatan jadual perjalanan yang boleh dipercayai serta kos yang rendah menjadi faktor pemilihan utama perkhidmatan tersebut. Pada tahun 2017, bilangan penumpang Perkhidmatan Keretapi oleh KTMB adalah seramai 3 092 000 orang, 3 527 000 orang pada tahun 2019 dan 1 041 000 orang pada tahun 2020. Bilangan penumpang pada tahun 2018 pula mencatatkan peningkatan sebanyak 14.07% berbanding tahun 2017.

Perkhidmatan Komuter telah mengalami penurunan bilangan penumpang yang dicatatkan dari tahun ke tahun. Pada tahun 2017, bilangan penumpang adalah seramai 37 274 000 orang, menurun kepada 11 796 orang pada tahun 2020 yang berpunca daripada pandemik covid-19 yang mula dikesan pada awal 2020. Bilangan penumpang pada tahun 2018 adalah 32 078 000 orang berbanding 2019 yang mencatatkan penurunan kepada 1 674 000 orang.

Bagi Perkhidmatan Keretapi Elektrik (ETS), bilangan penumpang yang menggunakan perkhidmatan ini turut mengalami penurunan. Pada tahun 2017, bilangan penumpang yang direkodkan adalah seramai 4 148 000 orang, menurun seramai 215 000 orang pada tahun berikutnya. Pada tahun 2020, bilangan penumpang adalah seramai 1 647 000 orang iaitu penurunan mendadak sebanyak 2 155 000 orang berbanding tahun sebelumnya.

Secara umumnya, Perintah Kawalan Pergerakan yang dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia untuk mengawal penularan wabak covid-19 telah memberikan impak terhadap bilangan penumpang yang menggunakan perkhidmatan yang dikendalikan oleh KTMB ini.

(Disesuaikan daripada *Laporan Statistik Pengangkutan 2020,*
Kementerian Pengangkutan Malaysia)

6. Berdasarkan maklumat yang diberikan, sediakan sebuah carta yang sesuai bagi menunjukkan perjalanan pelancong domestik mengikut tujuan perjalanan pada tahun 2017 dan tahun 2018 di Malaysia.

Pelancongan domestik terus menjadi penyumbang utama kepada ekonomi negara dan dipromosikan melalui beberapa kaedah seperti pameran pelancongan, *travel mart* dan perkongsian pintar. Sejumlah 70.50 juta orang pelancong domestik dicatatkan pada tahun 2017 dan mengalami peningkatan sebanyak 7.70 juta orang pada tahun berikutnya.

Perbelanjan oleh pelancong domestik sepanjang tahun 2017 berjumlah RM 83,103 juta. Angka ini bertambah kepada RM 92,561 juta pada tahun 2018. Trend ini menggambarkan rakyat Malaysia semakin gemar melancong di dalam negara serta berbelanja untuk produk pelancongan tempatan.

Terdapat beberapa tujuan perjalanan oleh pelancong domestik yang dikenal pasti. Tujuan utama perjalanan pelancong domestik adalah untuk melawat saudara-mara/rakan yang mencatat 29.54 juta orang pada tahun 2017 dan meningkat kepada 31.75 juta orang pada tahun 2018.

Tujuan kedua perjalanan pelancong domestik adalah untuk membeli-belah. Pada tahun 2018, tujuan perjalanan ini mencatat 34.71% daripada jumlah perjalanan pelancong pada tahun tersebut berbanding 31.11% pada tahun 2017. Antara lokasi utama membeli-belah pelancong domestic ialah BB-KLCC, Johor Bahru, Melaka dan Petaling Street.

Perjalanan pelancong domestik untuk tujuan percutian/berehat pula menduduki tempat ketiga. Pada tahun 2017, jumlah perjalanan pelancong domestik untuk tujuan tersebut mencatat 13.21% daripada jumlah perjalanan pelancong tahun tersebut. Perjalanan untuk tujuan ini menurun sebanyak 2.81% pada tahun 2018.

Sebanyak 4.09 juta orang dicatatkan dalam perjalanan pelancong domestik untuk tujuan hiburan/sukan manakala 2.54 juta orang pelancong dicatatkan untuk tujuan rawatan perubatan pada tahun 2017. Pada tahun 2018 pula, perjalanan pelancong domestik untuk tujuan hiburan dan sukan menurun sebanyak 0.02 juta orang. Bagi tujuan rawatan perubatan pula jumlahnya meningkat kepada 3.60 juta orang.

Perjalanan pelancong domestik untuk tujuan-tujuan lain mencatat 4.40% pada tahun 2017 dan 4.50% pada tahun berikutnya. Antara tujuan lain termasuklah perniagaan dan pendidikan.

Antara tumpuan utama perjalanan pelancong domestik ialah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor, Pahang, Sabah dan Sarawak. Kempen-kempen seperti Cuti-cuti 1 Malaysia dan Dekat Je berjaya meningkatkan perjalanan pelancong domestik.

(Disesuaikan daripada Laporan Tahunan Tourism Malaysia Tahun 2018)

**Bahagian C** [*25 markah*]

*Jawab* **satu** *daripada tajuk di bawah ini dan tulis karangan yang penjangnya antara 300 hingga 350 patah perkataan. Calon hendaklah mengemukakan* **lima** *isi atau idea sahaja bagi karangan yang dihasilkan.*

7. Usaha meningkatkan mutu perkhidmatan kesihatan negara berhadapan dengan pelbagai cabaran. Jelaskan.
8. Situasi pandemik Covid 19 telah mencetuskan kebimbangan rakyat. Rakyat amat terkesan dan langkah segera mesti diambil bagi menghadapi kemelut ekonomi. Bincangkan.

# SKEMA PEP. PERCUBAAN PAM 2 2021
# JKD MUAR

**Bahagian A** (15 markah)

*Jawab* **semua** *soalan.*

| 1. Nyatakan **tiga** kepentingan keharmonian agama kepada negara Malaysia berdasarkan Prinsip Rukun Negara kepercayaan kepada tuhan. [3m] ***Skema Jawapan*** | |
|---|---|
| **Bil** | **Idea/Isi** |
| 1. | Melahirkan masyarakat yang mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan. |
| 2. | Memupuk perasaan saling menghormati kepercayaan/ agama |
| 3. | Menjadikan satu bangsa berdaulat. |
| 4. | Perpaduan masyarakat dapat dipereratkan |
| 5. | Meningkatkan persefahaman/toleransi rakyat |
| 6. | Mengurangkan konflik rakyat |
| 7. | Meningkatkan keamanan/kesejahteraan rakyat |

**Pilih mana-mana 3 idea**

| 2. Senaraikan **empat** langkah yang perlu diambil oleh Malaysia untuk mencapai status negara maju. [4m] ***Skema Jawapan*** | |
|---|---|
| **Bil** | **Idea/Isi** |
| 1. | Melakukan penghematan / memperketat perbelanjaan negara. |
| 2. | Membina ekonomi berasaskan pengetahuan. |
| 3. | Meningkatkan sumber daya manusia. |
| 4. | Memperkukuhkan asas dan fundamental ekonomi negara |
| 5. | Memperbaiki sistem penyampaian perkhidmatan awam |
| 6. | Meningkatkan kualiti hidup rakyat. |
| 7. | Mewujudkan kestabilan politik, ekonomi dan sosial. |
| 8. | Memperkukuh / meningkatkan kualiti modal insan |
| 9. | Meningkatkan penggunaan sains dan teknologi |
| 10. | Memperkasa aktiviti inovasi/penyelidikan dan pembangunan |
| 11. | Mewujudkan bidang-bidang /sektor pertumbuhan baru |

**Pilih mana-mana 4 idea**

| 3. Huraikan **dua** usaha kerajaan dalam memperkukuhkan Dasar Perindustrian Negara. [4m] ***Skema Jawapan*** | | |
|---|---|---|
| **Bil** | **Idea/Isi** | **Huraian** |
| 1. | Menggalakkan pelaburan tempatan dalam projek mega | • Menyediakan pelbagai kemudahan yang melibatkan modal yang besar, teknologi tinggi dan pekerja mahir. |
| 2. | Memperkasa IKS | • membekalkan /vendor industry sedia ada/ berat |
| 3. | Mengadakan usahasama dengan pelabur asing | • Bertujuan untuk melatih pekerja yang mengendalikan atau menguruskan projek dalam kalangan buruh tempatan bagi memanfaatkan pemindahan teknologi. |
| 4 | Mewujudkan industri kedua berasaskan teknologi tinggi | • Mempercepatkan pertumbuhan industri barangan gantian import peringkat kedua. |
| 5 | Memberi pelbagai insentif | • Menyediakan kemudahan kredit, tarif, subsidi dan lain-lain agar kos pengeluaran dapat dikurangkan |

| | | |
|---|---|---|
| 6 | Bersefahaman/bekerjasama dengan negara-negara luar/tertentu/asing dalam membekalkan tenaga buruh kepada negara. | • Membenarkan warganegara Myanmar, Bangladesh dan Nepal bekerja di kilang-kilang elektronik, perabot. |

**Mana-mana 2 idea/isi (Idea – 1 markah + Huraian – 1 markah)**

4. Dasar Sukan Negara dibentuk atas beberapa rasional, nyatakan **empat** sumbangan sukan kepada individu. [4m] ***Skema Jawapan***

| **Bil** | **Idea/Isi** |
|---|---|
| 1. | Pembentukan sahsiah yang baik. |
| 2. | Meningkatkan tahap kesihatan./kecergasan (mental dan fizikal) |
| 3. | Memanfaatkan masa senggang/lapang. |
| 4. | Mengurangkan tekanan hidup/stres. |
| 5. | Meningkatkan interaksi sosial |
| 6. | Perkembangan kemahiran-kemahiran asas sukan/permainan. |
| 7. | Meningkatkan semangat kesukanan |

**Pilih mana-mana 4 idea/isi**

*Cadangan Skema Jawapan:*

**SEMENANJUNG MALAYSIA: ALIRAN PERATUS PERUBAHAN BILANGAN PENUMPANG MENGGUNAKAN PERKHIDMATAN YANG DIKENDALIKAN OLEH KERETAPI TANAH MELAYU BERHAD (KTMB) DARI TAHUN 2017 HINGGA TAHUN 2020.**

| Tahun / Jenis Perkhidmatan | Bilangan Penumpang (orang) | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | 2017 | 2018 | Peratus Perubahan (%) | 2019 | Peratus Perubahan (%) | 2020 | Peratus Perubahan (%) |
| Perkhidmatan Keretapi | 3 092 000 | 3 527 044 | 14.07 | 3 527 000 | -0.001 | 1 041 000 | -70.48 |
| Perkhimatan Komuter | 37 274 000 | 32 078 000 | -13.94 | 1 674 000 | -94.78 | 11 796 | -99.30 |
| Perkhidmatan Keretapi Elektrik (ETS) | 4 148 000 | 3 933 000 | -5.18 | 3 802 000 | -3.33 | 1 647 000 | -56.68 |

(Disesuaikan daripada *Laporan Statistik Pengangkutan 2020,* Kementerian Pengangkutan Malaysia)

**SEMENANJUNG MALAYSIA : ALIRAN PERATUS PERUBAHAN BILANGAN PENUMPANG MENGGUNAKAN PERKHIDMATAN YANG DIKENDALIKAN OLEH KERETAPI TANAH MELAYU BERHAD (KTMB) DARI TAHUN 2017 HINGGA TAHUN 2020.**




(Disesuaikan daripada *Laporan Statistik Pengangkutan 2020,*
Kementerian Pengangkutan Malaysia)

***Skema Jawapan Soalan 6: Carta Pai Perbanding***

**MALAYSIA: PERJALANAN PELANCONG DOMESTIK MENGIKUT TUJUAN PADA TAHUN 2017 DAN TAHUN 2018**

| Tahun / Tujuan Perjalanan | Perjalanan pelancong domestik ( juta orang ) | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | 2017 | | | 2018 | | |
| | Bilangan | Peratus | Sudut | Bilangan | Peratus | Sudut |
| 1. Melawat saudara-mara / rakan | 29.54 | 41.90 | 150.84 | 31.75 | 40.60 | 146.16 |
| 2. Membeli-belah | 21.93 | 31.11 | 112.00 | 27.14 | 34.71 | 124.96 |
| 3. Percutian / berehat | 9.31 | 13.21 | 47.56 | 8.13 | 10.40 | 37.44 |
| 4. Hiburan / sukan | 4.09 | 5.80 | 20.88 | 4.07 | 5.20 | 18.72 |
| 5. Rawatan perubatan | 2.54 | 3.60 | 12.96 | 3.60 | 4.60 | 16.56 |
| 6. Tujuan-tujuan lain | 3.10 | 4.40 | 15.84 | 3.52 | 4.50 | 16.20 |
| Jumlah | 70.50 | 100 | 360 | 78.20 | 100 | 360 |

(Disesuaikan daripada Laporan Tahunan Tourism Malaysia, Tahun 2018)

**Nisbah jejari 1: 1.05**

**MALAYSIA: PERJALANAN PELANCONG DOMESTIK MENGIKUT TUJUAN PADA TAHUN 2017 DAN TAHUN 2018**




**Jumlah 70.50 juta orang** **Jumlah 78.20 juta orang**

**Nisbah Jejari 1 : 1.05**

**Petunjuk:**

- **Melawat saudara-mara / rakan**
- **Membeli-belah**
- **Percutian / berehat**
- **Hiburan / sukan**
- **Rawatan perubatan**
- **Tujuan-tujuan lain**

(Disesuaikan daripada Laporan Tahunan Tourism Malaysia, Tahun 2018)

7. Usaha meningkatkan mutu perkhidmatan kesihatan negara berhadapan dengan pelbagai cabaran. Jelaskan.

Pendahuluan : Malaysia sentiasa berusaha mencapai matlamat menjadikan perkhidmatan kesihatan negara antara yang terbaik dalam kalangan negara serantau.

| Bil. | Idea / Isi | Huraian |
|---|---|---|
| 1 | Peningkatan beban penyakit | • beban penyakit berpunca dari Penyakit Tidak Berjangkit<br>• diabetes, kardiovaskular, hipertensi, kanser<br>• rakyat masih terdedah kepada penyakit berjangkit seperti tuberkulosis, malaria, denggi dan sebagainya. |
| 2 | Kesesakan | • peningkatan permintaan dan harapan rakyat yang lebih tinggi terhadap sistem penyampaian kesihatan berkualiti.<br>• Pesakit menunggu lama untuk mendapat rawatan<br>• Pesakit terpaksa diletak dalam senarai menunggu untuk mendapatkan temu janji. |
| 3 | Meningkatkan Infrastruktur/Fasiliti kesihatan / penyelenggaraan kesihatan | • perlunya pembinaan dan menaik taraf infrastruktur kesihatan untuk perkhidmatan terbaik kepada rakyat.<br>• kos yang tinggi diperlukan oleh KKM berbanding peruntukan dalam belanjawan.<br>• Peningkatan infrastruktur di kawasan luar bandar/pedalaman/hospital/klinik bergerak |
| 4 | Peningkatan kos rawatan | • kenaikan kos rawatan perubatan setiap tahun berpunca dari inflasi perubatan<br>• kadar inflasi ke atas kos perubatan menjadi dua angka (12.7% untuk tahun 2017), dan ini berbeza dengan inflasi harga barang pengguna kira-kira 2-4% setiap tahun pada tahun 2016 dan 2017.<br>• inflasi perubatan di Malaysia adalah yang ketiga tertinggi dalam kalangan negara Asia selepas India di 14% dan Indonesia di 13.1%<br>• rakyat beralih kepada fasiliti kerajaan.<br>• keperluan terhadap insuran kesihatan |
| 5 | Integrasi ICT/Peningkatan Penggunaan ICT | • menyediakan kemudahan infrastruktur dan perkhidmatan ICT bagi meningkatkan kualiti 15ector penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.<br>• memberikan sokongan teknikal ICT kepada KKM bagi memastikan kemudahan dan perkhidmatan ICT dapat digunakan dalam membantu hospital menjalankan fungsi-fungsinya dengan cekap, berkesan dan berterusan.<br>• mengoptimumkan penggunaan ICT bagi meningkatkan pengetahuan dan budaya ICT<br>• cth: penggunaan aplikasi yang dapat memudahkan urusan seperti pengambilan ubat, temujanji perubatan dsb. |

| | | |
|---|---|---|
| 6 | Perancangan/pengurusan sumber manusia | • kebimbangan mengenai ketidakseimbangan antara pengeluaran dan keperluan sumber manusia untuk kesihatan (SmuK) yang berbakat.<br>• terutamanya dalam kumpulan kritikal seperti doktor perubatan, doktor pergigian, jururawat, ahli farmasi dan penolong pegawai perubatan.<br>• Menjuruskan kepada kekurangan atau lambakan bekalan tenaga professional dimasa akan datang. |

| | | |
|---|---|---|
| 7 | Kurang kesedaran masyarakat | • sambutan yang diberikan oleh rakyat untuk mengamalkan amalan hidup sihat masih ditahap yang rendah.<br>• kekangan sumber menghadkan aktiviti promosi kesihatan dan pencegahan penyakit.<br>• peningkatan bilangan penghidap penyakit berpunca dari gaya hidup tidak sihat. |
| 8 | Kurangnya 16ector16ma antara 16ector awam dan swasta | • menyebabkan banyak pertindihan perkhidmatan<br>• mengakibatkan pembaziran sumber kesihatan yang terhad.<br>• menambahkan lagi tekanan dan bebanan ke atas perkhidmatan dan sumber penjagaan kesihatan di KKM.<br>• akibatnya hospital mengalami kesesakan dan kelewatan untuk memberikan perkhidmatan<br>• boleh menjejaskan kualiti perkhidmatan serta imej Kementerian Kesihatan. |
| 9 | Wabak/penyakit baru | • selsema burung, H1N1, covid19<br>• kekurangan/tiada ubat/vaksin<br>• kekurangan pengetahuan/kemudahan untuk menangani |
| 10 | Teknologi perubatan moden/terkini | • teknologi robotic<br>• pembangunan bidang farmaseutikal<br>• R & D |

Kesimpulan Sektor kesihatan akan sentiasa diberi keutamaan oleh kerajaan bagi memastikan rakyat mendapat akses perkhidmatan kesihatan yang berkualiti.

8. Situasi pandemik Covid19 telah mencetuskan kebimbangan rakyat. Rakyat amat terkesan dan langkah segera mesti diambil bagi menghadapi kemelut ekonomi. Bincangkan.

Pendahuluan Pandemik covid19 telah menyebabkan banyak aktiviti rakyat terjejas. Kerajaan telah melaksanakan perintah kawalan pergerakan bagi mengawal perebakan virus tersebut.

| Bil. | Idea / Isi | Huraian |
|---|---|---|
| 1 | **A. Kesan kepada rakyat:** Peningkatan kos sara hidup | • Inflasi semakin meningkat sedangkan pendapatan terjejas<br>• Permintaan untuk berbelanja dalam kalangan rakyat Malaysia semakin merosot . |
| 2 | Hilang pekerjaan/dibuang kerja | • permintaan pada eksport Malaysia berkurang menyebabkan banyak kilang akan banyak ditutup.<br>• ramai yang akan dibuang kerja sebagai langkah penjimatan oleh majikan.<br>• jumlah pengangguran semakin melonjak tinggi. |
| 3 | Pendapatan rakyat terjejas | • tidak dapat membayar pinjaman perumahan, kenderaan dan peribadi.<br>• kesan daripada kehilangan sumber pendapatan / sumber pendapatan yang terjejas.<br>• kadar faedah semakin meningkat & dibelenggu hutang<br>• hilang milikan terhadap aset |
| 4 | Kuasa beli berkurangan | • sumber pendapatan yang terjejas menyebabkan kuasa beli semakin berkurangan.<br>• terpaksa mengutamakan barangan keperluan semasa berbelanja.<br>• Terpaksa melakukan pekerjaan sampingan untuk menambahkan pendapatan.<br>• ekonomi semakin menguncup kerana wang berkurangan di pasaran tempatan. |
| 5 | Kesan psikologi | • tekanan akibat kehilangan sumber pendapatan.<br>• Boleh menimbulkan keganasan rumah tangga, kemurungan<br>• membunuh diri. |
| 6 | Perubahan gaya/corak hidup | • Amalan norma baru<br>• Terpaksa menjarakkan diri dengan orang lain<br>• Amalan berkunjung dan bersalaman tidak lagi dibenarkan<br>• Kesukaran menerima gaya hidup baru |
| 7 | Pembelajaran terjejas | • pelajar terpaksa belajar secara online<br>• ramai terpaksa berhenti belajar kerana masalah peranti, data atau liputan internet yang kurang/tiada<br>• terpaksa belajar dan mengikuti pembelajaran yang sukar |

| | | |
|---|---|---|
| 8 | **B. Langkah rakyat:** Mengamalkan amalan berjimat cermat/berhemat | • disiplin diri yang mesti diterapkan bagi mengatasi kemelesetan ekonomi<br>• downsizing cara hidup perlu dilakukan sebagai langkah untuk berjimat cermat dengan hidup di bawah kemampuan dan berhemat dalam perbelanjaan mereka yang berjimat cermat akan bertahan lebih lama<br>• menerapkan amalan menabung<br>• elakkan menambah beban hutang dan membayar hutang untuk persediaan kemelesetan ekonomi.<br>• menghadkan perbelanjaan untuk mengelak dari masalah hutang di kemudian hari. |
| 9 | Merancang perbelanjaan | • rakyat perlu terus berbelanja untuk terus menyokong ekonomi negara.<br>• apabila rakyat berbelanja, pihak majikan akan mendapat keuntungan dan keuntungan tersebut akan digunakan untuk membayar gaji pekerja dan dapat membuka peluang pekerjaan baru kepada masyarakat. |
| 10 | Meneroka/belajar bidang baru | • dengan kemajuan teknologi internet, tidak ada alasan untuk tidak mula menambah ilmu serta networking kerana sudah banyak kursus secara atas talian yang wujud untuk membolehkan kita mula menambah ilmu.<br>• Peluang untuk meluaskan kenalan untuk merapatkan silaturrahim & mendapat ilmu peluang perniagaan. |
| 11 | Menjana pendapatan sampingan /tambahan | • merupakan inisiatif yang terbaik untuk terus hidup di era kemelesetan ekonomi.<br>• pelbagai pekerjaan yang membolehkan kita menjana pendapatan dari rumah.<br>• Sebagai contoh menjadi dropship, penulis artikel, freelancer dan banyak lagi. |

Penutup: Kerjasama semua pihak diperlukan untuk memastikan program-program pemulihan kerajaan dapat dilaksanakan demi membina semula kehidupan rakyat yang terjejas.

# SOALAN PEP. PERCUBAAN PAM 2 2021
# KOLEJ ISLAM SULTAN ALAM SHAH, KLANG

**BAHAGIAN A** (15 Markah)

*Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan dalam ruang yang disediakan.*

1. Nyatakan tiga alasan rakyat Malaysia perlu menghormati kedaulatan undang-undang. (3 markah)

   ______________________________________________________________________
   ______________________________________________________________________
   ______________________________________________________________________

2. Berikan empat faktor yang diambil kira oleh kerajaan dalam merancang pembangunan negara. (4 markah)

   ______________________________________________________________________
   ______________________________________________________________________
   ______________________________________________________________________
   ______________________________________________________________________

3. Dasar Agromakanan telah menggariskan beberapa hala tuju strategik untuk meningkatkan kemampanannya. Jelaskan kemampanan tersebut. (4 markah)

   ______________________________________________________________________
   ______________________________________________________________________
   ______________________________________________________________________
   ______________________________________________________________________

4. Nyatakan empat Teras Belanjawan 2020 yang bertemakan “Memacu pertumbuhan dan Keberhasilan Saksama ke Arah Kemakmuran Bersama”. (4 markah)

   ______________________________________________________________________
   ______________________________________________________________________
   ______________________________________________________________________
   ______________________________________________________________________

**BAHAGIAN B** (20 markah)

*Jawab **satu** soalan sahaja dalam bahagian ini. Jawapan hendaklah dibuat pada kertas graf.*

5. Berdasarkan maklumat yang diberikan dalam petikan di bawah ini, sediakan graf yang sesuai untuk menunjukkan pola kadar perubahan hasil pengeluaran tanaman sayur mengikut wilayah dari tahun 2015 hingga tahun 2018.

Sayur-sayuran amat penting dalam pemakanan yang sihat. Setiap tahun negara kita telah mengeluarkan banyak hasil tanaman ini untuk dieksport dan juga keperluan untuk rakyat Malaysia sendiri. Terdapat empat wilayah utama yang menjadi lokasi penanaman sayur-sayuran ini. Akan tetapi pengeluaran sayur-sayuran ini mengalami pola tidak konsisten dan juga peningkatan.

Kawasan penanaman di Semenanjung Malaysia telah mengeluarkan sayur-sayuran sebanyak 1291828 tan metrik pada tahun 2015. Pengeluaran ini didapati merosot sebanyak 189955 tan mefrik pada tahun berikutnya. Seterusnya pada tahun 2017, pengeluaran sayur-sayuran di Semenanjung Malaysia didapati menurun lagi kepada 907724 tan metrik namun akhimya pada tahun 2018 pengeluaran sayur-sayuran di Semenanjung Malaysia mencatat peningkatan kepada 958450 tan metrik.

Bagi Sabah dan Sarawak pula, kedua-dua negeri ini mencatat pengeluaran tanaman sayur-sayuran pada tahun 2015 iaitu masing-masing 34211 tan metrik dan 46701 tan metrik. Jumlah ini meningkat pada tahun berikutnya iaitu masing-masing sebanyak 8882 tan metrik bagi Sabah dan 3660 tan metrik bagi Sarawak. Seterusnya pada tahun 2017, pengeluaran tanaman sayur di Sabah meningkat lagi kepada 43624 tan mefrik dan terus meningkat kepada 46162 tan metrik pada tahun 2018. Bagi Sarawak pula, pengeluaran tanaman sayur pada tahun 2017 adalah 51872 tan metrik dan terus meningkat kepada 55771 tan metrik setahun kemudian.

Bagi Wilayah Persekutuan Labuan pula, pengeluaran sayur-sayuran pada tahun 2015 adalah sebanyak 346 tan metrik dan pengeluaran ini merosot kepada 320 tan metrik pada tahun berikumya. Walau bagaimanapun pada tahun 2017 pengeluaran sayur-sayuran di wilayah tersebut mencatat 316 tan metrik manakala pada tahun 2018 pula mencatat lebihan sebanyak 6.01 % berbanding tahun sebelumnya.

(Disesuaikan daripada Statistik Tanaman, Sub-Sektor
Tanaman Makanan, Jabatan Pertanian, 2018)

6. Berdasarkan maklumat yang diberikan dalam petikan di bawah, sediakan carta yang sesuai untuk membandingkan peruntukan Kerajaan Malaysia bagi sektor ekonomi dan sektor sosial pada tahun 2012.

Peruntukan kerajaan Malaysia bagi tahun 2012 tertumpu pada usaha-usaha untuk memperkukuh asas ekonomi. Selaras dengan itu, sektor ekonomi juta telah mencatatkan peruntukan yang terbesar, yakni berjumlah sebanyak RM13,764 atau 63% daripada jumlah peruntukan pembangunan. Ini diikuti oleh peruntukan perkhidmatan sosial sebanyak 26% daripada jumlah keseluruhan peruntukan pada tahun tersebut, keselamatan sebanyak RM1,507 juta atau 8%, dan pentadbiran RM1,199 juta atau 3%.

Bagi sektor ekonomi, peruntukan untuk kegiatan pembangunan luar bandar telah meningkat kepada RM4,294.3 juta pada tahun 2012 dengan peningkatan sebanyak 27% berbanding dengan peruntukan tahun sebelumnya. Pertambahan peruntukan yang besar ini disebabkan oleh peningkatan perbelanjaan bagi projek pembangunan tanah, parit, dan tali air yang mencerminkan usaha kerajaan untuk membaiki taraf hidup penduduk luar bandar.

Peruntukan untuk pembinaan kemudahan awam pula berjumlah RM2,463.7 juta yang merangkumi peruntukan untuk bekalan air dan eletrik di luar bandar. Kegiatan perdagangan dan perindustrian yang merupakan 20% daripada peruntukan sektor ekonomi telah meningkat sebanyak 25% kepada RM2,849.l juta. Komponen pengangkutan pula meningkat sebanyak RM59 juta kepada RM4,046.6 juta. Sebahagian besar peruntukan ini adalah untuk pembinaan jalan baru. Peruntukan bagi kegiatankegiatan Iain pula berjumlah sebanyak RM123.8 juta atau RM17 juta, dan melebihi paras perbelanjaan tahun 2011. Sumbangan ini merangkumi peruntukan untuk kajian kemungkinan dan kajian perlombongan atau galian.

Peruntukan untuk sektor sosial menunjukkan peningkatan sebanyak RM515 juta atau hampir 50% lebih tinggi daripada peruntukan tahun 2011 yang berjumlah RM11,031 juta. Sebahagian besar pertambahan ini disebabkan oleh peningkatan perbelanjaan untuk komponen pendidikan yang berjumlah RM6, 197.6 juta atau kira-kira 71% daripada jumlah peruntukan dalam sektor perkhidmatan sosial. Peningkatan ini disebabkan Oleh pertambahan bagi membiayai projek pembinaan universiti awam baharu. Peruntukan untuk komponen kesihatan pula berjumlah sebanyak RM2,808.2 juta berbanding dengan RM1,153 juta pada tahun 2011. Jumlah ini adalah kecil berbanding dengan peruntukan untuk pendidikan kerana tiadanya projek besar yang dilaksanakan. Perbelanjaan bagi komponen lain, seperti perumahan telah meningkat kepada RM2,540.1 juta berbanding dengan RM1, 168 juta pada tahun 2011.

(Dipetik dan disesuaikan daripada Laporan Ekonomi 2011/2012,
Kementerian Kewangan Malaysia,Malaysia)

**BAHAGIAN C** (25 markah)

*Pilih **satu** daripada tajuk di bawah ini, dan tulis karangan yang panjangnya antara 300 hingga 350 patah perkataan.*

7. Aktiviti pelaburan domestik adalah penting dalam memacu pembangunan negara. Pelbagai kelebihan yang terdapat di negara ini mampu meningkatkan aktiviti pelaburan tersebut. Bincangkan.

8. Kaedah pengurusan bahan buangan yang betul telah berdepan dengan pelbagai cabaran. Huraikan.

# SKEMA PEP. PERCUBAAN PAM 2 2021
# KOLEJ ISLAM SULTAN ALAM SHAH, KLANG

**BAHAGIAN A** (15 Markah)

Sila jawab semua soalan.

1. Nyatakan tiga alasan rakyat Malaysia perlu menghormati kedaulatan undang-undang. (4 markah)

i. Mengawal ketenteraman atau keamanan masyarakat
ii. Mengelakkan berlakunya diskriminasi kaum, gender atau kedudukan (status sosial)
iii. Menjamin institusi kehakiman yang bebas atau berwibawa
iv. Mengelakkan sesuatu keputusan dipengaruhi oleh mana-mana pihak berkepentingan

2. Berikan empat faktor yang diambil kira oleh kerajaan dalam merancang pembangunan negara. (4 markah)

i. Kewangan
ii. Sumber manusia
iii. Masa
iv. Politik
v. Teknologi

3. Dasar Agromakanan telah menggariskan beberapa hala tuju strategik untuk meningkatkan kemampanannya. Jelaskan kemampanan tersebut. (4 markah)
   i. Persediaan menghadapi impak perubahan iklim – penyediaan skim insuran pertanian dan sistem amaran awal
   ii. Perluasan amaran mesra alam – P&P menjana teknologi hijau dan mesra alam
   iii. pengurusan bahan sampingan/ buangan – mengoptimumkan penggunaan bahan sampingan seperti memproses menjadi baja kompos, makanan ternakan dan biogas
   iv. pembangunan sumber manusia berkualiti – peningkatan kemahiran dan kepakaran serta peningkatan pekerja tempatan
   v. pemakanan untuk kesihatan – penggunaan hasil dan produk makanan tempatan menghasilkan makanan halal serta selamat

4. Nyatakan empat Teras Belanjawan 2020 yang bertemakan "Memacu pertumbuhan dan Keberhasilan Saksama ke Arah Kemakmuran Bersama". (4 markah)
   i. Memacu Pertumbuhan Ekonomi dalam Ekonomi Baharu dan Era Digital
   ii. Meningkatkan Keupayaan Modal Insan
   iii. Mewujudkan Masyarakat yang Bersatu, Inklusif dan Saksama
   iv. Memulihkan Institusi dan Kewangan Kerajaan

**BAHAGIAN B**

Jawab satu soalan sahaja (20 markah)

5. Berdasarkan maklumat yang diberikan dalam petikan di bawah ini, sediakan graf yang sesuai untuk menunjukkan pola kadar perubahan hasil pengeluaran tanaman sayur mengikut wilayah dari tahun 2015 hingga tahun 2018.

MALAYSIA: POLA KADAR PERUBAHAN HASIL PENGELUARAN TANAMAN SAYUR MENGIKUT WILAYAH DARI TAHUN 2015 DAN TAHUN 2018

| Tahun / Wilayah | Hasil Pengeluaran Tanaman Sayur (Tan Metrik) | | | | Kadar Perubahan (%) | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 | 2015-2016 | 2016-2017 | 2017-2018 |
| Semenanjung Malaysia | 1291828 | 1101873 | 907724 | 958450 | -14.70 | -17.62 | 5.59 |
| Sabah | 34211 | 43093 | 43624 | 46162 | 25.96 | 1.23 | 5.82 |
| Sarawak | 46701 | 51872 | 51872 | 55771 | 7.84 | 3.00 | 7.52 |
| Wilayah Persekutuan Labuan | 346 | 320 | 316 | 335 | -7.51 | -1.25 | 6.01 |

(Disesuaikan daripada Statistik Tanaman, Sub-Sektor, Tanaman Makanan, Jabatan Pertanian, 2018)



6. Berdasarkan maklumat yang diberikan dalam petikan di bawah, sediakan carta yang sesuai untuk membandingkan peruntukan Kerajaan Malaysia bagi sektor ekonomi dan sektor sosial pada tahun 2012.

MALAYSIA: PERBANDINGAN PERUNTUKAN BAGI SEKTOR EKONOMI DAN SEKTOR SOSIAL PADA TAHUN 2012

| **Sektor** | **Nilai peruntukan (RM Juta)** | **Nilai peratus (%)** | **Nilai sudut (°)** |
|---|---|---|---|
| **EKONOMI** | | | |
| Pembangunan luar bandar | 4294.3 | 31.19 | 112.31 |
| Perkhidmatan awam | 2463.7 | 17.89 | 64.43 |
| Perdagangan perindustrian | 2849.1 | 20.69 | 74.51 |
| Pengangkutan | 4046.6 | 29.39 | 105.83 |
| Komponen lain | 123.8 | 0.89 | 3.23 |
| **JUMLAH** | 13764.0 | 100.00 | 360.00 |
| | | | |
| **SOSIAL** | | | |
| Pendidikan | 6179.6 | 53.67 | 193.23 |
| Kesihatan | 2808.2 | 24.32 | 87.23 |
| Komponen lain | 2540.1 | 21.99 | 79.19 |
| **JUMLAH** | 11546 | 100.00 | 360.00 |

Dipetik dan disesuaikan daripada Laporan Ekonomi 2011/2012,
Kementerian Kewangan Malaysia



**BAHAGIAN C**

Sila jawab satu saja soalan (25 markah)

7. Aktiviti pelaburan domestik adalah penting dalam memacu pembangunan negara. Pelbagai kelebihan yang terdapat di negara ini mampu meningkatkan aktiviti pelaburan tersebut. Bincangkan.

Pendahuluan: Kini, keperluan untuk menarik lebih banyak pelaburan domestic telah menjadi satu agenda yang sangat penting. Walaupun jumlah pelabur tempatan kecil, tetapi sumbangan mereka tidak boleh dinafikan. Tambahan pula, negara ini mempunyai pelbagai kelebihan untuk menggalakkan aktiviti pelaburan.

| ISI/ IDEA | HURAIAN |
|---|---|
| Kepentingan:<br>1. Mewujudkan peluang pekerjaan | • Dapat mewujudkan banyak peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan<br>• Terbuka luas kepada pelbagai bidang<br>• Membantu membasmi kemiskinan dan kadar kemiskinan serta meningkatkan taraf hidup |
| 2. Menambah pendapatan negara | • Pengaliran wang keluar berkurang, kerana kurang barangan import<br>• Harga dan penggunaan bahan mentah tempatan terjamin, menyumbang kepada pendapatan negara |
| 3. Pembangunan industri sokongan | • Menyumbang kepada pembekalan komponen atau barangan separa siap untuk keperluan industri berat<br>• Penggunaan teknologi tinggi dapat meningkatkan keupayaan pertumbuhan industry sokongan |
| 4. Pembangunan infrastruktur | • Menyumbang kepada pembangunan dan pemodenan infrastruktur dalam negara<br>• Pembinaan insfrastruktur domestik ditingkatkan, tempat kediaman dan Kawasan rekreasi |
| Kelebihan di negara ini:<br>5. Dasar sokongan kerajaan | • Meliberalisasikan dasar berkaitan pelaburan bagi menggalakan pelaburan tempatan<br>• Pakej insentif untuk mengecualikan cukai korporat kepada bidang baru dan berteknologi tinggi |
| 6. Kekuatan asas pembangunan ekonomi | • Menyediakan struktur ekonomi yang pelbagai, dan menguatkan asas ekonomi domestik<br>• Sumber baru pertumbuhan baharu seperti bioteknologi, TMK, produk halal dan kewangan Islam terus dipergiat<br>• Pembangunan k-ekonomi, berpandukan modal insan, inovasi dan idea |

| | |
|---|---|
| 7. Tenaga kerja yang kompoten | • Menawarkan tenaga kerja muda, berpelajaran, produktif yang mahir dan separa mahir<br>• Latihan dan kursus kemahiran untuk meningkatkan kemahiran dan kecekapan |
| 8. Bahan mentah mudah diperoleh | • Menyediakan pelbagai bahan mentah yang mudah diperoleh dan murah<br>• Tiada masalah kekurangan bahan mentah |

Kesimpulan: Kerajaan akan terus menyokong dan merangsang pertumbuhan pelaburan domestic. Sehubungan itu, para pelabur tempatan tempatan disarankan untuk memberikan sumbangan kepada negara, setanding dengan sumbangan para pelabur asing di negara ini.

*Format jawapan: 3+2 atau 2+3*

*8.* Kaedah pengurusan bahan buangan yang betul telah berdepan dengan pelbagai cabaran. Huraikan.

Pendahuluan: Pengurusan bahan buangan dengan cara yang betul sememangnya banyak berdepan dengan pelbagai cabaran. Anggota masyarakat sering kesilapan apabila bahan buangan yang boleh dikitar semula dibuang di tempat yang salah.

| ISI/ IDEA | HURAIAN |
|---|---|
| 1. Tahap kesedaran yang rendah | • Kesedaran yang rendah tentang kebersihan dan cara menguruskan sisa buangan dengan betul<br>• Golongan ini tidak peduli dengan kaedah yang telah ditetapkan |
| 2. Kurang ilmu pengetahuan | • Kurang ilmu menyebabkan sisa buangan dilupuskan sesuka hati<br>• Kaedah pembuangan sisa tidak diikuti dengan betul |
| 3. Kurang teknologi canggih | • Pengurusan sisa memerlukan teknologi yang canggih<br>• Infrastruktur yang lengkap dengan kemudahan 3R masih berkurangan |
| 4. Kurang pakar tempatan | • Pakar tempatan dalam bidang pengurusan sisa pepejal dan cecair tidak mencukupi<br>• Tidak ramai yang berminat menceburi bidang ini |
| 5. Kos pengurusan yang tinggi | • Kos pengurusan sisa semakin meningkat<br>• Kekangan kewangan menjejaskan penyediaan infrastruktur pengurusan sisa |
| 6. Kurang sokongan pihak swasta | • Sokongan pihak swasta masih sederhana memandangkan bidang ini dianggap kurang menguntungkan<br>• Komitmen yang tinggi masih kurang |

Kesimpulan: Semua pihak perlu memberi Kerjasama yang baik dalam usaha menjaga kebersihan. Pengurusan bahan buangan dengan cara yang betul amat diperlukan.

*Pilihan jawapan: 5+0*